

OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

# QIADAH

KELANTAN MENTERI BESAR INCORPORATION  
فِرْدَانِ مَنْتَرِي بَسَرِ كَلَنْتَانِ

FOCUS

KELANTAN: THE LAND OF DINAR & DIRHAM

POETRY

20 YEARS ISLAM ADMINISTRATORS

PERSONALITY

DATO' ABDUL RAZAK SALLEH

"Pah Kito Ni Nok Wat Guano?"



## Tahniah

### SEMPENA SAMBUTAN 20 TAHUN

PENTADBIRAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM KERAJAAN NEGERI KELANTAN

Daripada



Pengerusi, Jawatankuasa Penasihat,  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Kakitangan Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Bersama Anak Syarikat:



## THE LAND OF DINAR & DIRHAM



<http://www.pmbk.gov.my>

FREE ISSUES / PERCUMA



HPA INDUSTRIES (337100 K)

"Produk Halal Tanggungjawab Bersama"™

HPA Halal mart

Halal products to fulfill your daily needs

MERGONG, ALOR SETAR, KEDAH



www.hpa.com.my



RADIX FRIED CHICKEN



Ladang Ayam HPA



Radix Fried Chicken (RFC) merupakan salah sebuah syarikat subsidiari di bawah HPA Industries Sdn. Bhd. Berkonsepan restoran makanan segera yang berlandaskan syariah Islam. RFC menyediakan pelbagai produk makanan segera yang mengandungi herba berkualiti tinggi. Produk lain yang dikeluarkan oleh HPA seperti sos cili, sos tomato, minuman berkaibonat seperti Radix Cola, aiskrim dan lain - lain turut menjadi pelengkap kepada setiap set hidangan. Bahan segera organik yang digunakan dalam penyediaan makanannya juga adalah bebas daripada mengandungi bahan tambahan seperti MSG.



MEE BANDUNG HPA



**HOT DUJAJ** دجاج ayam

Jebih RANGGUP  
lebih PEDAS



**HOT DUJAJ** دجاج ayam

Jebih RANGGUP  
lebih PEDAS

**Nasi Lemak**  
Kengyalang

Lot 1985, Jalan Jejawi Dalam, 02600 Arau, Perlis, Malaysia.  
Call Center : 04-977 6805 Fax : 04-977 4121  
Emel : wahida@hpa.com.my Web : www.hpa.com.my

HPA GROUP OF COMPANIES  
Lot 1985, Jalan Jejawi Dalam, 02600 Arau, Perlis, Malaysia.  
Call Center : 04-977 6805 Fax : 04-977 4121  
Emel : wahida@hpa.com.my Web : www.hpa.com.my

OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

# QIADAH

KELANTAN MENTERI BESAR INCORPORATION

قِرْدَانِ مَنْتَرِي بَسَرِ كَلَنْتَانِ

**Ketua Editor**

**Ir Hj Mustafa Salleh**

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**Setiausaha Jawatankuasa Editorial**

**Nik Aida Nik Mohamed @ Nik Ahmad**

Pengurus Komunikasi Korporat  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**Penulis & Editor**

**Che Shamsudin Othman** (Dinsman)

**Kassim Muhamad** (Barajjwa)

**Penyelaras Editorial**

**Shariah Derahman**

Penolong Pegawai Komunikasi Korporat  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**Penulis Bersama**

**Senator Hjh Mumtaz Md Nawi**

**Dr Mohd Rosli Mohamad**

**Ahmad Fadhl Shaari**

**Shariah Derahman | Salma Husain**

**Zanazanzaly | Nurul Dayanna Norji**

**Wan Anis Husna Faharal Azmi | Norhisham Mustaffa**

**Izzah Jihadi**

**Jawatankuasa Editor**

**Nazri Deraman**

Pengurus  
Tunjong Development Corporation Sdn Bhd

**Mohd Saifulazhar Mamat**

Pengurus

DD Multimedia Solutions Sdn Bhd

**Pengiklanan, Pemasaran & Promosi**

**Jabatan Komunikasi Korporat**

Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Tel : +609-747 4082

**Dicetak oleh**

**Peretakan Zulrahim Sdn Bhd**

Lot 1811, Bangunan KPKB,

Kampung Paya Rambai,

15200 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.

Tel : +6013-943 8881 / +6019-997 6513

**Pembantu Penyelaras Editorial**

**Siti Norazami Mohd Anuar**

Penolong Pegawai Komunikasi Korporat  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**Pereka Grafik & Layout**

**Mohd Haikal Rozaini**

Eksekutif Komunikasi Korporat  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**Pereka Bersama**

**Mohd Muhaimin Mohd Aripin**

Snap La! Group

**Nor Adani Syamimi Ahmad Kamil**

**Jurugambar**

**Ahmad Na'ime Mohamad**

Penolong Pegawai Komunikasi Korporat  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**Jurugambar Bersama**

**Azirah Deraman**

**Anas Karimi Ahmad Thani**

**Wan Faqru Hafieez**

**Mohd Fauzi Mohd Azmi**

**Tugas-tugas Khas**

**Mohd Ali Akbar Yusoff**

Penolong Pegawai Khas  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**Diterbitkan oleh**

**Perbadanan Menteri Besar Kelantan**

Tingkat 6, Bangunan PMBK, Jalan Kuala Krai,

15150 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.

Tel : +609-747 4082

Faks : +609-747 7815

Website : www.pmbk.gov.my

Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat samada secara langsung ataupun tidak langsung dalam penerbitan dan pengedaran majalah ini.

**SENARAI EDARAN**

Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan | Urusetia Penerangan Negeri Kelantan | Jabatan Kerajaan dan Agensi-agensi | Syarikat swasta terpilih | Muzium Negeri | Majlis Perbandaran Kota Bharu – Bandaraya Islam | Syarikat-syarikat Swasta terpilih | Perhotelan dan Agensi-agensi Pelancongan | Kedutaan-kedutaan Malaysia terpilih dan Suruhanjaya Tinggi | Kedutaan-kedutaan Asing | Institut Pengajian Tinggi terpilih dan Majlis Pelajar-pelajar | Persatuan Anak Kelantan Di Perantauan | Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mana-mana bahagian di dalam majalah ini sama ada artikel, gambar dan isi kandungan dicetak tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada pihak PMBK. Sidang editor berhak melakukan penyuntingan ke atas tulisan selagi tidak mengubah isi kandungannya. Semua material penerbitan yang dikirimkan kepada PMBK akan menjadi hak milik PMBK. Sebarang pertanyaan berkaitan editorial dan pengiklanan serta edaran perlu dialamatkan kepada PMBK. Sidang redaksi menyediakan hak-hak untuk pengeditan dan / atau menulis semula semua bahan menurut keperluan penggunaan penerbitan.



Persembahan Ucapan Tahniah  
Kehadapan



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN MUHAMMAD KEV**  
D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., S.P.K.K., S.P.S.K

di atas pelantikan dan pemasyhuran sebagai

**Sultan dan Yang Di-Pertuan Bagi Negeri Kelantan Darulnaim  
dan Jajahan Takluknya**

Pada

04 Syawal 1431 H bersamaan 13 September 2010


Yang Merafak Sembah Dan Menjunjung Kasih



Pengerusi, Jawatankuasa Penasihat,  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Kakitangan Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Bersama Anak Syarikat:





MUKA DEPAN: DINAR & DIRHAM KELANTAN

# QIADAH

OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

KELANTAN MENTERI BESAR INCORPORATION

فِرْدَانِ مَنْتَرِي لِبِسْرِكِ لَبْتِنِ

Abad ini adalah abad yang paling istimewa bagi umat Islam kerana hanya Islam mempunyai solusi yang sejati! Rakyat negeri Kelantan adalah rakyat yang bertuah kerana negeri ini akan menjadi 'model' kepada pengembalian Islam dengan pelancaran matawang Syariah iaitu Dinar dan Dirham Kelantan.

FOKUS



12 PELANCARAN DINAR & DIRHAM

VARIASI




18 KERANA DINAR & DIRHAM

PUISI



26 20 TAHUN ISLAM MENTADBIR

VARIASI



28 EKONOMI KELANTAN

VARIASI



34 SISTEM PENTADBIRAN TGNA

PEMIMPIN



40 DATO' ABDUL RAZAK SALLEH

TOKOH



48 UST. YAHYA UTHMAN

MAKANAN



60 LOMPAT TIKAM

JENAMA KELANTAN



63 ANEKA JUADAH RAMADHAN

KELANTAN SANA-SINI



67 MEE KG. PEK

INSPIRASI KELANTAN



71 PROF. EMERITUS DATUK DR. NIK SAFIAH

FOKUS PMBK



76 TAMRIN 2010

AKTIVITI PMBK



80 PROJEK BBT

AKTIVITI PMBK




82 PAMERAN MUKTAMAR

AKTIVITI PMBK




84 TEKNOLOGI KULTUR TISU

AKTIVITI PMBK



86 MAJLIS BERBUKA PUASA PMBK

TEROWONG MASA




88 PASAR MPKB

FOCUS



16 THE LAND OF DINAR & DIRHAM

POETRY



22 20 YEARS ISLAM ADMINISTRATORS

HERITAGE




52 THE KERIS



Marketing Made Easy

DESTINATION



56 GUA MUSANG

KELANTAN A-Z



90 KELANTAN A-Z

Selalulah Guna Produk Yang Bermutu,  
Bersih Lagi Suci Keluaran  
**CHE MAH & SONS SDN BHD**

Boleh didapati di kedai-kedai runcit, toko jamu, kedai ubat cina, farmasi dan MYDIN



Pengilang:

**CHE MAH & SONS SDN BHD** (278832-A)

Lot 2959, Kg. Simpang Empat, 17000 Pasir Mas, Kelantan  
Tel/ Faks: 09-794 3696

Pengedar:

**MINYAK MESTIKA MARKETING SDN BHD** (585176-M)

No. 5, Wisma MDT, Jalan Puteri Saadong, 16250 Wakaf Bharu, Kelantan  
Tel: 09-719 1332 Faks: 09-719 9925



SIRIM  
(Malaysia)

# Peristiwa

Pesta Wau Antarabangsa 2010, Pantai Irama, Bachok, Kelantan, 15-18 Julai. Acara tahunan ini telah masuk kali yang ke 28 tahun ini.

*The International Kite Festival 2010, Pantai Irama, Bachok, Kelantan, 15-18 July. This annual event is its 28th this year.*



# Mutiara Kata

1. Nasihat ialah keperluan dalam agama. Ia adalah kerja agama. Ibumama perlu nasihat kepada anak-anak, rakyat perlu nasihat kepada pemimpin. Demikianlah pemimpin perlu nasihat kepada rakyatnya. Nasihat ini bukan hanya ajaran demokrasi tetapi ianya merupakan kerja agama yang diajar oleh Rasulullah SAW.

*-Semasa berucap merasmikan Jubli Emas SMU (A) Sulaimiyyah Bunut Payung pada 3 Julai 2010.*

2. Senjata bagi seorang mukmin ialah doa. Amatlah pelik bagi seseorang yang mempunyai senjata tetapi tidak pernah digunakan untuk melawan musuh. Justeru, banyakkannya berdoa dan menyuarkan hasrat kepada Allah SWT khususnya di waktu dinihari...

*- Semasa menutup Konvensyen Armalah Kelantan 2010 pada 8 Julai 2010.*

3. Kemampuan akal manusia yang terbatas memerlukan kepada suatu kuasa yang lain untuk menentukan peraturan di dalam hidup mereka. Umpama seekor binatang yang tidak boleh didisiplinkan oleh sesama binatang, lembu misalnya tidak boleh didisiplinkan oleh seekor lembu, perlu kepada manusia yang mengajarnya. Demikianlah juga manusia, perlu didisiplinkan oleh kuasa yang lain, dan kuasa itu ialah Allah SWT.

*-Tazkirah ringkas di Pejabat Menteri Besar pada 12 Julai 2010.*

4. Mentadbir negeri sama sukarnya dengan mentadbir tubuh badan. Jika tubuh badan ini dipandu oleh hati yang begitu kecil, maka hati bagi sebuah negeri ialah pemimpinnya.

Tubuh badan akan melaksanakan kerja yang baik jika hati yang mentadbirnya baik. Demikianlah sesebuah negeri itu insyaAllah akan menjadi baik jika dipimpin oleh pemimpin yang baik.

*-Semasa berucap di Majlis Perasmian Jajahan Kecil Lojing, 31 Julai 2010.*



Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat

# Nota Ketua Editor

Sesungguhnya tanggal 21 Oktober 1990 itu umpama jendela baru rumah sejarah Malaysia, khususnya Kelantan Darul Naim. Secara berterusan, selama dua dekad rakyat "Serambi Mekah" telah membenarkan jendela itu dibuka — mereka mengangkat Islam menjadi teras sebuah pemerintahan.

Sebenarnya ini bukanlah kali pertama sebuah parti yang menjadikan Islam sebagai landasan perjuangannya memerintah Kelantan. Namun tempoh dua dekad yang mencatat segala macam kegetiran pertarungan berterusan mentadbir sebuah negeri yang miskin, di tengah-tengah cengkaman Kerajaan Pusat yang sangat berkuasa, adalah sejarah yang cukup menakjubkan.

Selama dua dekad Negeri Kelantan ditadbir bertunggakkan falsafah "Membangun Bersama Islam" dengan *Ubudiah, Mas'uliyah dan Itqan* sebagai teras-teras utamanya. Namun di antara persoalan yang sentiasa timbul di kalangan rakyat jelata dan para pemerhati ialah bagaimana pembangunan yang diharap-harapkan itu diisi: Persoalan besar yang cukup mendasar ialah bagaimana ia mengurus ekonominya. Salah satu aspek penting ekonomi itu ialah sistem kewangannya.

Dengan latar ini, QIADAH dalam keluaran ini memberikan tumpuan kepada usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam memelopori Dinar dan Dirham iaitu melalui Kelantan Golden Trade (KGT). Sesungguhnya kelahiran dinar emas Kelantan ini adalah satu lagi langkah membawa Kelantan Darul Naim ke depan — ke pentas dunia.



Ir Hj Mustafa Salleh



Oleh Kassim Muhamad

# PELANCARAN DINAR & DIRHAM KELANTAN

## Kembalinya Matawang Syariah ke Pangkuan Ummah

Khamis 2 Ramadhan 1431 bersamaan 12 Ogos 2010, bertempat di Dewan Konvensyen, Kelantan Trade Centre, Kota Bharu, tercipta sebuah peristiwa besar dalam sejarah peradaban ummah di zaman moden ini. Benar, sebuah peristiwa besar telah tercipta. Mungkin ada yang berkata pernyataan ini terlalu berlebih-lebihan, atau sekadar sebuah propaganda?

Kecil besarnya peristiwa mungkin dapat dilihat begini: Dinar, matawang syariah telah 'membeku' dengan kejatuhan Sultan Abdul Hamid II, Khalifah Uthmaniyah Turki, pada tahun 1924. Dengan terkuburnya institusi khalifah itu peranan dinar telah diambil-alih oleh wang kertas. Padahal sebelum peristiwa itu dinar telah sekian lama menjadi tunggak muamalat, dan ia adalah bahagian penting mata rantai "Islam itu satu cara hidup". Pada 2 Ramadhan 1431 itu dinar dihidupkan semula, oleh Kerajaan Negeri Kelantan. Dinar emas dan dirham perak kini hidup semula sebagai Dinar dan Dirham Kelantan; dirasmikan pelancarannya oleh Menteri Besar Tuan Guru Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz bin Nik Mat.

Ditinjau dari sudut apa sekalipun, nyatalah kesan dan makna serta impak dan pengaruh pelancaran dinar dan dirham Kelantan ini cukup besar. Dan jika diteliti dengan penuh saksama suasana pada hari tersebut, beberapa aspek begitu jelas terakam.

Di sana ada aura yang memancar, keterpegungan yang terungkap, keharuan yang menyayat hati dan mungkin paling penting harapan baru yang tercetuh. Ia permulaan sebuah kebangkitan. Semuanya menjadi rekod sebuah peristiwa besar untuk ummah.

Sebenarnya ramai yang merasakan nada yang tersurat, dan roh serta semangat yang tersirat dalam ucapan-ucapan para jemputan. Ucapan-ucapan yang mengalu-alukan sebuah peristiwa besar sehinggakan ada yang begitu sayu kegembiraan - tiba-tiba saja sebak sehinggakan terkelu buat beberapa ketika!

### APAKAH INI SEKADAR RETORIK?

Dalam menggariskan gagasan besar sebuah perubahan, pagi itu pihak penganjur pun tidak lupa membentangkan kepada khalayak pelbagai aspek perlaksanaannya. Di samping dinar dan dirham dilancar, pihak penganjur juga membentangkan mekanisme dan kaedah, serta prasarana dan peralatan yang telah dan sedang diwujudkan. Misalnya di Kota Bharu telahpun wujud rangkaian hampir seribu buah kedai, gedung, warung dan pasaraya yang bersetuju menerima dinar dan dirham dalam urusan perdagangan mereka. Senarainya dibukukan dan diedarkan kepada khalayak. Di samping itu mesin prototaip ATM yang mampu membezakan dinar dengan bahan-bahan palsu atau bukan dinar juga ditunjukkan.



Mesin prototaip ATM yang mampu membezakan dinar dengan bahan-bahan palsu atau bukan dinar.

Dan semua itu tentulah belum cukup lengkap jika tidak ada tindakan susulan bagi membolehkan dinar dan dirham itu benar-benar mencapai sasarannya sebagai medium atau prasarana jual-beli yang merakyat - "people's currency". Untuk mencapai matlamat tersebut beberapa tindakan perlu dilaksanakan. Antara lain termasuklah pelantikan wakalah atau agen, di samping wadi'ah atau institusi simpanannya juga disediakan.

Untuk benar-benar merakyatkannya serta mendapat "kelazatan" wang syariah ini (seperti kata Dato' Husam Musa), ia mestilah digunakan dalam transaksi harian. Dan untuk itu diperlukan pula pecahan dirham yang lebih kecil daripada yang sedia ada. Ini pun dicadangkan oleh wakil daripada Indonesia, Pak Daim, dalam ucapan aluannya.

Dan beberapa hari selepas dilancarkan itu, akhbar Harakah (13 Ramadhan) melaporkan sambutan rakyat Kelantan yang sangat menggalakkan. "Orang ramai berebut-rebut membeli matawang syariah itu," laporanya. Seorang peniaga, Abu Kasim Abdul Hamid, 43, menyatakan sokongannya terhadap sistem kewangan Islam itu. "Penggunaan dinar membolehkan peniaga mendapat keuntungan, iaitu untung hasil jualan dan dapat memiliki matawang dinar atau dirham."

### KENAPAKAH DINAR & DIRHAM PENTING KEPADA UMMAH?

Menteri Besar Tuan Guru Nik Abdul Aziz dalam ucapan pelancaran Dinar dan Dirham (D&D) itu, antara lain menjelaskan bahawa "Dinar merupakan matawang berasaskan emas yang dicadangkan digunakan di seluruh dunia terutama negara-negara Islam. Istilah ini dipilih kerana berteraskan matawang Islam yang pernah digunakan di negara Madinah al-Munawwarah pada zaman Nabi Muhammad lagi, iaitu dinar."

Sebenarnya dinar dan dirham bukanlah sesuatu yang baru. 'Akar Islam' yang menjadi salah satu dorongan kuat untuk mengembalikan dinar dan dirham ini dapat dilihat dalam ayat-ayat al-Quran yang dipetik semasa pelancaran. Ayat 19 surah Al-Kahfi bermaksud: "Maka suruhlah salah seorang di antara kamu untuk pergi ke kota membawa wang perakmu ini, dan hendaklah dia lihat manakah makanan yang lebih baik, maka hendaklah dia membawa makanan untukmu, dan hendaklah dia berlaku lemah-lembut dan jangan sekali-kali menceritakan hal mu kepada seseorang pun." Sepotong ayat lagi yang turut dipetik ialah ayat 20 surah Yusuf, yang bermaksud: "Dan mereka menjualnya dengan harga yang murah, beberapa dirham saja bilangannya."

Itu adalah petunjuk bahawa dinar dan dirham pernah dan boleh dijadikan matawang syariah. Salah satu aspek positifnya ialah hakikat bahawa ia kalis inflasi. Peristiwa pemuda Al-Kahfi telah menunjukkan bagaimana dirham dapat mengharungi zaman (bayangkanlah jika ia wang kertas seperti sekarang), selama 309 tahun.

Bukti bahawa wang syariah ini kalis inflasi dapat juga dilihat dalam contoh yang dibawa Tuan Guru Nik Aziz dalam ucapannya: "Seekor ayam berharga satu dirham ketika zaman Nabi Muhammad S.A.W, zaman perkembangan Islam di negeri Arab serta zaman ketamadunan khalifah Islam. Hari ini seekor ayam masih berharga satu dirham di kebanyakan tempat di seluruh dunia, apabila dibandingkan dengan nilai harga ayam runcit semasa. Ini sekaligus menunjukkan inflasi sifar dalam jangka masa 1400 tahun."



Tetapi apakah itu saja sebab-sebab penting kenapa dinar dan dirham dikembalikan kepada ummah? Mengikut Husam Musa (Exco Perancangan Ekonomi, Kewangan dan Kebajikan), terdapat pelbagai kelebihan lain tentang wang syariah ini, termasuklah faktor-faktor kekukuhan nilainya yang sudah pun terbukti, di samping kemampuannya menjadi indeks atau petunjuk ekonomi. Melalui kisah al-Kahfi yang dijadikan asas ucapannya itu misalnya, kita dapat melihat bagaimana dirham berupaya menjadi medium atau cara simpanan dan pelaburan, di samping menjadi medium untuk berjual beli.

Demikianlah - dua dekad yang lalu PAS mengambil alih pucuk pemerintahan daripada UMNO. Selama dua dekad itu segala perkara asas atau tunggak utama sebuah pentadbiran Islam, (segala yang perlu diletak semula dan diperbetulkan), telah diletak asasnya oleh pentadbiran Tuan Guru Nik Abdul Aziz. Ia termasuklah pemindahan wang kerajaan dari sistem yang berteraskan riba kepada yang bukan riba; penutupan premis-premis judi; memberikan penghormatan sewajarnya kepada wanita dengan arahan menutup aurat dan cuti bersalin yang dipanjangkan; dan pinjaman tanpa faedah kepada anggota perkhidmatan kerajaan - sekadar menyebut beberapa contoh.



Hari ini Kelantan telah memasuki era yang baru. Ia memilih untuk melancarkan matawang syariah - Dinar dan Dirham Kelantan. Ternyata ia langkah futuristik yang melontarkan Kelantan ke arena antarabangsa.



Menteri Besar Kelantan bergambar kenangan bersama wakil-wakil dari luar negara sempena Majlis Pelancaran Dinar dan Dirham Kelantan

## APAKAH DINAR EMAS DAN DIRHAM PERAK?

Dinar emas dan dirham perak adalah wang tradisi yang telah digunakan untuk pelbagai tujuan dalam kehidupan. Ia disebut dalam al-Quran yang sekaligus telah membuktikan penggunaannya.

Ia juga adalah wang syariah yang digunakan oleh umat Islam sejak permulaan Islam sehinggalah kejatuhan Khalifah yang terakhir pada awal abad ke-20. Sebagai wang, ukuran berat emas dan peraknya spesifik. Pada zaman Khalifah Umar al-Khattab berat dinar dikenali sebagai mithqal, sementara beratnya dirham ialah 7/10 (tujuh persepuluh) mithqal.





# KELANTAN : THE LAND OF DINAR AND DIRHAM

The inauguration of the Shariah Currency, dinar and dirham Kelantan on the 2nd of Ramadhan 1431/12th of August 2010, at the Convention Hall, Kelantan Trade Centre, Kota Bharu, Kelantan by the Honourable Chief Minister of Kelantan Tuan Guru Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, marked the beginning of a new era in Kelantan. The birth of the Kelantan Dinar and Dirham, undoubtedly a historic financial landmark, has laid one of the much-sought-and-aspired Shari'ah-compliance pillars of the economy — a non-bias-riba-free currency.

The event was jointly organised by Kelantan Menteri Besar Incorporation (PMBK) and its subsidiary, the Kelantan Golden Trade Sdn Bhd (KGT).

Among the guests and dignitaries of the occasion were representatives from Aceh, Mindanao and European personalities who have long been closely associated with the dinar. From the speeches of these foreign representatives, one could feel the mood and sensed the aura created

by the return of the dinar. One, stunned by the occasion, was visibly overjoyed — momentarily lost for words.

The backdrop to the long journey which led to the 2nd of Ramadhan 1431 event started when KGT was formed by PMBK. The chaotic global financial crisis of 1995 prompted the then Prime Minister Mahathir Mohammad to propose the re-introduction of the dinar in the financial and economic system. The idea however, forestalled when Abdullah Badawi took over the leadership of Malaysia. The Kelantan government however proceeded with its mission to introduce the Kelantan gold dinar and silver dirham.

On the memorable Tuesday morning, the 8th of June 2010, in line with the standard procedure of the minting industry, the box with the set of sample gold dinars and silver dirhams of the State of Kelantan had arrived from the World Islamic Mint, Dubai.  
**(<http://muamalahcouncil.com>).**

Actually this was not the first time the Kelantan State had its first gold dinar. Four years ago, in 2006, it had then minted its first gold dinars — only the gold dinar without the silver dirham. Apart from the inclusion of the silver dirham, the 8th of June 2010 delivery was significantly important because of a host of reasons.

Firstly, this is the very first time the Kelantan dinars and dirhams are minted in accordance with the international standard, one which is set by the World Islamic Trade Organisation (WITO) and monitored by World Islamic Mint (WIM). It is said that for the last twenty years, 99% of all dinars and dirhams minted worldwide is the work of WIM.

The new Kelantan coins which carry the WIM logo on one side and bear the coat of arms and name of Kelantan Government on its reverse are minted in all denominations — namely ½, 1, 2, 5, 8 for the dinars and 1, 2, 5, 10, 20 for the silver dirhams. The coins have since attained an international status and acceptance of millions, Muslim and non-Muslim consumers alike around the globe.

"The new coins, available to public throughout the state of Kelantan under a homogenised pricing scheme" would be accepted by all the state companies and other participating outlets, bearing stickers "We Choose and Accept Dinar and Dirham". This is just the beginning, the first phase.

To further enhance the customers' needs and satisfaction, it is envisaged that the second phase would see the introduction of features

such as safe-keeping facilities (wadiah) and the electronic payment system.

There is no doubt that the introduction of the Kelantan Dinar and Dirham augurs well not only for Kelantan's economy, but more importantly this economic move has laid the very basic foundation for the future of an Islamic-based, interest-free monetary tender mechanism — in place of the present prevailing paper currency transaction. The present paper currency system is one monetary system which is infested with all forms of defects and shortcomings. More important is the fact that the dinar and dirham is an interest-free financial system, a hallmark of the Islamic economy.

The State of Kelantan has just embarked on its next phase of its development. Undoubtedly the introduction of Kelantan gold dinar and the silver dirham is that historic first step of the next phase. The launching of the dinar and dirham of Kelantan has undoubtedly brought this modest yet blessed serene lowland garden of blooming flowers into the international scene.

May Allah bless and free us all — mankind from all forms of oppression.

# KERANA DINAR & DIRHAM & KELANTAN

## KOTA BHARU AKAN BERTUKAR WAJAH

Oleh Dinsman

Keluar dari Dewan Konvensyen, Kelantan Trade Center (KTC) tengahari Khamis 2 Ramadhan 1431 (bersamaan 12 Ogos 2010), saya seperti melihat wajah Kota Bharu dan Kelantan yang berbeza sekali. Wajah yang sama sekali baru. Sebuah *Financial Hub* (Hub Kewangan) baru yang bertaraf dunia, berasaskan Dinar dan Dirham Kelantan, sedang bermula di sini.

Hah, apakah saya berimajinasi keterlaluan? Saya tak pasti, tapi itulah yang bermain di kepala saya, selepas mendengar ucapan-ucapan dari pelbagai pihak, termasuk beberapa orang dari luar negara, dalam majlis pelancaran Dinar dan Dirham Kelantan itu.

Memang Kota Bharu (dan juga Gua Musang) sekarang pun sedang bertukar wajah fizikalnya disebabkan oleh projek-projek pembinaan yang sedang berjalan di sana-sini. Rasanya dalam

tempoh 20 tahun PAS mentadbir Kelantan sejak 1990 belum pernah negeri ini mengalami pembangunan fizikal sepesat hari ini.

Namun saya membayangkan perubahan yang lain. Saya membayangkan perubahan yang di luar dugaan dan jangkaan sesiapa pun. Ramai orang akan terkejut dengan peristiwa yang tak dijangka ini. Dinar emas dan Dirham perak yang dikeluarkan oleh Kelantan, yang baru tadi dilancarkan oleh Menteri Besar Tuan Guru Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, dengan disaksikan oleh wakil-wakil dari beberapa negara luar seperti Sepanyol, Jerman, Switzerland, Dubai, Indonesia (Acheh) dan Filipina (Sulu), akan segera menarik perhatian dan kepercayaan ummah dari seluruh dunia, dan akan segera mengubah wajah Kota Bharu dan Kelantan.



Majlis Pelancaran Dinar & Dirham di Kelantan Trade Centre, Kota Bharu

Kota Bharu dan Kelantan selepas 2 Ramadhan 1431 tidak akan sama lagi dengan yang sebelumnya. Sama sekali berbeza. Dan saya fikir proses perubahan ini tidak akan mengambil waktu yang lama. Inilah dia, Kelantan akan benar-benar mengubah Malaysia!

Sewaktu melangkah masuk ke Dewan Konvensyen, KTC paginya, untuk menyaksikan perasmian pelancaran Dinar dan Dirham tersebut, saya sama sekali tidak menjangka bahawa apa yang akan disaksikan di situ adalah sedemikian hebatnya.

Saya fikir orang lain juga sama seperti saya, tidak menjangkanya, kecuali beberapa orang yang terlibat dalam usaha itu sendiri, yang diketuai oleh Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Ekonomi, Kewangan dan Kebajikan Negeri Kelantan, Dato' Hj Husam Musa; dan dua orang kuat syarikat Kelantan Golden Trade Sdn Bhd (KGT) – Prof. Umar Ibrahim Vadillo (Ketua Pegawai Eksekutif) dan Nik Mahani (Pengarah Eksekutif).



KGT ialah anak syarikat Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK), yang bertanggungjawab merancang dan melaksanakan projek Dinar dan Dirham Kelantan ini. Prof Umar (berasal Sepanyol) dan Nik Mahani (berpengalaman luas dalam perbankan) adalah tokoh yang telah lama bekerja keras bagi melihat Dinar dan Dirham kembali digunakan oleh umat Islam di dunia. (Nik Mahani juga telah menghasilkan beberapa buah buku yang berkaitan).

Maka sewaktu Prof Umar berucap memberi penerangan mengenai apa yang berlaku di sebalik pelancaran Dinar dan Dirham (D&D) tersebut, saya mulai menyedari bahawa suatu gerakan pembaharuan dalam sistem kewangan sedang terjadi. Bahawa pelancaran D&D Kelantan ini bukanlah suatu kejadian terpencil yang sekadar lanjutan daripada pelancaran Dinar Kelantan 2006 dahulu, tetapi ia adalah manifestasi suatu gerakan ummah yang secara kebetulan terzhahir di Kelantan, hasil daripada suatu kepimpinan politik Islam yang berani yang dibawa oleh Tuan Guru Nik Abdul Aziz.

Maka apabila wakil daripada Indonesia tiba-tiba menjadi sebak dan tak dapat melafazkan ucapannya buat seketika di atas pentas, saya terasa bahawa kesedaran itu tiba-tiba membuak-buak di Dewan Konvensyen itu. Dengan suara yang

tersekat-sekat dia menyatakan bahawa kebekuan ummah yang berlaku sejak kejatuhan khalifah Uthmaniyah di Turki seratus tahun lalu, kini sedang mencair semula.

Beliau terharu kerana menyaksikan kebangkitan ummah melalui penggunaan semula matawang Dinar dan Dirham yang turut diusahakannya di negaranya itu, rupa-rupanya kini telah menjadi kenyataan di Kelantan.

Dan secara diam-diam pula, rupa-rupanya KGT telah berjaya mendapatkan persetujuan hampir seribu kedai di Kelantan, yang bersedia untuk menerima dinar dan dirham Kelantan, dalam urusan jual-beli mereka. (Buku senarai kedai-kedai tersebut turut dibekalkan kepada hadirin di majlis itu).

Dalam majlis perasmian itu juga, seorang peniaga dari Kuala Lumpur, Hishamuddin Tan Sri Ubaidillah, tampil membayar zakat dengan dinar bernilai RM15 ribu, disaksikan oleh Tuan Guru Nik Aziz.

Dari Kuala Lumpur juga sebuah kedai menunjukkan komitmennya menerima D&D Kelantan dalam urusan jual-belinya, dengan melakukannya di pentas majlis itu, iaitu Saba Islamic Media.

Dan di pentas itu juga Tuan Guru Nik Aziz selaku Pengerusi PMBK menyampaikan bayaran gaji kepada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Ir Hj Mustafa Salleh, dalam bentuk Dinar Kelantan.

Demikianlah makanya sewaktu melangkah keluar dari bangunan KTC tengahari Khamis 2 Ramadhan itu, saya bukan sahaja membayangkan wajah baru yang akan menjelma bagi Kota Bharu dan Kelantan tidak lama lagi, tetapi juga merasakan perubahan sedang berlaku dalam fikiran saya sendiri, mengenai beberapa perkara yang saya anggap penting dan utama dalam menilai kecemerlangan pentadbiran Islam di Kelantan.

Memang ini suatu peristiwa besar yang sedang berlaku di Malaysia, yang kemungkinan akan sekali lagi menjadi tsunami yang membawa kesan cukup besar, yang nampaknya sukar untuk dikendalikan oleh para pemimpin Barisan Nasional yang diterajui Dato' Sri Najib. Sesuatu yang sepatutnya berlaku di peringkat nasional, tetapi ia berlaku di peringkat negeri yang dikuasai oleh pembangkang, namun mempunyai impak yang bertaraf antarabangsa.

Sesiapa yang hadir dalam majlis pelancaran itu pasti akan merasai bahawa ia adalah sebuah peristiwa peringkat antarabangsa, yang berlaku di Kota Bharu, Kelantan. Matawang Dinar dan Dirham Kelantan yang dilancarkan itu pun bukannya dicetak di sini, tetapi di Dubai, oleh World Islamic Mint, mengikut *standard* yang diperakui oleh World Islamic Trade Organisation (WITO).

Maka dengan membayangkan Kota Bharu suatu hari nanti akan menjelma sebagai World Islamic Financial Hub berasaskan matawang Dinar dan Dirham itu, apakah saya berimajinasi keterlaluan? Saya fikir tidak, dan saya menjadi begitu yakin apabila mendengar Dato' Husam Musa sendiri menjawab soalan saya itu, dengan menceritakan perancangan masa depan Dinar dan Dirham Kelantan, sewaktu para tetamu telah ramai meninggalkan bangunan KTC, tengahari awal Ramadhan yang sangat bersejarah itu. (Hrkh.16.8.10)



# 20 Years Islam Administers

*Alhamdulillah*, come October, it will be 20 years since Islam administers  
Our gratitude to Allah, ladies and gentlemen, for here we are as grateful witnesses manifesting the certainty that where Islam is positioned justifiably to administer a state proven would be its superiority, 20 years under the leadership of an ulama, devout and pious earnestly guileless devoted to Islamic values unto himself and when appointed as the leader of a state not a particulate does he alter his daily life of a tok guru who educates not either he alter his attire and abode and today we express our gratitude for here we are as grateful witnesses manifesting Islam justifying its superiority here in Kelantan

here in this modest lowland garden of flowers its inhabitants always associate themselves with the eternal Next World. It is here, ladies and gentlemen where seeds are being sowed and watered with much diligence, patience and endurance year after year season after season in rain or shine by him victim of slanders, despised, ridiculed, obstructed and frustrated by fellow countrymen of the same religion and race, regardless they move on  
guided by the humility of unyielding faith and piety desires devoted to the love of Allah and His Prophet, not ever contemplating any rewards of prosperity from position of authority but simply only  
to guide and educate the people  
to remember God

He creator of the universe the sky the earth the sun the moon the wind the rain the plants the whole system and He creates mankind hence who should have the ultimate knowledge on the needs of man his positive and negative values his usefulness and vainness? for all the rules have been laid in the Quran and Hadith of His prophet Muhammad *rahmatan lil-'alamin* directing us to follow the right path towards the true destination the true purpose, the true objective that is Eternity – this is Islam the spring of compassion doused without weariness without exhaustion without lamentation by Tok Guru Nik Abdul Aziz for 20 years treading thorns and spines dodging spears and bullets in his endeavour to provide the space for Islam to administrating this land

in this modest lowland garden of flowers, its inhabitants always associate themselves with the eternal Next World where Heaven awaits – as dreams become reality where Hell awaits – a crater of fire of indescribable torment while here in this world our life is but an endless test of endurance

where sins and rewards are being constantly judged by Allah the Creator Most Beholding Most Observing Most Merciful Most Just towards His servants Islamic administration is profoundly different from the secular all its policies and law are sourced not from the Parliament or the State Assemblies, but the Quran and Hadith where rules laws and the Constitution are already established created together with the creation of mankind since time eternal here in this world man just needs to implement them, through proper interpretation and approach, legislated by the State Legislative Council Progress With Islam – *'Ubudiah, Mas'uliyah, Itqan* there is no gambling no alcohol no loan interest no night club no vice no extreme entertainment. Where women are honoured their self-respect esteemed never are they exploited to satisfy man's lust or to boost sales

Everything is different – even the yardstick for accomplishment is different not the GNP the stock exchange index the rate of foreign investment but the mosques thriving with their congregations children fluently reciting the Quran many among them able to memorize students who excel in cultivating the culture of the love of knowledge while markets flourish with prices never excessive no act of fraud or deception while the farms are thriving for farming is devotion as devoted are those employed in offices and factories whose faith is guileless and only unto Allah, social intercourse among youths always bounded by decency, while the crime rate keeps declining when the impoverished are given due consideration and aid never are they despised because of their poverty while praying ensures to safeguard people from *fahsya'* and disobedience

Here various welfare schemes were established to assist the needy – senior citizens, the impoverished, the incapable victims of natural disaster, and much more, for those who are non-materialistic here is harmony – *Baldatun Tho'iyyibah wa-Rabbun Ghafuur*

For 20 years it had been proven the nearly incredible is now a reality under the scrutiny of huge telescopes of the ravenous media and federal agencies a virtuous administration free from corruption is now established in a state whose nation however is ruled by a different secular undemocratic regime where corruption is rampant. For 20 years ladies and gentlemen and four general elections they put all efforts and utilise all authorities to deceive and mislead and under these persistent onslaughts this small sized man this gentle courteous ulama with his typical village character stands firm and intact with a turban covering his head defending the righteousness of his administration free from corruption cronyism nepotism though he has been baselessly accused he nevertheless steadfastly resists with a turban on his head both hands out stretched offering prayers to Allah manifesting to the world that this is Islam that administers, absolute in its constrictions a model of an Islamic nation

Ladies and gentlemen  
 Let us together ponder over an issue tonight  
 We have had our struggle for over hundreds of years  
 since Islam was defeated by the European and Western civilizations  
 and since the establishment of the Pan Malaysia Islamic Party what actually  
 are we struggling for? Let us contemplate for a moment tonight  
 Is not what is now transpiring within the administration of Kelantan  
 that we had been struggling for? An Islamic state and nation! Where else  
 can we find a state or nation whose political system state administrative system  
 economic system financial system educational system and whose policies on  
 entertainment women family welfare sports are as total and complete – a model  
 administration of an Islamic nation harmonious and just  
 one that the whole world is looking for  
 for the world of today is losing its civilization

Ladies and gentlemen  
 Let us tonight contemplate over this issue  
 We have had our struggle for over hundreds of years  
 What are we actually struggling for? If not for Islam  
 Here – this unique model of an Islamic state administration  
 peaceful harmonious knowledgeable faithful united  
*yakmuruna bil-ma'ruufi wa yanhauna 'anil-munkar*. Isn't this  
 the model of administration the world has been searching for?  
 This that differs from the others, this that brings a new dimension and  
 meaning to civilization – a dimension that emphasizes on humanity  
 which is so universal that it encompasses Eternity  
 that brings man closer to his God the creator  
 Most Benevolent Most Merciful Most Forgiving

This – a discovery of immense value  
 that is with us now, around us while we seemingly  
 not treasuring it. Come along! Let us accomplish actions that will  
 elevate it to a status to be appreciated by the whole world  
 academicians with expert knowledge on theory should analyse  
 and we should record them vigilantly with regards to their immense value  
 An example, if what Nik Abdul Aziz presented in his lectures on the  
 interpretation of the Quran is compiled into books he could actually be  
 at par with Syed Qutub. Ladies and gentlemen  
 this one great achievement of ours we have indeed proven:  
 20 years of Islamic administration, here

The time has arrived  
 to reopen the map of the world. Yes, let us reopen the Map of The World!  
 For so long have we allowed the Zionist Jews to manipulate this world  
 Now the time has arrived – for us to rebuild for us to strengthen  
 a Truth called Islam in its form most attractive most beautiful  
 that has been in transformation thoroughly analysed  
 in the laboratory in a campus called Kelantan Darulnaim  
 now is the time for us to rise to show the world  
 This is it!  
 the Formula they have been looking for  
 Don't hasten to steal rob and kill simply because  
 you earn to own – only piety!  
 it all belongs to us – here  
 unto Eternity

Ladies and gentlemen  
 It is not with bullets it is not with bombs it is not with tanks  
 for us to reclaim our position as Allah's Khalifah on this earth  
 but with the sophisticated weapon of 'knowledge-and-practice'  
 as formulated under the leadership of Tok Guru Nik Aziz here  
 One great formula  
 "A Model of Islamic Administration"  
 A Model of Islamic Administration

Ladies and gentlemen  
 Allow me to move the resolution!

DINSMAN  
 (Translated by S. Jaafar Husin)

*(First recited at the Konsert Naskah Cinta and the launching of Lajnah Seni Budaya PAS Pusat,  
 in conjunction with PAS Annual Muktamar, June 11, 2010, PUTIK, Kota Bharu, Kelantan)*

# 20 TAHUN ISLAM MENTADBIR

Alhamdulillah, Oktober ini 20 tahun Islam mentadbir. Kita bersyukur alhamdulillah tuan-tuan/puan-puan kerana kita adalah saksi-saksi yang menyaksikan bagaimana Islam apabila dilizinkan mentadbir negeri ia membuktikan keunggulannya, 20 tahun di bawah pimpinan ulama yang zuhud ikhlas sungguh-sungguh menghayati Islam sepenuhnya pada dirinya dan apabila diangkat menjadi ketua pemerintah sebuah negeri sezarah pun tidak dialihnya kehidupan harian seorang tok guru yang mendidik, seperti tidak dialihnya pakaiannya dan kediamannya dan kita bersyukur hari ini kita adalah saksi-saksi yang menyaksikan Islam telah membuktikan keunggulannya di sini di Kelantan ini.

di tanah serendah sekebum bunga ini manusianya sentiasa berhubungan dengan Akhirat. Inilah tuan-tuan/puan-puan, benih yang ditanam dan disiram penuh tekun sabar taat Istiqomah tahun demi tahun musim demi musim saban hari ber hujan berpanas berembun difitnah dihina dicera dihalang saudara-saudara seagama sebangsa, namun dilalui jua dengan tawaduk jiwa yang kental iman dan taqwanya hati yang penuh kasih kepada Allah dan Rasul-Nya tanpa mengharap apa-apa kemewahan daripada pangkat kedudukan kuasanya, melainkan satu mengasuh mendidik rakyat supaya kenal Tuhan.

Pencipta alam langit bumi matahari bulan angin hujan pohon seluruh sistemnya dan Dialah juga pencipta manusia – maka siapakah yang lebih tahu keperluan manusia baik buruknya manfaat mudaratnya? disediakan segala peraturan dalam al-Quran ditambah Sunnah utusan istimewa-Nya Muhammad *rahmatan lil-'alamin* – menunjuk jalan yang betul menuju destinasi sebenar tujuan sebenar matlamat sebenar iaitulah Akhirat – inilah Islam, inilah air rahmat yang disiram tanpa jemu tanpa letih tanpa keluh-kesah oleh Tok Guru bernama Nik Abdul Aziz selama 20 tahun meniti onak dan duri menepis lembing dan peluru demi membuka ruang untuk Islam mentadbir di tanah ini.

di tanah serendah sekebum bunga ini manusianya sentiasa berhubungan dengan Akhirat di sana ada Syurga – impian menjadi kenyataan di sana ada Neraka – kawah berapi tempat azab siksa tak terperi dan di dunia di sini hidup kita manusia dalam ujian setiap detiknya dinilai pahala-dosa dan yang menilainya Allah sang Pencipta Maha Melihat Maha Mendengar Maha Pengasih Maha Adil ke atas hamba-hamba-Nya.

Islam mentadbir memang berbeza sangat berbeza dengan sekular. Sumber segala dasar dan undang-undang bukan dari Parlimen atau Dewan Undangan Negeri, tetapi al-Quran dan Sunnah hukum peraturan undang-undang Perlembagaan yang siap ada dicipta serentak penciptaan manusia sendiri sejak nun di azali di dunia manusia tinggal melaksanakannya sahaja, dengan tafsiran pendekatan yang sesuai, diluluskan di Dewan Undangan Negeri Membangun Bersama Islam – *'Ubudiyah, Mas'uliyah, Itqan*. Tiada judi tiada arak tiada riba tiada *nightclub* tiada maksiat tiada hiburan berlebihan. Wanita dihormati dijaga maruahnya, auratnya tidak diperalatkan untuk nafsu lelaki atau pelaris jualan.

Berbeza memang – ukuran pencapaian pun berbeza bukan KDNK atau indeks bursa atau kadar pelaburan asing ukuran pencapaian adalah masjid-masjid dimakmurkan para jemaah anak-anak fasih membaca al-Quran malah ramai yang hafiz di kalangan pelajar cemerlang membentuk budaya cinta ilmu dan pasar-pasar pun makmur dengan harga berpatutan tanpa disaluti unsur penipuan dan ladang-ladang subur kerana bertani itu ibadah seperti bekerja di pejabat di kilang semuanya ibadah apabila niatnya betul ikhlas kerana Allah, pergaulan muda-mudi pun dibatasi akhlak yang santun, dan kadar jenayah pun turun rendah apabila orang-orang miskin dihormati dibantu tidak dihina kerana miskinnya dan solat menjadi benteng pencegah *fahsya'* dan mungkar.

Di sini juga diwujudkan pelbagai skim kebajikan membantu golongan yang memerlukan – orang tua, armalah, orang kurang upaya, kemalangan bencana dan banyak lagi, asal bukan mengejar kebendaan di sinilah kesejahteraan – *Baldatun Thoyyibah wa-Rabbun Ghafuur*.

20 tahun telah terbukti sesuatu yang hampir mustahil dibuktikan di bawah teropong besar media dan agensi persekutuan yang lapar sebuah pentadbiran bersih tanpa rasuah di sebuah negeri yang negaranya diperintah rejim lain sekular tidak demokratis dan rasuah atas bawah. 20 tahun tuan-tuan/puan-puan empat kali PRU mereka mengerah tenaga segala kuasa diputarbeit tipudaya namun dalam serangan beracun bertubi-tubi itu lelaki berbadan kecil berwatak lembut ulama bergaya kampung ini masih tetap utuh berdiri dengan serban di kepalanya mempertahankan kebersihan pentadbirannya tanpa rasuah kronisme nepotisme biar didakwa dituduh direkacipta itu ini dia tetap berdiri dengan serban di kepala, tangan menadah berdoa pada Allah buktikan kepada dunia bahawa inilah Islam yang mentadbir, lengkap dalam keterbatasannya model pentadbiran negara Islam.

Tuan-tuan/puan-puan, Mari kita renungkan satu perkara malam ini Perjuangan kita berpuluh tahun beratus tahun sudah sejak Islam dikalahkan oleh tamadun Eropah dan Barat dan sejak Parti Islam SeMalaysia PAS ditubuhkan apakah sebenarnya yang kita perjuangkan? Mari kita renung sejenak perkara ini malam ini. Bukankah apa yang sedang wujud dalam pentadbiran Kelantan sekarang ini inilah yang kita perjuangkan selama ini? Sebuah negara/negeri Islam! Atau di manakah lagi pernah wujud suatu pentadbiran negara/negeri Islam yang teratur dengan sistem politiknya pentadbiran negerinya sistem ekonomi dan kewangannya sistem pendidikannya dasar hiburannya dasar wanitanya keluarganya kebajikannya sukannya lengkap – sebuah model pentadbiran negara Islam yang adil sejahtera harmoni, yang dicari-cari oleh dunia hari ini kerana dunia hari ini sedang kehilangan tamadun.

Tuan-tuan/puan-puan, Mari kita renungkan perkara ini malam ini Perjuangan kita berpuluh tahun beratus tahun sudah Kita berjuang untuk apa sebenarnya? Ya untuk Islam. Ini – sebuah model pentadbiran negeri Islam yang unik ini Aman makmur damai sejahtera adil berilmu beriman bersaudara *yakmuruuna bil-ma'ruufi wa yanhauna 'anil-munkar*. Bukankah ini model pentadbiran negara yang dicari-cari oleh dunia? Ia lain dari yang lain, ia membawa dimensi/makna baru kepada tamadun hari ini – dimensi yang sangat berperikemanusiaan yang sangat universal yang menjangkau hingga ke Akhirat yang mempertemukan manusia dengan Tuhan penciptanya. Maha Pemurah Maha Pengasih Maha Pemaaf.

Ini – suatu penemuan yang sangat besar nilainya berada di hadapan kita sekarang, di sekeliling kita, dan kita seperti tidak menghargainya. Ayuh! Lakukan sesuatu yang sepatutnya mengangkatnya ke suatu tahap untuk apresiasi peringkat dunia perlu dianalisa ilmun-ilmuan akademik yang pakar teorinya perlu direkod secara teliti dan perinci sebagai ilmu bermutu. Contoh, kalaulah dibukukan kuliah Tafsir yang pernah disarakannya nama Nik Abdul Aziz mungkin sama sebaris Syed Qutub misalnya. Tuan-tuan/puan-puan, inilah satu pencapaian besar kita. Kita telah membuktikan: 20 tahun Islam mentadbir – di sini.

Masanya sudah tiba untuk kita – membuka peta dunia.. Ya, kita buka Peta Dunia! Sekian lama kita membiarkan Yahudi Zionis itu menguasai dunia. Kini masanya sudah tiba – kita bangun semula kita tegakkan semula sebuah kebenaran bernama Islam dalam bentuk rupanya yang sangat indah sangat *'come'* yang sudah 20 tahun dibentuk diuji dalam makmal dalam kampus bernama Kelantan Darul Naim sekarang masanya kita bangun kita tunjukkan kepada dunia. Inilah dia! Formula yang dicari-cari itu. Usah berebut-rebutan merompak menyamun membunuh kerana ingin memilikinya – Hanya bertaqwa sahaja! Kita semua akan memilikinya – di sini dan hingga di Akhirat.

Tuan-tuan/puan-puan, Bukan dengan peluru bukan dengan bom bukan dengan kereta kebal kita merampas kembali tempat kita sebagai Khalifah Allah di bumi tetapi dengan senjata canggih dari alam 'ilmu-dan-amal' yang telah dizahirkan pimpinan Tok Guru Nik Aziz di sini. Formula hebat, bernama "Model Islam Mentadbir". Model Islam Mentadbir.

Tuan-tuan/puan-puan, Saya mohon mencadangkan!

DINSMAN  
(Dibacakan kali pertama di Konsert Naskah Cinta dan Pelancaran Lajnah Seni-Budaya PAS Pusat, sempena Muktamar Tahunan PAS, 11 Jun 2010, PUTIK, Kota Bharu)

# Penilaian Holistik Ekonomi Kelantan

*Antara kaca mata Kapitalis dan Perspektif Islam*



Oleh Dr Mohd Rosli Mohamad,  
Fakulti Ekonomi & Pentadbiran, Universiti Malaya

“Kelantan mundur”, “Kelantan miskin” adalah dua ungkapan yang agak kerap dicanang oleh beberapa pihak dan media tertentu atas alasan kepentingan mereka sendiri. Malah pernah “pondok menunggu durian” yang begitu uzur dijadikan model dan diulang tayang di media tertentu untuk mengukuhkan hujah bahawa orang Kelantan terlalu miskin sehingga terpaksa tinggal di rumah yang sedemikian rupa buruknya. Impak propaganda ini kepada sebahagian anggota masyarakat di luar Kelantan bukanlah kecil.

Pernah dikisahkan bahawa seorang pelawat dari Kedah bersusah-payah membawa bekalan makanan, termasuk beras dan ikan kering ke Kelantan beberapa tahun lalu, kerana disangkakan negeri Pantai Timur ini tersangat miskin, hingga begitu sukar untuk mendapatkan makanan sekalipun. Namun pelawat tersebut terkejut besar sebaik tiba di bumi Kelantan. Beliau melihat sendiri bahawa orang Kelantan tidak pun menggunakan beras tempatan, sebaliknya mereka lebih suka memakan beras berkualiti yang diimport dari negara jiran. Malah rakyat Kelantan dilihatnya seakan berpesta makanan sepanjang masa.

Satu kisah lain pernah diceritakan bahawa seorang pelancong dari Sabah membawa banyak bekalan mi segera bersamanya kerana disangkakan beliau akan kebuluran di negeri yang bakal dilawatnya. Namun beliau cukup terkedu setibanya di Kelantan. Bekalan mi segera tidak pun sempat dibuka kerana kawan baiknya asyik membawa beliau dari sebuah restoran ke sebuah restoran yang lain untuk menikmati pelbagai jenis makanan sepanjang tempoh dia tinggal di negeri **Cik Siti Wan Kembang** ini.

Dua kisah tersebut sudah cukup untuk menggambarkan bahawa maklumat adalah ibu kepada segala kuasa. Dengan maklumat, manusia boleh mendapatkan kuasa-kuasa yang lain, termasuk kuasa politik, ekonomi dan sosial. Kepentingan maklumat ini memang telah lama disedari oleh pemikir-pemikir ekonomi Kapitalis. Malah maklumat sempurna dijadikan andaian utama dalam model ekonomi Kapitalis, untuk membolehkan masyarakat mencapai kemakmuran yang tinggi dalam alam fantasi sistem ekono-

mi ini. Sayangnya dalam dunia realiti, maklumat bukanlah sempurna. Ada segelintir manusia yang teramat tahu, sedangkan segelintir lagi tersangat jahil.

Mengambil kira taburan maklumat yang tidak sekata ini, maka adalah lebih adil jika ekonomi Kelantan dinilai dengan lebih subjektif, supaya kita nanti tidak terlalu jahil sehingga menyusahkan diri sendiri, seperti dua kisah benar di atas tadi. Penilaian yang lebih adil ini juga membolehkan kita untuk melihat ke hadapan, supaya hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi dapat dicapai menjelang tahun 2020 nanti.

Seiring dengan pembangunan ekonomi di peringkat nasional, tidak dapat dinafikan bahawa Kelantan turut mengalami limpahan pembangunan yang ketara sejak dua dekad yang lalu. Sepanjang tempoh 2001-2005, KDNK Kelantan berkembang pada kadar 3.9 peratus setahun, dan bertambah kepada 4.1 peratus pada tempoh 2006-2010, menghampiri kadar pertumbuhan KDNK nasional, iaitu 4.3 peratus bagi tempoh 2001-2009. (Sumber: RMK-10, 2011-2015).

Walaupun begitu, melihat dari kaca mata makro, ekonomi Kelantan masih tertinggal di belakang berbanding dengan negeri-negeri lain yang lebih maju, khususnya negeri-negeri di Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Sumbangan ekonomi Kelantan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) hanya dalam lingkungan 1.8 dan 1.9 peratus antara tahun 2006-2010, iaitu yang kedua terbawah selepas Perlis (Jadual 1).

Jadual 1: Kedudukan Ekonomi Kelantan (% Keluaran Dalam Negara Kasar)

Negeri	2006	2007	2008	2009	2010
Kedah	3.7	3.8	3.6	2.1	3.7
Perak	5.7	5.7	5.7	5.8	5.7
Perlis	0.6	0.6	0.6	0.6	0.6
Pulau Pinang	9.4	9.4	9.3	9.4	9.4
Melaka	2.9	2.9	2.9	2.9	2.9
Negeri Sembilan	4.0	3.9	3.9	3.9	3.9
Selangor	22.5	22.7	23.4	23.4	22.9
Kuala Lumpur	14.2	14.6	14.7	15.2	14.8
Johor	10.4	10.2	10.0	10.0	9.9
Kelantan	1.8	1.8	1.9	1.9	1.9
Pahang	5.0	4.8	4.8	4.9	4.8
Terengganu	3.0	3.0	2.9	3.0	2.8
Sabah*	6.0	5.8	6.0	6.1	6.0
Sarawak	10.3	10.3	9.9	10.2	10.2
Malaysia	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0
KDNK (RM juta)	446,070	475,003	500,293	486,483	524,239

Nota: \*Tidak termasuk Labuan.  
Sumber: Rancangan Malaysia Sepuluh (2006-2010).

Kedudukan KDNK yang kurang memberangsangkan itu berkait rapat dengan struktur ekonomi negeri itu sendiri. Pada asasnya KDNK Kelantan yang berjumlah RM9.3 billion itu (angka tahun 2009) banyak bergantung kepada dua sektor ekonomi, iaitu pertanian dan perkhidmatan; sedangkan kedudukan sektor pembuatan dalam ekonominya masih terlalu kecil (lihat Jadual 2). Ini berbeza dengan struktur ekonomi nasional di mana sektor pembuatan merupakan sektor kedua terbesar selepas sektor perkhidmatan.

Kedudukan Kelantan yang jauh daripada jalan perdagangan utama - Selat Melaka - mengurangkan minat pelabur, terutamanya pelaburan asing untuk menempatkan industri mereka, bukan sahaja di Kelantan, tetapi juga di sepanjang koridor Pantai Timur. Bertambah buruk lagi apabila aktiviti pertanian dan perkhidmatan yang diusahakan rakyat Kelantan merupakan industri yang kurang meningkatkan produktiviti dan nilai ditambah.

Kelemahan struktur ekonomi ini turut memberi kesan kepada beberapa petunjuk sosio-ekonomi, khususnya tahap pendapatan dan kadar kemiskinan. Jadual 3 memaparkan bahawa pendapatan isirumah rakyat Kelantan adalah jauh di bawah pendapatan keseluruhan rakyat Malaysia. Sebagai contoh, min pendapatan isirumah rakyat Kelantan pada tahun 2009 ialah sebanyak RM2,536 sebulan, sedangkan min pendapatan isirumah rakyat Malaysia ialah sejumlah RM4,025 sebulan.

Berbanding dengan negeri-negeri lain, rakyat Kelantan mencatat pendapatan yang paling rendah bagi tahun 2004 dan 2009. Namun demikian, rakyat Kelantan telah berjaya meningkatkan pendapatan mereka pada kadar yang sangat menggalakkan dalam tempoh 2004-2009, iaitu 6.8 peratus. Pertumbuhan pendapatan ini adalah lebih tinggi daripada kadar pertumbuhan pendapatan keseluruhan rakyat Malaysia (4.4 peratus); malah lebih tinggi berbanding dengan beberapa negeri maju seperti Johor (4.5 peratus), Perak (4.9 peratus), Selangor (2.9 peratus), Kuala Lumpur (1.8 peratus) dan Pulau Pinang (4.5 peratus).

Jadual 2: Keluaran Negara Kasar Kelantan mengikut sektor, 2006-2010 (%)

Sektor	2006	2007	2008	2009	2010
Pertanian	20.3	21.7	20.6	19.8	18.5
Perlombongan dan Kuari	0.2	0.2	0.2	0.2	0.1
Pembinaan	1.8	1.5	1.5	1.9	1.9
Pembuatan	4.4	4.3	4.3	4.4	4.3
Perkhidmatan	73.2	72.2	73.2	79.5	80.4
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Sumber: RMK10, 2011-2015.

Jadual 3: Min Pendapatan Isirumah Bulanan dan Kadar Kemiskinan, 2004-2009

Negeri	Min Pendapatan Isirumah Bulanan (RM)		Kadar Pertumbuhan Purata (%)	Kadar Kemiskinan (%)	
	2004	2009	2004-2009	2004	2009
Johor	3,076	3,835	4.5	2.0	1.3
Kedah	2,126	2,667	4.6	7.0	5.3
Kelantan	1,829	2,536	6.8	10.6	4.8
Melaka	2,792	4,184	8.4	1.8	0.5
N. Sembilan	2,886	3,540	4.2	1.4	0.7
Pahang	2,410	3,279	6.4	4.0	2.1
Perak	2,207	2,809	4.9	4.9	3.5
Perlis	2,046	2,617	5.0	6.3	6.0
Pulau Pinang	3,531	4,407	4.5	0.3	1.2
Sabah	2,395	3,102	5.3	24.2	19.7
Sarawak	2,725	3,581	5.6	7.5	5.3
Selangor	5,157	5,962	2.9	1.0	0.7
Terengganu	1,984	3,017	8.7	15.4	4.0
Kuala Lumpur	5,011	5,488	1.8	1.5	0.7
Malaysia	3,249	4,025	4.4	5.7	3.8

Sumber: RMK10, 2011-2015.

Perkembangan yang positif ini telah banyak membantu mengurangkan kadar kemiskinan di Kelantan, daripada 10.6 peratus (tahun 2004) kepada 4.8 peratus (tahun 2009). Walaupun kadar kemiskinan Kelantan pada tahun 2004 masih lebih tinggi daripada kadar kemiskinan nasional (5.7 peratus), Kelantan telah berjaya memperbaiki kedudukannya daripada tempat ketiga paling miskin pada tahun 2004 kepada tempat kelima selepas Sabah, Perlis, Sarawak dan Kedah lima tahun kemudiannya (lihat Jadual 3).

Walaupun petunjuk makro tidak menyebelahi ekonomi Kelantan, ia tidak boleh secara automatik untuk mengesahkan bahawa kalimah "Kelantan mundur, Kelantan miskin" adalah sepenuhnya benar seperti yang sering dipalitkan kepada Negeri Kelantan. Harus diingat bahawa kelemahan utama pengiraan KDNK ialah kegagalannya untuk mengambil kira aktiviti bukan kewangan dan aktiviti ekonomi tidak formal. Sedangkan rakyat Kelantan, selaras dengan ajaran Islam, suka bertani, menternak dan menangkap ikan untuk kegunaan mereka sendiri. Mereka juga gemar berniaga secara kecil-kecilan (tanpa pendaftaran) untuk menyara kehidupan diri dan keluarga.

Sayangnya, semua aktiviti ini dikesampingkan dalam pengiraan KDNK. Jadi tidak menghairankan jika data makro yang direkodkan di peringkat nasional gagal mencerminkan realiti pembangunan Negeri Kelantan dan kehidupan rakyatnya. Selain itu, konsep pertumbuhan ekonomi harus dibezakan dengan konsep pembangunan ekonomi. Sementara pertumbuhan ekonomi

melihat pertumbuhan dalam bentuk kuantiti, pembangunan ekonomi lebih condong kepada aspek kualiti kehidupan.

Mengambil kira segala kelemahan petunjuk makro tersebut, kaedah pemerhatian perlu turut digunakan dalam usaha menilai pembangunan sosio-ekonomi Kelantan, supaya kesimpulan yang lebih adil dan lebih menyeluruh dapat dilakukan.

Dari aspek fizikal, kawasan-kawasan bandar dan luar bandar di Kelantan dapat diperhatikan mengalami pembangunan yang pesat. Kota Bharu sebagai ibu negeri Serambi Mekah ini, telah berubah wajah dengan begitu ketara sejak dua dekad lalu. Banyak bangunan komersil dan pejabat moden yang tersergam indah telah didirikan oleh pihak swasta dan kerajaan. Hotel bertaraf lima bintang turut beroperasi di Bandaraya Islam ini.

Melalui pintu masuk udara, pelancong akan terpaku sebaik tiba di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), kerana mereka harus mengakui bahawa ia adalah antara lapangan terbang domestik yang terbaik di Malaysia. Pada tahun 2008 sahaja, LTSIP telah mampu mengendalikan sejumlah 836,060 penumpang dan 57,102 penerbangan.

(<http://www.malaysiaairports.com.my>, 17 Ogos 2010).





Bandar-bandar lain seperti Pasir Mas, Rantau Panjang, Pasir Puteh, Kuala Krai, Machang dan Tanah Merah turut berubah wajah dengan pelbagai rupa bentuk bangunan fizikal dan aktiviti ekonomi moden.

Kawasan luar bandar tidak kurang kepesatan pembangunannya. Selain dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas, kawasan luar bandar Negeri Kelantan menjadi nadi kepada aktiviti pertanian, penternakan, perhutanan dan perikanan. Malah aktiviti ini telah berjaya menampung kehidupan penduduk Negeri Kelantan yang sebahagian besarnya masih menetap di kawasan luar bandar.

Walaupun pendapatan penduduk Negeri Kelantan lebih rendah berbanding dengan negeri-negeri maju lain di Semenanjung, kualiti hidup mereka jauh lebih baik. Mereka tidak perlu meredah kesesakan lalu lintas untuk ke tempat kerja. Penduduk Kelantan juga tidak perlu menghidu asap kilang dan kenderaan yang keterlaluan; dan ini menjimatkan bil kesihatan mereka setiap bulan.

Dengan kadar inflasi bahan keperluan dan kadar jenayah yang rendah, kos hidup mereka juga adalah rendah. Ini menjadikan pendapatan benar mereka tinggi dan boleh disalurkan kepada kegunaan lain, khususnya simpanan, perniagaan, pendidikan anak, kenderaan dan pembinaan tempat tinggal.

Bagi sesiapa yang pernah melalui jalan darat ke Kelantan, mereka pastinya akan terpegun dengan rumah-rumah batu (sebahagiannya bertaraf banglo) yang pelbagai saiz dan berwarna-warni sebaik mereka memasuki bumi Kelantan, samada melalui Gua Musang, Jeli, Pasir Puteh atau Rantau Panjang.

Pemandangan seperti ini sukar untuk disaksikan di kawasan luar bandar di negeri-negeri lain, termasuk di Pantai Barat Semenanjung Malaysia.

Satu keistimewaan rakyat Kelantan ialah kegemaran mereka untuk berhijrah mencari rezeki di luar sempadan negeri. Walaupun matlamat hijrah mereka berbeza dengan Hijrah Rasulullah S.A.W, berkat seruan Hijrah Nabi akhir zaman ini telah mengubah hidup sebahagian besar rakyat Kelantan. Walaupun belum terdapat angka rasmi tentang nilai saiz wang yang telah dikirim (remittance economy) oleh anak-anak setiap tahun kepada ibu-bapa masing-masing, jumlah itu pastinya besar.

Konsep kiriman wang ini juga memberi satu pengalaman baru kepada seorang profesor ekonomi pembangunan dari sebuah universiti terkenal di Amerika Syarikat, yang pernah dibawa oleh penulis untuk melawat Kelantan tiga tahun lalu. Dalam teori Barat yang dianutinya, semakin tinggi bilangan anak maka semakin rendah taraf sosio-ekonomi sesebuah keluarga, kerana teori ekonomi kapitalis percaya bahawa anak adalah liabiliti (beban) ekonomi. Selepas beberapa siri lawatan, temubual dan perbincangan di Kelantan, beliau semacam tidak percaya bahawa teorinya kurang sesuai di Kelantan. Beliau mendapati orang Kelantan suka memiliki saiz keluarga yang besar, atas kepercayaan bahawa anak-anak mereka akan memberi bantuan kewangan dan bukan kewangan, menjelang usia emas nanti.

Ini bermakna bahawa amalan kiriman wang mampu mengubah kehidupan sosio-ekonomi keluarga, malah secara tidak sengaja telah turut menjana ekonomi negeri Kelantan.



Sesetengah pihak berpendapat bahawa rakyat Kelantan terpaksa berhijrah kerana Negeri Kelantan tidak mampu menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyatnya. Pandangan seperti ini agak benar dari satu aspek, tetapi agak tersasar dari beberapa sisi yang lain. Pertama, rakyat Kelantan adalah manusia yang terpelajar dan mempunyai nilai keusahawanan yang tinggi. Selaras dengan teori rasional ekonomi, mereka tentunya mencari peluang pekerjaan dan perniagaan yang lebih baik untuk masa depan diri dan keluarga. Kedua, asas ekonomi negara secara umumnya masih berpaksikan kepada penciptaan nilai yang rendah, kerana dasar pembangunan negara masih gagal untuk memacu ekonomi berpaksikan pengetahuan (K-economy). Dengan itu, sebahagian besar golongan yang berpendidikan tinggi terpaksa mencari peluang ekonomi di bumi asing.



Ketiga, Negeri Kelantan dengan sifat geografinya lebih sesuai untuk mengkhususkan aktiviti ekonomi dalam bidang pertanian, penternakan, perhutanan, industri berasaskan sumber, industri pelancongan desa (agro-tourism, eco-tourism) dan industri kraftangan. Malangnya, tidak seperti Taiwan, Denmark dan Thailand, sistem pendidikan negara masih tidak mampu untuk melahirkan tenaga mahir dalam industri-industri sedemikian. Akibatnya, potensi sumber yang ada tidak dapat dibangunkan secara holistik.

Akhir sekali, sebagai rakyat Malaysia mereka sama-sama bertanggungjawab untuk membangunkan negara yang tercinta ini walau di manapun mereka bekerja. Tanpa tenaga mereka, lebih banyak tenaga kerja asing terpaksa dibawa masuk, dan lebih banyak pula wang negara akan mengalir keluar.

Dengan maklumat yang lebih baik seperti yang dibentangkan dalam kertas ini, persepsi serong sesetengah pihak terhadap Kelantan selama ini mungkin boleh berubah. "Kelantan mundur, Kelantan miskin" mungkin benar dari kaca mata Kapitalis, tetapi ia kurang tepat dari perspektif Islam. Dalam Islam, saiz kek itu kurang penting kerana yang lebih penting ialah bagaimana kek itu diagihkan dengan lebih adil dan saksama. Dalam konteks Kelantan, rakyatnya mampu hidup makmur dengan agihan kek ekonomi yang tidak terlalu ketara seperti yang dapat disaksikan di beberapa negeri lain di Malaysia.



"Orang Kelantan suka memiliki saiz keluarga yang besar"



Perniagaan kecil yang turut membantu perkembangan ekonomi Kelantan

**"Dalam Islam, saiz kek itu kurang penting kerana yang lebih penting ialah bagaimana kek itu diagihkan dengan lebih adil dan saksama."**



# Memahami Sistem PENTADBIRAN Tok Guru Nik Abdul Aziz

Oleh Senator Hjh Mumtaz Md Nawi  
(seperti diucapkannya kepada wakil Qiadah, pada 2 Mei 2010)

Alhamdulillah, kita telah berjaya mencapai tahap 20 tahun. Ini merupakan satu tempoh masa yang bukan pendek dari sudut kerajaan, kerana mempertahankan kerajaan tidak semudah memenangkan kerajaan. Bagi saya bila Kerajaan Negeri Kelantan dapat memerintah selama 20 tahun, ini merupakan satu model baru yang telah ditunjukkan oleh Menteri Besar Kelantan Tok Guru Nik Aziz berkenaan sistem pentadbiran Islam yang baru dalam zaman moden.

Kita sudah tengok bentuk struktur pemerintahan zaman Rasulullah SAW, zaman Abu Bakar, zaman Umar, zaman Uthman; dan bila jatuhnya Khalifah Uthmaniah di Turki, orang tidak nampak struktur kepemimpinan Islam yang baru. Tok Guru sekarang berjaya menterjemahkan Malaysia dalam bentuk yang mungkin agak sederhana, untuk kita bawa kembali bahawa Islam adalah agama yang sepatutnya diterima semua orang dan akan memberikan keadilan dan kebahagiaan kepada semua orang.

Di antara pendekatan yang Tok Guru buat ialah dengan mengambil pendekatan sederhana, pendekatan menukar secara beransur-ansur beberapa sistem pemerintahan tertentu. Yang pertama Tok Guru tukar ialah sistem kewangan. Pendekatan yang sama juga telah dibuat oleh Rasulullah SAW apabila berpindah dari Mekah ke Madinah.

Rasulullah telah menghantar Abdul Rahman bin 'Auf untuk memecahkan monopoli di pasar Madinah, dan bila berjaya pegang pasar Madinah barulah Islam boleh berkembang ke tempat lain; selain daripada Nabi bina masjid sebagai satu institusi masyarakat.

Saya nampak Tok Guru juga ada lokasi tertentu, salah satu daripadanya ialah Dataran Ilmu. Di situ Tok Guru menerangkan polisi-polisi baru yang akan dijalankan. Bagi saya ini satu sistem pentadbiran baru Islam yang ditunjukkan dalam zaman moden ini bahawa Islam itu sesuai untuk semua zaman.

Yang kedua yang Tok Guru buat ialah menaikkan imej wanita. Isu aurat, isu pengasingan tempat, isu bilik tidur, isu perempuan cantik dan tak cantik yang perlu diambil dari segi merit bukan dari segi wajah. Ini semua pendekatan yang Rasulullah SAW buat — meningkatkan imej wanita dari sudut polisi.

Pendekatan yang dibuat oleh Tok Guru bukanlah secara menghukum, tapi mendidik. Jadi dalam 20 tahun ini kita tak pernah lagi melihat demonstrasi menentang mana-mana polisi pembaharuan Tok Guru sebabnya sebelum sesuatu polisi itu dibuat Tok Guru akan pastikan rakyat faham dulu.

Kita tak nafikan ada yang masih buka aurat, tapi dari segi peratusannya lebih ramai yang menutup aurat. Dan Tok Guru tidak hentikan program penerangan dan penjelasan, kerana prinsip dalam Islam apa pun yang kita nak buat mestilah berdasarkan kepada *iqra'*, iaitu mesti berdasarkan ilmu.



Nak suruh orang tutup auratkah, nak makan secara Islamkah, nak bersuami isteri secara Islamkah, mestilah berasaskan ilmu.

Tanpa ilmu, hanya kerana arahan saja, dia akan faham hanya selapis. Tapi jika berdasarkan pada ilmu, dia akan faham banyak lapis dan dia boleh pertahankan.

Alhamdulillah, dalam pilihanraya 2008 antara faktor besar kemenangan kita ialah orang sudah boleh faham kepimpinan "PAS untuk semua", dan pengaruh-pengaruh atau polisi yang baik yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Kelantan telah diterima di negeri-negeri Pakatan Rakyat yang lain, termasuk Pulau Pinang yang diperintah oleh DAP.

Ini satu perkara yang cukup mengembirakan kita kerana kerajaan Pakatan Rakyat di Selangor dan Kedah pun menerima pakai polisi-polisi tertentu yang kita gubal. Semua ini amat mengembirakan.

Di Dewan Negara misalnya usul membasmi minuman arak dikemukakan oleh senator dari DAP, dengan memberikan 7 atau 8 alasan kenapa arak perlu dihalang daripada diminum secara berleluasa. Ini sesuatu yang tidak berlaku di zaman pemerintahan Barisan Nasional.

Apabila Pakatan Rakyat memerintah, kita berjaya memberi kefahaman yang melepasi agama, melepasi kaum; sebab mereka melihat keadilan dalam pentadbiran Islam di Kelantan ini tidak mengenal kaum atau agama.

Orang Siam merasakan mereka terbelah, orang India merasakan mereka terbelah, orang Cina merasakan mereka terbelah. Sebab itu kita lihat potensi PAS di tempat-tempat yang bukan Islam tidak ada masalah.

Malah sokongan bukan Islam ini begitu besar hingga PAS perlu melahirkan satu sayap baru yang dinamakan Dewan Himpunan Penyokong PAS. Ini merupakan sesuatu yang tak pernah terfikirkan sebelum ini. Mengapa ini terjadi? Kerana orang kagum pada sistem pentadbiran yang telah ditunjukkan, iaitu Membangun Bersama Islam. Bahawa Islam ini agama yang boleh memerintah, bukan agama yang memaksa.

Saya rasa perkara ini kalau kita boleh perkemaskan betul-betul, kalau kita jadi kerajaan, *insyaAllah* negara-negara lain pun akan boleh ambil – intipati yang hebat dalam perkara ini. Cuma sekarang mungkin di sudut penerangan atau hebahannya tidak begitu meluas.

Contohnya sekarang aktivis-aktivis Islam di Indonesia pun tak kenal Tok Guru. Ini kelemahan kita dari sudut publisiti; sedangkan di zaman Rasulullah SAW apa pun polisi yang Nabi buat, Nabi ada 40 orang penterjemah atau penulis yang akan menerangkan polisi yang dibuat oleh Nabi. Keberkesanan pemerintahan Tok Guru ini kita tidak kumpulkan dan bukukan dari sudut aspek-aspek tertentu.

Jadi mungkin kita boleh ambil peluang sempena 20 tahun ini untuk kita melatih atau mencari penulis-penulis berwibawa yang pakar dalam bidang masing-masing, supaya agenda ataupun prototaip yang dikeluarkan oleh Tok Guru tentang pemerintahan Islam zaman moden ini boleh diterjemahkan dan diaplikasi di tempat-tempat lain.

Bagi saya kekurangan ini perlu kita perbaiki. Kita nak perkara ini boleh terus berkembang. Dalam Islam sesuatu hukum itu sebelum ia menjadi hukum mesti ada usul yang dinamakan Usul Fiqh, ia mesti berdasarkan kepada kaedah-kaedah tertentu.

Kadang-kadang kita nampak Tok Guru bagi alasan, bagi hujah, bagi arahan, kita tak nampak usul fiqh di belakangnya, sedangkan Tok Guru buat itu ada alasannya. Jadi elok kalau kita ada orang yang boleh menerangkan rasional ataupun kaitkan benda ini dengan hujah-hujah tertentu.

Kita bimbang sebab sekarang ini Pakatan Rakyat ada empat negeri – Selangor, Kedah, Pulau Pinang, Kelantan – mungkin orang nampak empat fesyen. Lepas ini kalau kita menang 14 negeri, kita akan ada 14 fesyen, kalau kita tidak berdasarkan kaedah usul fiqh yang sama.

Soal masyarakat majmuk tidak menjadi masalah dalam Islam, sebab di zaman Nabi dulu pun memang masyarakat majmuk. Kita sekarang ada *Fiqh-Ta'ayush* – mengenai cara-cara untuk kita berhadapan dengan orang bukan Islam dalam negara Islam atau seperti di negara kita hari ini. Dan *alhamdulillah* kita lihat Tok Guru dengan saf kepimpinannya berjaya menterjemahkan dan mentadbir Kelantan mengikut acuan dan Perlembagaan Malaysia.

Sehingga kini tidak ada lagi tindakan Tok Guru yang *ultra virus* kepada Perlembagaan, kecuali Hudud. Tok Guru berjaya menyelit di antara Perlembagaan, buat hukum Islam, dan boleh buat hubungan baik dengan Sultan. Institusi Raja pun dapat kita jaga. Mereka cuba lagakan antara Tok Guru dengan Raja, tetapi tidak berjaya, kerana Tok Guru pun raja juga dari sudut keturunannya. Jadi kita dapat melepasi beberapa tahap dugaan itu.

Saya kira ini merupakan satu seni yang mesti dimiliki oleh semua pimpinan Kelantan, bukan saja Tok Guru. Seni untuk menterjemahkan Perlembagaan, memahami Islam dan membuat perkara dalam bentuk praktikal. Sebarang idea atau polisi yang baik kalau tak dapat dijalankan dengan sistem yang baik, akan gagal.

Kita lihat ini daripada sudut sifat Nabi yang wajib – *sidiq, amanah, tabligh, fatonah*. Perkara ini semua akan dapat difahami oleh orang kalau kita ada sistem *delivery* yang sempurna. Itulah *tabligh*. Tanpa hebahan, tanpa promosi, tanpa *delivery system*, kita amanakah, baikkah, cerdikkah, orang tak akan tahu.

Tok Guru mempunyai pengalaman 40 tahun menjadi Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri, telah mematangkan beliau sebagai pembangkang sebelum ini, dan apabila menjadi kerajaan, beliau boleh buat.

**“Alhamdulillah kita lihat Tok Guru dengan saf kepimpinannya berjaya menterjemahkan dan mentadbir Kelantan mengikut acuan dan Perlembagaan Malaysia”**



Tetapi bagi saya ia tidak harus berhenti setakat ini. Kita sebagai orang yang nak menterjemahkan Islam dalam bentuk praktikal, kena belajar secara teori dan praktikal bagaimana hendak mengamalkannya, kerana tak semua orang ada kepakaran seperti yang dimiliki oleh Tok Guru.

Kalau kita nak tengok Kelantan ini berkembang sebagai sebuah 'empayar' dari segi pemerintahannya, saya percaya kita boleh menuju ke arah itu, kerana kita pernah ada model sebelum ini, iaitu Empayar Melaka, yang dibina atas empayar Islam, bukan empayar Melayu. Kerana ciri-ciri Islam yang ada pada kepimpinan Melaka, kita berjaya menjadi sebuah empayar.

Tetapi apabila kita tinggalkan Islam, empayar kita jatuh. Jadi kalau empayar Melaka pernah berdiri dengan begitu gah sehingga Raja China pun mengahwinkan puterinya dengan Sultan Melaka, saya rasa kita sudah ada sejarah, dan sejarah itu boleh berulang.

Saya percaya kalau kerajaan Kelantan berjaya mengekalkan prinsip ini, kita boleh mengembangkan sistem ini dengan syarat pemikiran Tok Guru serta polisi yang dibuat itu difahami orang, dengan cara ia dibentuk dalam dasar-dasar yang jelas. Dan sekarang hampir semua Exco telah mempunyai dasar sendiri. Kita sudah ada dasar hiburan, dasar wanita, dasar keluarga, dan *insyaAllah* dasar kanak-kanak akan dibentuk. Jadi lepas ini kalau kita berkembang ke negeri-negeri lain, mereka mungkin boleh *adapt* dan *adopt* dasar-dasar tertentu.





Dan *insyaAllah* kalau kita berjaya menjadi Kerajaan Pusat suatu hari nanti, dengan Pakatan Rakyat, saya percaya dasar-dasar yang sama boleh kita persembahkan. Sekurang-kurangnya kita sudah ada asas untuk kita persembahkan.

Satu lagi dasar atau falsafah pentadbiran Tok Guru ialah dia mentadbir, bukan memerintah. Ini selalu ditegaskan oleh Tok Guru supaya kita dapat membezakannya. Dan sesuai dengan itu kita perhatikan kerajaan Kelantan tidak pernah buang orang.

Ada pihak lain yang apabila mengambil alih kerajaan mereka terus buang orang-orang tertentu, tetapi di bawah pimpinan Tok Guru Nik Aziz tidak ada pendekatan demikian. Pendekatan Tok Guru ialah pendekatan berdamai. Walaupun dia mungkin tahu orang-orang tertentu itu menentangnya, tetapi seni yang dibawa oleh Tok Guru itu halus dan lama-kelamaan orang akan terikat.

Hal ini sebagaimana Rasulullah S.A.W mendakwah orang Mekah, dia tidak membunuh orang Mekah tetapi dia berhijrah ke Madinah. Suatu masa apabila Islam telah berkembang, dia boleh buka Mekah tanpa seorang pun mati. Maknanya boleh masuk dengan cara yang begitu aman. Macam sekarang pun Tok Guru – orang terima PAS, "PAS for All", dan orang terima Islam bukan dalam keadaan mereka dipaksa, tapi dalam keadaan mereka memahami dan mereka memilih itu.

Tok Guru Nik Aziz – apabila kita berhadapan secara *direct* dengan dia, kita dapat kesan yang dia memang bijak. Tetapi imej yang orang selalu gambarkan, bila orang pakai serban, pakai baju Melayu, pakai kain pelekat, orang itu *slow*, orang yang tak faham, orang yang naif. Itu gambaran yang salah.

Kalau naif begitu, Tok Guru tak boleh memerintah atau mentadbir Kelantan selama 20 tahun. Cuma pendekatan dia halus, macam orang bersilat. Memanglah banyak bunganya tapi kalau kena sakit juga. Tok Guru menggunakan sepenuhnya kemelayuan dan kesenian yang ada padanya, dalam bentuk yang halus, tapi mesej itu sampai.

Seperkara lagi yang membezakan Tok Guru dengan orang lain juga ialah dari segi menghormati wanita. Sebagai orang yang berada di bawah pentadbiran Tok Guru, sebagai wanita saya rasa terlindung dan terhormat. Kita berasa kita dihormati, dilindungi, dikasihi, dan dalam masa yang sama kita boleh berkembang dengan gaya yang tertentu. Tok Guru selalu beritahu, dalam Islam apabila kita buat baik, lelaki atau perempuan pahalanya sama. Jadi kita diberi potensi penuh untuk berkembang.

Ramai orang beranggapan Tok Guru tak berapa mahu bercakap dan berbincang dengan orang perempuan, padahal sebenarnya Tok Guru begitu terbuka untuk berbincang. Demikian juga ada orang mengatakan Tok Guru tak boleh kita tegur. Itu tak betul. Kalau kita ada hujah, Tok Guru sedia mendengar.

agriculture **BIOTECHNOLOGY**



healthcare **BIOTECHNOLOGY**



industrial **BIOTECHNOLOGY**



**"TO REVIVE THE EXCELLENCE OF ISLAMIC CIVILIZATION THROUGH BIOTECHNOLOGY"**

"MENGEMBALIKAN KEGEMILANGAN TAMADUN ISLAM MELALUI BIOTEKNOLOGI"



Lot 3174, Batu 23  
 Jalan Kota Bharu - Machang  
 18500 Machang, Kelantan  
 Tel: 09-976 5289 faks: 09-976 5282

[www.kelantanbiotech.com.my](http://www.kelantanbiotech.com.my)

[www.kifaalah.com.my](http://www.kifaalah.com.my)

## PROGRAM SKIM TAKAFUL KIFAALAH (WARGA EMAS)



Program kelolaan Kerajaan Negeri Kelantan bertujuan untuk memberi perlindungan dan juga khairat kematian untuk warga emas melalui caruman takaful.

**PESERTA PROGRAM KIFAALAH**

- 1- Warga Emas berumur 60 tahun dan ke atas.
- 2- Lahir atau bermastautin di Negeri Kelantan.

**manfaat RM1500** (sebagai bayaran manfaat kepada WASI)

- Pendaftaran Skim Takaful Kifaalah Warga Emas adalah dibuka sepanjang tahun.
- Borang pendaftaran boleh didapati di pejabat DUN berhampiran.
- Semak status pendaftaran anda di pejabat Dun atau melalui laman web kami [www.kifaalah.com.my](http://www.kifaalah.com.my)

**KIFAALAH SDN BHD** 767461-M  
 Lot 5393-E, Jalan Telipol, 15050 Kota Bharu, Kelantan  
 Tel: 09-747 6336 Faks: 09-747 6226



Anugerah Juara Kategori Takaful Keluarga 08/09  
 Anugerah 20 Agensi Korporat Terbaik Kategori Takaful Am Dan Keluarga 08/09  
 Anugerah Agensi Korporat Terbaik Kategori Takaful Am Dan Keluarga 08/09

Ditanggungjawab oleh:  
**TAKAFUL MALAYSIA**  
 (Syarikat Berlesen Berlesen Berlesen)  
 Syarikat Takaful Pertama di Malaysia



# "PAH KITO NI NOK WAT GUANO?"

Dato' Abdul Razak mengingat semula hari-hari awal  
Tuan Guru Nik Abdul Aziz sebagai Menteri Besar Kelantan  
Oleh Dinsman Foto Azirah Deraman



"Hari pertama Tok Guru masuk pejabat, saya bersama Setiausaha Kerajaan Negeri pada masa itu, Dato' Hassan Yusof, pergi berjumpa Tok Guru sebagai kunjungan hormat dan mengalu-ngalukan ketibaannya ke pejabat. *Impression* atau tanggapan pertama saya terhadap Tok Guru ialah: kali pertama kita melihat di pejabat kerajaan, di pejabat Menteri Besar, yang duduk di meja Menteri Besar itu ialah orang yang pakaiannya *simple*, wajah dan air mukanya nampak bersahaja... dan yang masih terlekat dalam ingatan saya sampai hari ini ialah Tok Guru pakai baju Melayu, berserban, dan *ball-point* pen yang kalau tak silap masa tu harganya 30 sen."

Itu suatu gambaran. Tok Guru Nik Abdul Aziz bin Nik Mat pada hari pertama masuk ke

Pejabat Menteri Besar Kelantan, di Kota Darulnaim, sebagai Menteri Besar. Gambaran sebagaimana yang masih terakam dalam ingatan Dato' Abdul Razak bin Salleh, seorang pegawai kerajaan yang pada waktu itu berjawatan Pegawai Kewangan Negeri (PKN).

Hari ini, setelah 20 tahun terbiasa dengan imej atau gambaran seorang lelaki bertubuh kecil yang bergerak ke sana ke mari dengan memakai baju Melayu dan berserban itu sebagai Menteri Besar, kita pun tidak lagi terasa kelainan atau sesuatu yang pelik. Tetapi cuba bayangkan 20 tahun lalu, ketika semua orang terbiasa dengan imej lelaki yang memakai pakaian Barat lengkap dengan tali leher dan *coat*, tiba-tiba muncul

lelaki bertubuh kecil memakai pakaian Melayu dan berserban seperti lebai kampung, masuk ke Pejabat Menteri Besar dan mengambil tempatnya di meja menteri, tentulah itu sesuatu yang luar biasa, pelik dan aneh, bukan! Tetapi itulah gambarannya.

"Gambaran wajah Tok Guru pada hari pertama di pejabat sebagai Menteri Besar itu masih lekat di kepala saya sampai ke hari ini," kata Dato' Ab Razak bin Salleh menceritakan pengalaman istimewa di saat-saat penting itu, kepada kami (krew QIADAH), sewaktu pertemuan dengannya di rumahnya di Kota Bharu, 18 Julai lalu. Dato' Ab Razak sudah hampir 17 tahun bersara sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (November 1993). Waktu Tok Guru Nik Abdul

Aziz mula-mula masuk ke Kota Darulnaim sebagai Menteri Besar, 22 Oktober 1990, Dato' Ab Razak sudah mendahuluinya di situ kira-kira setahun iaitu sebagai Pegawai Kewangan Negeri. Dia menjadi Setiausaha Kerajaan (SUK) pada 1 Januari 1993.

Memang dialah orang yang paling tepat dan layak untuk bercakap mengenai hari-hari awal Tok Guru Nik Abdul Aziz sebagai Menteri Besar Kelantan. Alhamdulillah, walaupun umurnya sudah 70-an nampaknya dia dikurniakan kesihatan oleh Allah SWT. Ingatannya masih kuat dan jelas. Misalnya kami bertanya: Seingat Dato', apa arahan yang pertama keluar daripada Tok Guru Nik Aziz?



"Tok Guru ni, perkataan yang selalu dia guna 'ambo nok'. Dia kata, 'Ambo nok melaksanakan pentadbiran ni secara Islam.' Lalu saya kata, 'Susah sikit Tok Guru, sebab kita ni biasa dengan pentadbiran cara sekular. Jadi kita akan bertemu dengan banyak halangan.' Tok Guru kata, 'Nabi dulu pun bukan senang juga, sampai berdarah kaki. Jadi kita ni tak jadi apa kalau orang marah'. Jadi dengan itu saya fahamlah. Saya tanya dia, kita nak start di mana? Dia kata, 'Buat hak mudah dulu. Hak yang tak perlu keluar pitih (duit) banyak, buat dulu hak tu. Hak payah tu kita bincanglah."

Demikian cerita Dato' Ab Razak dalam pertemuan kami itu. Saya sebenarnya pernah membaca cerita yang hampir sama, sepuluh tahun lalu, waktu saya menyiapkan buku *Sepuluh Tahun Membangun Bersama Islam, Kelantan di Bawah Kepimpinan Ulama*, (Pusat Kajian Strategik, Kota Bharu, 2000).

Saya membacanya dalam buku *Islam Boleh*, yang diterbitkan oleh Maahad ad-Dakwah wal-Imamah, Nilam Puri, 1995. Tidak banyak beza. Cuma di dalam *Islam Boleh* itu dikatakan Tok Guru Nik Aziz menjawab dengan berkata, "Bilakah Islam tu mudah?", dan terus menjelaskan: "Buatlah yang mudah-mudah dahulu, yang tidak payah habis pitih, yang tidak payah menyusahkan orang."

Maka perkara mudah pertama dalam pentadbiran cara Islam yang dibawa oleh Menteri Besar ulama Nik Abdul Aziz ialah: memulakan sesuatu majlis dengan membaca surah al-Fatihah, dan mengakhirinya dengan membaca surah al-Asr dan Tasbih Kafarah.

"Perkara yang paling senang, paling mudah," kata Dato' Ab Razak dalam catatan editor buku *Islam Boleh* (koleksi ucapan-ucapan awal Tok Guru Nik Aziz sebagai Menteri Besar), "tidak ada perbelanjaan wang perlu dikeluarkan, hanya memerlukan beberapa helai kertas untuk disebar kepada ketua-ketua jabatan dan kakitangan yang seperti saya pada masa itu, belum tahu lagi mengenai adab tersebut. Jadi perkara kecil dan mudah begini telah dimulakan dahulu."

Mengikut catatan buku *Islam Boleh* lagi, "Perkara kedua yang disebut oleh Tok Guru kepada Pegawai Kewangan Negeri dengan muka kerut-kening, menunjukkan beliau tidak boleh menunggu lebih lama lagi perkara itu, ialah supaya semua wang kerajaan jangan terlibat dengan riba. Beliau meminta supaya semua wang kerajaan di dalam bank dipindahkan ke bank yang tidak ada riba."

Dalam pertemuan kami pula, Dato' Ab Razak menceritakannya begini: "Tok Guru tanya, duit-duit kerajaan simpan di mana? Saya kata, dalam beberapa bank. Saya sebutlah nama-nama bank itu. Dia kata, mengapa tak simpan dalam Bank Islam? Saya jawab, kalau kita simpan dalam bank ini macam kita bubuh telur dalam banyak bakul. Kalau rosak satu bakul ada bakul lain lagi yang selamat. Dia kata, ini bukan telur ni. Dia kata, ginilah - pindah semua masuk Bank Islam."

"Kita agak 'terasa' juga mula-mula terima arahan seperti itu," kata Dato' Razak, Pegawai Kewangan yang berpengalaman dalam pentadbiran sejak 1964, apabila dia mula memasuki perkhidmatan awam, dan kemudian berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Daerah (ADO) di hampir semua jajahan di Kelantan, sebelum menjadi Pegawai Daerah (DO) di Bachok, Machang dan Pasir Mas. Dia juga pernah dipinjamkan kepada Lembaga Padi-Beras Negara (LPN) sebagai Supritendan Kawalan Harga, 1975; dan kepada KADA sebagai Pegawai Tadbir. Senarai pengalamannya juga termasuk menjadi



Timbalan Pengarah Tanah dan Galian (PTG) di Kelantan, dan Yang DiPertua Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK).

Ulama Nik Abdul Aziz sebenarnya boleh dikatakan bernasib baik juga kerana kehadirannya di Pejabat Menteri Besar Kelantan disambut oleh Pegawai Kewangan seperti Dato' Razak yang secara diam-diam meminati keperibadian dan kepimpinannya. Jadi, walaupun bertembung dengan perkara yang kurang menyenangkannya, Dato' Razak tidak menimbulkan kesulitan, sebaliknya cuba memahami dan menghargai pandangan-pandangan baru yang hendak diterapkan oleh Tok Guru Nik Aziz ke dalam pentadbiran negeri Kelantan.

"Ada perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan Islam dalam pentadbiran," kata Dato' Razak, "bagi Tok Guru tidak ada kompromi. Samada kita kata benda itu praktikal atau tak praktikal, dia kata mesti boleh, mesti buat. Payah tak payah pun kena buat."

Dengan kefahaman demikian, Dato' Razak pun memaklumkan kepada pengurus-pengurus bank, yang kerajaan negeri hendak memindahkan semua akaunnya kepada Bank Islam untuk mengelak daripada riba. "Semua pengurus bank mari jumpa," katanya. "Saya pun tak bagi jawapan muktaamad kepada mereka, cuma saya kata barangkali satu cara yang baik ialah: 'kamu semua pun ikut cara Islam juga.'



▲ Gambar kenangan di depan bangunan Parlimen China

Jadi semua pengurus bank itu pergi berjumpa dengan Tok Guru. Lepas itu tak lama kemudian kita dengarlah - bank itu ada kaunter Islam, bank ini ada kaunter Islam, dan akhirnya semua bank ada kaunter Islam."

Menjangkakan banyak lagi pembaharuan akan dibawa oleh kepimpinan ulama itu, Dato' Razak bersama dengan SUK Dato' Hassan menubuhkan sebuah jawatankuasa di peringkat pentadbiran untuk mengkaji apa-apa yang perlu dibuat bagi melaksanakan kehendak-kehendak Tok Guru, dan juga 'mengIslamkan' metod-metod pentadbiran. Jawatankuasa di peringkat pegawai ini tidak termasuk orang politik. Dato' Razak sendiri mempengeruskannya.

"Kita keluarkan satu siri pekeliling," kata Dato' Razak. "Pekeliling Perkhidmatan Secara Islam. Kita sudah ada Pekeliling Perkhidmatan yang biasa. Ada di peringkat Persekutuan dan ada di peringkat Negeri. Sekarang kita tambah pula Pekeliling Perkhidmatan Secara Islam. Pekeliling yang pertama ialah mengenai aurat."

"Semua kakitangan kerajaan, pada waktu pejabat hendaklah menutup aurat. Dan kita jelaskan apa yang dimaksudkan dengan 'aurat' itu, yakni etika berpakaian secara Islam. Di situlah mula-mula kita keluarkan permintaan secara bertulis supaya wanita memakai tudung. Berikutan itu banyaklah kita terima sindiran, cemuhan, macam-macam. Bukan daripada orang lain, daripada kalangan pegawai sendiri." Dia kata, 'Apa ni susah-susah?' Dalam loghat Kelantan dia kata ikut dialah 'nak pakai gapo pun'.

"Kakitangan Kewangan Negeri di bawah saya pun ada yang tak berapa setuju," cerita Dato' Razak selanjutnya. "Selepas dua minggu saya perhati, saya panggil dia, saya kata, 'Ini arahan. Kod etika pakaian ini serupa dengan polis. Jabatan Polis kata semua polis kena pakai begini, kalau tak pakai begini dia tak boleh jadi polis. Kemungkinan tindakan diambil untuk buang dia daripada polis. Begitu juga jabatan-jabatan lain. Jadi, pekeliling ini adalah etika pakaian. Kalau tak pakai maknanya tak patuh kepada kehendak Kerajaan Negeri supaya menutup aurat.'"



Dan saya kata, 'Ini bukan Kerajaan Negeri yang hendak ni, dan bukan Tok Guru. Ini Allah yang suruh. Cuma dulu Nabi Muhammad S.A.W yang menyampaikan; sekarang yang menyampaikan kepada saya ialah Tok Guru, sebagai Menteri Besar. Jadi kalau tak ikut maknanya tak ikut perintah Tuhanlah.' Selepas itu Alhamdulillah, tak lama kemudian mereka pun jadi biasa dengan bertudung.

"Dalam satu lawatan saya ke Pejabat Tanah Daerah, selepas membuat penerangan mengenai pentadbiran secara Islam yang baru kita perkenalkan, kita buka untuk soalan. Ada seorang qadhi berkata, di zaman Nabi pun tidak semua orang terima Islam. Saya kata, yang saya dengar Tok Guru kata kita bukannya nak mengIslamkan semua orang di sini, tetapi kita nak perkenalkan pentadbiran secara Islam, mudah-mudahan semua orang ikut. Tapi orang yang jahat ini bila-bila masa pun ada, kata saya."

"Bagaimana pula dengan cerita kereta yang digunakan oleh Tok Guru sebagai Menteri Besar?" Kami bertanya.

"Sebagai Pegawai Kewangan Negeri, kereta memang terletak di bawah pengurusan saya," jawab Dato' Razak. "Saya tawarkan kereta Mercedes kepada Tok Guru, iaitu kereta yang layak bagi Menteri Besar. Tapi Tok Guru kata, 'Ambo



ini padan dengan Proton Saga jah. Ambo nak beli Proton Saga."

"Saya kata, 'Tok Guru kena ingat, kereta ini bukan untuk Nik Aziz ni, kereta ini untuk Menteri Besar Kelantan, sebab itu Mercedes. Kalau untuk Nik Aziz, Proton pun tak apa.' Tok Guru senyum."

Lagi satu, cerita Dato' Razak selanjutnya, tentang *bodyguard*." Tok Guru kata, 'Siapalah yang hendakkan ambo la ni, kulit pun geleber, takdok orang hendak. Nak *bodyguard* buat gapo? Buat menyusahkan orang.' Saya kata, '*Bodyguard* ini polis. Bukan Tok Guru bayar gaji dia. Dia memang dah makan gaji sebagai polis. Cuma ditugaskan duduk di sini. Semua Menteri Besar ada *bodyguard*. Ikut protokol, syarat-syarat dalam pentadbiran, walaupun orang itu baik, walaupun tak ada seorang pun nak marahkan Tok Guru, *bodyguard* kena ada."

"Akhirnya dia terima. Tapi dia kata, 'Ambo nak orang yang ambo kenal.'"

Dan antara cerita yang lebih menarik lagi ialah mengenai elaun-elaun yang layak untuk Menteri Besar. Misalnya elaun kerajaan untuk jamuan Hari Raya. "Perkara ini timbul tatkala nak bincang bajet," kata Dato' Razak dalam ceritanya kepada kami. "Sebelum masuk persidangan dan sebelum masuk Exco, kita bagi taklimat kepada Tok Guru. Ini mengenai jamuan hari raya. Kalau tak salah ketika itu jumlahnya RM18 ribu."

"Eh banyak ni!" kata Tok Guru. 'Nak jamu apa sampai sebanyak ni?'"

"Saya kata, 'Jumlah ini memang sudah ditetapkan. Untuk Menteri Besar, belanja hari terbuka sempena Hari Raya sebanyak ini. Apa yang hendak dijamu itu terpulanglah.'"

"Tok Guru kata, 'Pah! Bagian ambo? Mana pahala bagian ambo?'"

"Dia tanya begitu!" kata Dato' Razak. "Kita sikit pun tak terfikir dia nak tanya begitu. 'Ambo tak ada pahala sikit abuk,' kata dia. Kemudian dia kata, 'Beginilah, ambil duit tu buat benda lain. Untuk hari raya, ambo guna duit ambo sendiri.'"

"Dan dia berkata itu dengan cara bersahaja begitu saja. Tetapi ia meninggalkan kesan yang

mendalam kepada kita. Dengan sendirinya kita pun berasa insaf.

"Begitu juga dengan elaun rumah. Pun dia tak ambil. 'Ambo duk rumah sendiri,' kata dia. 'Rumah ambo di Pulau Melaka tu, kalau nak bagi sewa seratus lima puluh ringgit sebulan pun orang tokse. Buat apa nak bagi sampai dua tiga ribu kat ambo?'"

"Memang begitulah yang Tok Guru kata," tegas Dato' Razak lagi. "Ambo nak buat gapo dua tiga ribu ni? Rumah ambo seratus lima puluh pun tak laku.' Dia tanya saya. Saya pun tanya dia, 'Jadi, macam mana?' Dia kata, 'Buat benda lainlah duit tu.'"

"Begitulah cara Tok Guru." Dato' Ab Razak yang dilahirkan di Jelawat, Bachok, dan belajar di Sekolah Kebangsaan Bachok sebelum dipilih masuk kelas Special Malay di Ismail English School, Kota Bharu (1949), hingga ke Tingkatan 5 itu, seperti membuat rumusannya mengenai pentadbiran dan kepemimpinan Tok Guru Nik Aziz. Dato' Ab Razak sendiri pun pernah menjadi guru di Sekolah Menengah Bachok, sepulangnya dari Maktab Perguruan di Brinsford Lodge, England (1959).


"Pemikirannya tak serupa dengan pemimpin lain," katanya. "Dan kerana itulah, saya fikir, dalam pemerintahan Tok Guru di Kelantan ini ada barakah. Dalam pentadbiran cara lain tidak ada aspek barakah. Hanya dalam Islam sahaja ada barakah."

Akhirnya kami kemukakan soalan ini kepadanya: Pihak UMNO kata masa itu kerajaan PAS hanya boleh bertahan tiga bulan sahaja, lepas itu akan bankrap kerana tidak ada duit nak bayar gaji. Dan mereka pula menyekat bantuan wajib yang sepatutnya dibayar oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri. Tetapi Kerajaan Negeri pimpinan Tok Guru Nik Aziz kekal memerintah Kelantan sehingga hari ini. Bagaimana ceritanya? "Saya Pegawai Kewangan Negeri ketika itu," kata Dato' Razak. "Jadi bila orang UMNO kata begitu, saya senyum sajalah. Kita tahu, sebab kalau banding negeri-negeri lain ketika itu, Kedah lagi teruk. Negeri lain semua bergantung banyak kepada Pusat. Bila Kelantan diambil alih oleh PAS, kerajaan Pusat hentikan bantuan. Kita terjejas. *Grant* bantuan itu dipotong serta-merta. Isytihar PAS menang saja, terus tak keluar *grant* lagi. Itu yang mereka kata PAS cuma boleh perintah tiga

bulan saja. Tapi kita mulai melaksanakan pengu- rusan kewangan secara berhemah. Kita keluar arahan kepada pegawai untuk berjimat-cermat. Alhamdulillah kita boleh *survive*, bahkan kalau banding dengan sesetengah negeri, kita lebih baik, sebab kita cermat, jadi wang yang patut habis pun tak habis."

"Antara arahan yang dikeluarkan olehnya ketika itu ialah supaya jamuan ketika mesyuarat hanya secawan teh o dan sebiji kueh seorang. Belanja jamuan mesyuarat sebelum itu biasanya agak besar juga," kata Dato' Razak.

"Ada hikmahnya juga Kerajaan Persekutuan sekat *grant* tu. Ada setengah *grant* itu memang tak boleh tidak dia kena bagi. Mengikut Perlem- bagaan, dia tak boleh tak bagi. Dia hanya boleh lewatkan saja, sampai Disember. Jadi kita walau- pun tak ada duit pada bulan Februari, Mac, April, tapi di bulan Disember kita ada banyak duit. Lepas daripada tahun pertama, yang terkumpul di bulan Disember itu boleh dibelanja awal tahun depan. Jadi berjalan licin. Tak ada masalah. Hanya satu tahun saja kita susah."



Kembali kepada judul tulisan ini. Kata-kata "Pah kito ni nok wat guano?" itu sebenarnya dilafazkan oleh Tok Guru Nik Aziz dalam pertemuannya kali pertama dengan Dato' Razak dan Dato' Hassan Yusof, iaitu selepas sedikit alu-aluan dan pengenalan, kata Dato' Razak, Tok Guru pun dengan suara yang rendah bertanya dalam loghat Kelantan: "Pah kito ni nok wat guano?"

"Soalan itu bagi saya sangat bererti," kata Dato' Razak mengimbas kembali saat-saat istimewa dan bersejarah itu. "Masa itu saya panggil dia Ustaz, belum panggil Tok Guru. Panggilan Tok Guru ini dicetus dalam salah satu mesyuarat Exco selepas itu. Saya panggil dia Ustaz Nik Aziz, sebab saya memang kenal dia sebelum jadi Menteri Besar lagi."


"Saya faham maksud soalan Tok Guru itu, jadi saya jawab: 'Ustaz tak usah risau. Ustaz ghoyak gapo hok Ustaz nok. Hok jong buatnya kito.' Maksudnya, Tok Guru beritahu kepada kami apa yang Tok Guru mahu, apa yang Tok Guru fikir

patut buat, dari segi dasar dan sebagainya, kami berdua akan laksanakan. Tok Guru kata, 'Kalu gitu tak apalah, senanglah ambo.'"

"Selepas itu saya dan Setiausaha Kerajaan berbincang dan kami buat keputusan: Sekarang kita kena tolong Tok Guru. Kami rasa Tok Guru perlukan bantuan. Kami sedar yang dia tidak banyak pengalaman dalam pentadbiran, dan kami komited nak bantu dia. Itulah asasnya komitmen yang kami berikan kepada Tok Guru."

Demikianlah cerita Dato' Ab Razak dalam dua pertemuan kami dengannya. Kami juga sempat menyatakan harapan kalau-kalau dia mahu memikirkan untuk duduk dan menuliskan semula pengalamannya yang sangat berharga itu, khasnya dilihat dalam perspektif amalan pentadbiran biasa di Malaysia. Semoga harapan kami untuk melihat sebuah buku pengalaman pentadbiran di hari-hari awal Tok Guru Nik Aziz sebagai Menteri Besar Kelantan, akan menjadi kenyataan.

(Wawancara turut disertai oleh Kassim Muhamad)



TEH GAHARU  
Cubalah Hari Ini



PEJABAT KORPORAT: Tingkat 1,  
Lot 296, Jalan Kota Darulnaim,  
15100 Kota Bharu, Kelantan  
TEL: 09-747 1908 FAKS: 09-746 1908

IBU PEJABAT: Tingkat 1, PT7813,  
Taman Mesra, Jalan Persiaran Jaya,  
18300 Gua Musang, Kelantan  
TEL: 09-912 0710 FAKS: 09-912 0711



قماربك ساويت سنديران برحد  
PMBK SAWIT SDN BHD  
(DIMILIKI SEPENUHNYA OLEH PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN)



Percetakan  
ZULRAHIM  
Sendirian Berhad

SMART PRINTING  
&  
CREATIVE DESIGN

Email: [prczulrahim@yahoo.com.my](mailto:prczulrahim@yahoo.com.my)

Lot 1811, Bangunan KPKB, Kg. Paya Rambai, Jalan Bayam, 15200 Kota Bharu, Kelantan. Tel: 019-9976513, 019-9194514, 019-9566514





**KETIKA** itu, sekitar zaman sebelum dan selepas Perang Dunia Ke-2, Kampung Dewan, Labok yang sekarang terletak dalam jajahan Machang hanyalah sebuah kampung biasa. Tiada banyak bezanya dengan kampung-kampung Melayu lain di Kelantan. Para penghuninya merupakan petani tradisional, dengan kemungkinan sebilangan kecil mereka terlibat dalam aktiviti perniagaan. Dengan kata lain, Kampung Dewan bukanlah sebuah kampung istimewa ketika itu.

Namun langitnya sentiasa cerah. Malamnya yang sunyi dan syahdu sentiasa bercahaya dengan bulan dan bintang. Bintang-bintang itu terbit dan mengerdip, memancarkan kemilau serinya hingga menjadi penyuluh kepada para pengembara. Apatah pengembara pemburu ilmu! Apatah kepada ibu dan bapa yang sentiasa berhati tulus, sentiasa pasrah kepada kebesaran Ilahi.

Di Kampung Dewan inilah bersuanya Haji Uthman bin Mat Kib dan Hajjah Halimah binti Seman selaku sepasang petani kecil yang menggantungkan hidup mereka pada hasil pertanian. Suami isteri yang hidup serba sederhana ini telahpun memiliki dua orang anak, sehinggalah pada 22 September 1939 mereka dikurinkan seorang lagi putera yang mereka namakan Yahya. Lengkapnya Yahya bin Haji Uthman bin Mat Kib.

Lahir dan membesar dalam zaman serba meleset, sarat dengan cabaran, terutama kerana pecahnya Perang Dunia Ke-2, masuknya Jepun ke Malaya dan sekaligus menjajah sebahagian besar tanah Nusantara, sukarlah hendak dibayangkan betapa kalutnya kemelut yang melanda. Bagaimanapun ini tidak menghalang kedua ibubapa yang penuh kesabaran itu daripada terus menyalakan lampu masa hadapan bagi anak-anak mereka, khususnya buat si bongsu.

Begitulah, dalam usia tujuh tahun Yahya telah dihantar masuk Sekolah Melayu Labok. Tetapi pembelajarannya di sekolah itu sekadar dua tahun setengah, kerana pada tahun 1947 beliau dihantar pula oleh orang tuanya ke Tanah Suci Mekah untuk menimba ilmu di sana. Di Mekah beliau tinggal bersama ibu saudaranya dari sebelah ibu.

Tetapi empat tahun kemudian, ketika usianya menjangkau 12 tahun, beliau terpaksa pindah mencari kediaman sendiri, menyara hidup sendiri, berusaha apa sahaja demi meneruskan pengajiannya di Darul Ulum ad-Diniyah, Shuaib Ali – kendati memang seringkali harus kelaparan.

Tujuh tahun beliau berada dalam situasi sedemikian, namun beliau tidak pernah cuba untuk berpatah langkah. Sementara pelajaran rasminya diterima di Darul Ulum ad-Diniyah, Yahya juga tidak melepaskan kesempatan untuk sama-sama bertekun di Masjidil Haram. Belajar dan menadah kitab-kitab besar dengan ulama-ulama Arab dan Indonesia yang mengajar di situ, terutamanya dalam ilmu-ilmu hadith, mustolah hadith dan tafsir.

Dan sebagai seorang pencinta sastera dan bahasa, Yahya juga merebut kesempatan mempelajari Bahasa dan Kesusasteraan Arab daripada guru-guru yang datang dari Mesir. Maka tidaklah menghairankan apabila beliau kemudiannya mampu memahami dan mendalami puisi serta prosa Arab tradisional dan moden, misalnya karya-karya besar Taha Hussein, Mustafa Rafie, al-Manfaluti dan sebagainya.

Lantas, sangatlah wajar jika disenaraikan antara guru beliau di sana adalah Syeikh Yasin Padang, Syeikh Hasan Masyak, Syeikh al-Maliki, Syeikh Amin Qutubi dan Syeikh Abdul Kadir.

Mendalami ilmu-ilmu agama dalam pelbagai bidang menjadi pemangkin untuk menguatkan iman. Meneroka karya-karya sastera untuk mengentalkan perasaan. Semuanya sebagai tiang yang menonggak. Kerananya pula kesulitan material hingga harus mengharungi saat-saat kritis, sama sekali tidak menggugah keyakinan.

Kehidupan mesti diteruskan. Pengajian juga mesti diteruskan. Getir seksa kebuluran bukanlah penghalang. Persekitaran yang sarat pancaroba juga bukan penghakis semangat. Dalam keadaan seperti itu, kehadiran para guru adalah mangkin yang mengobarkan cita-cita.

# Ustaz Yahya Uthman

## Tokoh Guru YIK 2002

**Baktinya tak pernah menemui noktah**

Oleh Norhisham Mustaffa Foto Ahmad Na'ime



Beliau tahu, dalam menghadapi segala macam kesukaran akibat kedaifannya itu, guru-guru jualah yang menjadi tempat pergantungan. Makanya beliau tidak pernah ingin berjauhan daripada guru-guru, semata-mata kerana kedaifannya itu. Guru-guru terus didekati.

Keberkatan guru diraih. Dan beliau berasa jiwanya senantiasa tenteram kendati secara lahiriah pernah satu ketika yang panjang beliau hanya memiliki tiga helai baju, membaca dan mentelaah di bawah tangga, terpaksa menahan lapar lalu berpuasa.

Jiwa yang senantiasa tenteram itulah yang membentuknya menjadi ceria, apatah apabila masa-masa senggangnya diisi pula dengan aktiviti-aktiviti kokurikulum dan kerja-kerja kemasyarakatan. Ini terbukti misalnya di Darul Ulum ad-Diniyah itu beliau dilantik menjadi pustakawan, giat menerbit dan menyebarkan buletin.

Bahkan ketika baru berusia 15 tahun beliau sudah dipercayai untuk menduduki barisan Jawatankuasa Belia Negeri Kelantan, dan kemudian dilantik sebagai Penolong Setiausaha persatuan tersebut.

Tahun 1958, beliau menamatkan pengajiannya di Mekah. Selaku pencinta ilmu yang arif pula akan riwayat hidup para ulama silam, beliau juga ingin mengembara. Maka langkah pertamanya adalah menuju Damsyik, ibukota Syria. Walaupun cuma tiga bulan di bumi Syam, peluang itu dimanfaatkan sepenuhnya. Beliau senantiasa berada di masjid, mendalami sekian banyak kitab, menghadiri ceramah-ceramah agama, termasuk mendekati program ceramah oleh Dr Mustafa as-Syiba'i, Ketua Ikhwanul Muslimin di Syria ketika itu.

Dari Damsyik beliau mengembara pula ke Baghdad. Banyaklah manfaat yang diperolehinya di Baghdad, antara lain sempat menadahkan kitab Jami' al-Imam Abu Hanifah di Masjid Abdul Kadir Jailany.



Hampir dua tahun mengembara, lalu setelah meninggalkan Baghdad beliau pun tiba di Mesir, pada tahun 1960. Di Mesir beliau berjaya masuk Universiti al-Azhar, mengikuti pengajian Syariah wal-Qanun.

Inipun suatu yang istimewa kerana kebanyakan pelajar lain, terutama yang datang dari tanah jawi, lebih gemar memilih jurusan Syariah, kerana pengajiannya boleh ditamatkan dalam tempoh empat tahun. Pengajian di jurusan Syariah wal-Qanun mesti ditamatkan dalam tempoh lima tahun. Tetapi beliau tidak gentar dengan cabaran itu. Beliau yakin bahawa melalui pengajian yang dipilihnya itu beliau akan beroleh lebih banyak kesempatan untuk mendalami ilmu undang-undang perbandingan, ekonomi politik, ideologi politik, hubungan antara bangsa dan sebagainya.

Pencapaiannya di Universiti al-Azhar cukup lumayan. Maka wajarlah ketika beliau naik ke tahun dua universiti tersebut, Kerajaan Negeri Kelantan mula menghulurkan biasiswa sebanyak RM250 sebulan. Biasiswa ini diterimanya sehingga beliau berjaya mendapat ijazah Sarjana Muda Syariah wal-Qanun pada tahun 1966.

Yahya memang seorang yang gemar membaca. Semasa belajar di Universiti al-Azhar, beliau tinggal di Kampung Melayu, Abidin, yang sangat berdekatan dengan perpustakaan terbesar di Mesir, yakni Darul Qutub al-Masyriah. Ini membolehkan beliau senantiasa mengunjungi perpustakaan tersebut.

Sebagaimana di Mekah, di Kahirah juga Yahya tidak mengabaikan kegiatan sosial. Beliau pernah dilantik sebagai AJK Biro Kebajikan, Persatuan Pelajar-Pelajar Melayu Mesir, tahun 1961; Setiausaha Biro Pendidikan, tahun 1962; dan wakil pelajar-pelajar Malaysia dalam Kelab Pelajar Asing Antarabangsa, tahun 1963.



QIADAH | OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

Kata orang, kerinduan terbesar bagi seorang perantau adalah gamitan tanahair. Yahya turut mengalami ini. Setelah beroleh ijazah Sarjana Muda beliau kembali sekejap ke tanahair, dan tiga bulan kemudian berangkat semula ke Mesir bagi melanjutkan pengajian peringkat Sarjana, juga di Universiti al-Azhar. Empat tahun kemudian, beliau berjaya menggondol ijazah Sarjana dalam bidang Politik Syarak Islam.

Tahun 1967, beliau kembali ke tanahair dan dilantik sebagai pensyarah jurusan Syariah di Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK). Tahun itu juga merupakan titik-tolak kepada corak dan dasar pendidikan negara, di mana pendidikan Islam mulai dicerna dengan lebih rapi, khususnya melalui YPTIK. Ini turut mengobarkan semangat Yahya, dan mendorong beliau lebih aktif sebagai pengajar.

Di YPTIK, Yahya turut mengajar Pengantar Undang-Undang dan Perbandingan Perlembagaan, Ekonomi Politik, Undang-Undang Antarabangsa, Sistem Pemerintahan Islam, Sistem Kewangan Negara Islam, serta penulisan karangan Bahasa Arab. Perkhidmatannya cukup cemerlang. Setelah tiga tahun, beliau diangkat menjadi Pensyarah Kanan; lima tahun kemudian diangkat sebagai Pemangku Dekan, seterusnya menjadi Timbalan Pengetua, sebelum dilantik sebagai Penyelia Maahad Dakwah wal-Imamah.

Kecenderungannya berbakti di bidang ilmu dan pengalamannya membantu mencernakan hubungan kemasyarakatan yang dimulainya sejak di Mekah, terus dilangsungkan hingga ke hari ini. Beliau pernah aktif dalam Pertubuhan Belia Islam Antarabangsa (WAMY) di sekitar awal 1970-an. Dalam sektor pendidikan dan akademik misalnya, beliau telah menyampaikan puluhan syarahan dan kertas kerja, bukan sahaja di tanahair bahkan juga di luar negara. Sebagai pendorong dan penggerak kepada kemajuan tamadun literasi, beliau dipilih sebagai Tokoh Buku tahun 2000, sempena Pesta Buku Kelantan.

Demikian wajah seorang pendidik tulen. Jasa terbesar beliau yang akan dikenang dan bakal abadi dalam khazanah sejarah Kelantan, tentu saja terhadap Yayasan Islam Kelantan (YIK). Beliau lah orangnya yang menggubal kurikulum YIK, juga yang bermati-matian lalu berjaya mempertingkatkan perhubungan antara YIK dengan Universiti al-Azhar.

Dan sebagai *mujaddid* sekaligus *mujahid*, tentu saja beliau turut berjuang melalui platform politik kepartian. Di atas landasan itu, antara lain beliau pernah terpilih menjadi Ahli Jawatankuasa PAS Pusat, Setiausaha Dewan Ulama PAS Pusat, Timbalan Pesuruhjaya PAS Kelantan, Ahli Dewan Undangan Negeri, dan Exco Pembangunan Islam, Pendidikan dan Dakwah Negeri Kelantan.

Sumbangan baktinya tak pernah menemui noktah. Beliau pernah menjadi Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengelola Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail (KIAS). Jasanya juga terdapat dalam penubuhan Maahad Tahfiz al-Quran Pulau Chondong. Dan hari ini Dato' Yahya Uthman mengendalikan pusat latihan Darul Quran, yang didirikannya sendiri di hadapan rumahnya di Labok, Machang.

Sungguh benar, sekali bintang timur itu mengerdip, kerdipannya tak pernah suram hatta ke siang hari. Langit pun senantiasa ceria, dan cakerawala dunia pendidikan Kelantan berbangga justeru khidmat bakti yang sangat cemerlang itu.



by Kassim Muhamad  
foto Ahmad Na'ime

# Marketing Made Easy

## Cikgu Nasir, The Keris & The Cyberspace

It was Sunday the 22nd of August 2010 as usual the Cikgu (teacher) did not fail to upload his usual religious-flavoured message. This time a rather philosophically-spiced entry "The blind man from the Cave of the Ghost", an Indonesia movie the seventies; the story of a blind martial arts hero, who in spite of his physical shortcoming, still managed to 'overcome' his enemies. Part of the entry, in Malay runs as follows:

*"Cerita Sibuta dari Gua Hantu memang hebat, hero yang buta boleh buat macam-macam hingga boleh mengalahkan puluhan lawan yang celik."*

"What a fantastic narrative from "Blind from Cave of the Ghost" even though blind, its hero could defeat his enemies, the non-handicapped, with all kinds of manoeuvres."

On the same day, yet another entry:

*"Mengapa orang kejar kita, jawabnya sebab kita lari. Mengapa kita lari, jawabnya sebab orang kejar kita. Jadi jangan kejar atau jangan lari."*

"Why do others chase us? The reason is we keep on running. Why keep running then? We are on the run because others are chasing us. So let us stop running or chasing".

### The tale of a Cikgu

Secondary school teacher, Mohd Nasir bin Hassan of Kampong Dusun Durian, Tawang, Bachok, Kelantan, keeps his own website or rather a blog (<http://cikgunasir.blogspot.com>) where he consistently pens on a wide range of topics, spicing them with his typical religious-philosophical undertones. The one-paragraph entry normally on a daily basis ensures that his blog is always informative yet lively.

To this silat (the Malay martial arts) trainer and enthusiast, the internet offers a much more meaningful role rather than mere blogging, socialising and interaction with fans per se. It has been a while since he successfully utilised the might and effectiveness of the cyberspace for a better use to market his products. In it he

displays a range of purchasable items, mainly the traditional Malay weapons with local perfumes and other accessories as side orders.

The traditional Malay weapons displayed include the keris, pedang (the sword), badik (the dagger), kerambit, parang lading and kapak (the axe). Among collectors of traditional Malay weapons, both local as well as abroad, the Cikgu believed that there is no doubt that the keris is one of the favourite items.

When enquired of the response from buyers, the Cikgu obviously was excited to explain:

"For years keris-making has been a traditional cottage industry for all the keris craftsmen. And like most of the Malay crafts, it has its rich tradition with roots far beyond craftsmanship. You have that rich religious, philosophical and



**The Keris Handle:  
A beautiful and unique craftsmanship**

cultural finger prints.”

“But how does this industry survive the test of time when it has no real buyers? You cannot survive in that manner”.

Hence equipped with his interest, inclination and of course especially his entrepreneurial prowess, the Cikgu assembled the craftsmen under his umbrella.

“They produced the keris the way it should be, while I do the marketing.”

According to Cikgu Nasir, on the average he is able to sell a keris a day, a feat which was quite impossible several years ago. Since four years ago he has managed to sell about 1,500 such above items via the internet. Definitely the internet has helped him improved his marketing and hence sales.

When asked if he is satisfied with achievement of the industry, “There is a lot more to be done. You see, in Europe even the ladies become craftswomen. Why? This is due to technology

available. One example is the machines available for the industry. With proper machines, one is not required to use sheer brute force like what is happening in our Malay traditional keris making industry today.”

“Imagine the amount of energy required to produce a keris!”.

### **The Keris As Viewed From The Philosophical Cultural And Religious Background**

We were quite keen to understand as to why he has that much of interest in the keris.

“Is there anything really so special about the keris?” I wanted to know more.

According to Cikgu Nasir of Tawang, to really appreciate its true meaning and spirit, keris making must be viewed beyond the raw process of production as seen by the naked eyes. For a properly-crafted keris, there lies a host of religious, cultural, philosophical reasoning that

have been considered during its crafting process.

To illustrate and as example, Nasir quoted the axis of the weapon. Whatever the lok (the wavy portion of the keris) may be, finally its axis must straight. In Islam the ‘straightness’ of one’s path in life is of paramount importance. That exactly is the one important element of the daily prayer of a Muslim - always seeking and begging for that straight path.

### **The Keris Making Process**

In a nutshell to make a keris, the following steps are usually followed:

- 1** The first step is to clean the iron. The iron has to be heated red hot and hammered to release the sparkling fireworks until none of such fireworks are emitted from the red hot iron. The process removes the impurities from the iron.
- 2** The iron is then coated with the pamor layer. The heating and hammering process is continued in order to bind the metals together; again another symbol of unification/union.
- 3** The iron and pamor layers are bent/moulded to form the cursive portion/nature of the keris.
- 4** The blade is formed by careful hammering and moulding in order to obtain its intended structure.
- 5** The blade of the keris is piled to obtain the required keris.

### **The keris has it deep rooted cultural, mythical and religious elements**

What makes a keris so uniquely special and regarded as a great weapon? The answer lies in and is partly attributed to the types and qualities of iron diligently sourced, selected and used as the material for the keris. In addition the quality and standard of craftsmanship, effort, manner (or rituals?) involved would determine the intrinsic qualities achieved by the keris. The ‘pamor’, that unique natural ‘patterns and grains’



obtained on the keris is the result of such an effort.

In this light, the ‘keris’ in itself is beyond art it is a cultural heritage with deep rooted feudalistic relationship a vertical one, embodying, enjoining and amassing the masses with the royalty.

The ‘secrets’ of the keris with its intricate ‘pamor’ (damask/damascene) pattern, unique and exclusive design and somewhat philosophical architecture among others reveal its beauty, craftsmanship, and secret signage worthy as a precious ancestral weapon cum craft of the Malays.

#### **References:**

*Zakaria Abdullah, Rahsia Keris dan Senjata Warisan Melayu, Kota Bharu, Kelantan: D Warisan Darul Naim dengan Kerjasama Persatuan Senirupa dan Kraftangan Kelantan, 2007.*

*Emil Bahari, Semangat Keris Melayu, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2009*



# GUA MUSANG

## "Cave of the Civet" no more

by Kassim Muhamad photo Shariah Derahman & Ahmad Na'ime Muhammad

**A** popular comment by my colleague, Dinsman is "*Gua Musang membangun begitu cepat sekali*". True enough, Gua Musang is fast developing. And how would you interpret that? Abdullah Mohd Yusoff whom we met in his office, uses the number of banks as an indicator of development, "Just name any bank, they all are here." Abdullah was the secretary of the Town Council for six years before he took over the helm of the Jajahan, the District, as its District Officer cum the President of Gua Musang Town Council.

The town is surrounded by limestone hills and caves, natural spots popular among cavers and rock climbers. Bukit Gua Musang, the protruding landmark of the old town is typically described by many as 'a stone pillar or a barren 105 metre high hill of rocks with deceptive stone steps running to the top' indeed a view familiar of the Cave. This is the very view that greets one's eyes in the Gua Musang old town.

With the old railway station at its foot, Bukit Gua Musang overlooks rows of seasoned grey shop houses and its ever bustling original commercial centre. That in a sentence is the old town of Gua Musang. Scattered and surrounding its foothills are the Chinese new villages and Malay traditional ones. Indeed the commanding stature of Bukit Gua Musang is majestically obvious.

Driving into Gua Musang, either from the south or north, is like moving into a panoramic green meadow with a surrounding landscape and hinterland of rich, scenic green undulating hilly terrains of oil palm estates the backdrop of a developed area. Though developed, its hinterland is still very much nature in essence.

Geographically the district of Galas, where the town of Gua Musang is, shares its borders with the states of Pahang in the south, Terengganu, the east and that of Perak in the west. To the north lie the districts of Jeli and Kuala Krai.

The town itself forms an important component of the historic train route from Singapore in the south to Tumpat in the north. For years it was connected and reachable to the outside world only by train. The Singapore-Gemas-Kuala Lipis-Tumpat railway track passes through Gua Musang. Until 1986, Gua Musang was only reachable to the outside world by train.

The distance of present popular road connecting Kota Bharu-Kuala Lumpur is approximately 458 km, while Gua Musang is about 269 km from Kuala Lumpur and is 189 km away from Kota Bharu, the state capital of Kelantan.



According to Abdullah Mohd Yusoff, the once small sleepy logging town is already geared to be a very important transit town in southern Kelantan and the regions encompassing bordering states of Terengganu, Perak and Pahang. The proposed land routes, some of which are already operational, are expected to have a tremendous impact on Gua Musang as a transit town. These routes connecting major towns in the region are namely the Simpang Pulai – Kuala Betis – Gua Musang, the Kota Bharu – Gua Musang – Kuala Lumpur and finally the Kuala Berang - Ciku – Gua Musang – Kuala Lumpur. According to Abdullah the Kuala Berang component would be ready by next year; to date about 10 km-stretch is yet to be completed.

According to "Kelantan Facts and Figures 2008/2009", Gua Musang has a population of 97,800 giving a population density of 12 per sq. km distributed in Mukim of Galas, Chiku and Bertam. As a Jajahan (District) Gua Musang is comprised of the above three Mukims. The whole district has a total area of 8,213 square kilometres. This makes the district of Gua Musang the biggest single district in Kelantan, i.e. 54% of the state area.

### Interesting sites to see

Apart from climbing and exploring Bukit Gua Musang and its content, what other activities are available for tourists whilst in Gua Musang?

If you happen to travel to Gua Musang via Simpang Pulai and Cameron Highlands, a stop over in Lojing would be a good idea. Firstly enjoy its nice, cool and clean weather of the upland and its sprawling panorama. Do visit some of the horticultural farms with their high value upland crops and flowers.

If you intend to put up a night or two, then you have to look for your accommodation either in Cameron Highlands or Bertam for Lojing is not ready as yet with such facilities.

If you choose to enjoy nature, its beauty and are really looking forward to experience its wildness, culture and heritage, then a trip to an Orang Asli settlement a 'Pos' as it is often called would be appropriate. According to information by UPEN (State Economic Planning Unit) there are 17 of such Pos in Gua Musang. One such settlement is Kampong Dakoh, Pos Balar with 131 households and a population of about 789 people. From Kuala Betis, the 'Pos' is about 4 hours drive and is 65 kilometres away.



But before you do that, please contact the local Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA), a government department which looks at the welfare of the aboriginal population.

Let us say all you want is a less tiring and mild treat of the wilderness. In that case perhaps Gua Madu which is in the vicinity of Gua Musang would be much more suitable. Enjoy the sight of the slow meandering Galas River while you seep your cold drinks. If you plan your trip well you have the opportunity to enjoy the fresh river fish as a dish for your lunch.

For your information, Gua Musang is the northern gateway to Taman Negara (National Park), an untouched tropical rainforest and is amongst the oldest in the world. Taman Negara and 'its rich biodiversity is the home to many endangered species of animals and plants.'

Sungai Relau which is on the western side of Taman Negara is one of its entry points. The park headquarters is about 7 kilometers from Merapoh, a small village in Pahang and is about 30 kilometres south of Gua Musang.

Another interesting place to consider visiting while you are in Gua Musang is the Guanyin temple known widely as the Water and Moon Temple in Kampung Pulai, about 12 km away from Gua Musang.

What about your accommodation? While in Gua Musang, it is not difficult to look for one as you travel along the main road of the town. Some popular ones are the Kesedar Inn or Hotel Gua Musang or perhaps Goa Inn. It's your choice.

### A writer's indicator of development

How do you measure development? Let me illustrate an aspect of 'development' with an example. For both of us, Dinsman and me there is something in common. Both of us find it lovable, untiringly, extremely conducive and relaxing to patronage, comb and scan the bookshelves of bookstores found in towns and Gua Musang has one of such bookstores. For a remote town, you'll be surprised to see its collection.

Yes, a book shop is an indicator of development. Why not?





# Lompat Tikam

## Juadah Pengindah Kalam

Oleh Zanazanzaly  
foto Ahmad Na'ime Muhammad

Tiada benda di dalam dunia mempunyai nama tanpa punca atau sebab musababnya. Meski ia dari asal kejadian Tuhan mahupun peri rekaan. Alam Melayu kaya dengan khazanah ungkapan dan kiasan yang sarat keindahan bahkan padat maksud mendalam.

Resam bangsa Melayu memuliakan tetamu dengan sopan berbalas salam, dan tidak ketinggalan pasti disediakan juadah buat menyatakan kegembiraan hati tuan rumah yang amat bersyukur kepada Allah SWT, kerana menghadirkan malaikat rahmat ke kediaman mereka melalui kunjungan para tetamu itu.



Simbol syukur ke hadrat Ilahi berbaur terima kasih kepada tetamu ikrami yang terzahir pada wajah dan terukir pada jiwa tuan rumah itu menyerlah melalui paduan warna hijau, putih, merah dan coklat perang, menjadi penyeri juadah pengindah bicara mesra mereka dengan dhif yang bakal bertandang.

Setelah dimaklumkan akan kehadiran para tetamu, sambil menunggu, tuan rumah yang ringan siku dengan lapang dada membancuh dua cawan tepung beras dengan lima cawan air biasa. Secawan air perahan pandan dicurahkan kemudian. Adunan hijau tadi yang dicampur secubit kapur untuk mengentalkan tekstur, terus dimasukkan kedalam kuili yang menanti di atas dapur dengan nyalaan api yang sederhana besarnya. Adunan hijau beraroma pandan dikacau perlahan-lahan sehingga masak, kemudian dimasuk-

kan ke dalam loyang untuk disejukkan.


Beralih kepada penyediaan kedua, di mana bahagian kepalanya yang putih pula disediakan dengan menggunakan tiga cawan santan, tiga sudu besar tepung beras yang dibancuh dengan sedikit air dan secubit garam. Carikkan daun pandan untuk tambah membangkitkan lagi aroma segar mewangi. Didihkan kesemua bahan ini seketika. Kalau lama, pecah pula minyak santannya yang pasti akan menjejaskan keenakan rasa.

Sementara menanti yang putih sejuk ketika yang hijau mulai mengental, giliran fasa ketiga tiba, di mana beras pulut yang telah direndam dengan sedikit pewarna merah, ditos lalu dikukus bersama santan cair sehingga masak.



# ANEKA KUIH & MAKANAN DI BULAN RAMADHAN 300 JUADAH MEMIKAT RASA

Oleh Izzah Jihadi  
Foto Ahmad Na'ime, Mohd Fauzi & Hafieez



itu, melalui senda gurau para tetamu yang hadir, disirami dengan sesudu kecil cairan manis berwarna coklat perang berkilat seakan-akan menikam. Yakni, kegembiraan yang terzahir menusuk sukma tuan rumah yang mendapat besar ganjaran pahala "ikram ad-dhuyuf" sebagaimana hadis riwayat Abu Hurairah r.a, katanya:

Rasulullah saw bersabda: "Sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari kiamat, maka janganlah dia menyakiti tetangganya. Dan sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari kiamat, hendaklah dia memuliakan tetamunya. Dan sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari kiamat, maka hendaklah dia berkata yang baik atau diam."

Bayangkan betapa indahnya kemilau jernih rona coklat perang menyirami tiga warna - putih (santan), hijau (tepung) dan merah (pulut) - makanan yang membangkit aroma, beraneka warna dengan paduan rasa manis, masin dan lemak yang sungguh enak. Diharapkan begitulah juga lazatnya nikmat ganjaran pahala yang bakal dirasai di akhirat kelak.

Itulah kuih tradisional negeri Tanah Serendah Sekebun Bunga yang unik penuh simbolik, dinamakan Lompat Tikam, sebagai juadah pengindah kalam bersulam kemesraan dan keakraban yang mendalam.

Disusuli pula dalam periuk yang berasingan sebagai pelengkap rasa manis yang membuka selera, tiga keping manisan (gula melaka) dengan setengah cawan dan sehelai simpulan daun pandan dididihkan.

Apabila tetamu sampai, salam bersahut pun usai, berjabat tangan di serambi rumah selesai, tuan rumah mempersilakan tetamu masuk ke tengah balai. Sambil berbual mesra bertanya khabar dengan saudara-mara mahupun ipar-duai ataupun sahabat-handai, para tetamu dihidangkan juadah yang sesuai dinikmati secara santai.

Sesudu besar santan putih dan sepotong tepung hijau serta sekepal pulut merah dimasukkan kedalam mangkuk, secara simboliknya bagaikan kemeriahan yang melompat masuk ke dalam rumah waktu

Macam-macam ada! Mungkin itulah ungkapan yang paling sesuai digunakan untuk merujuk kepada kepelbagaian juadah yang ada di Kelantan sempena kedatangan Ramadhan al-Mubarak saban tahun. Apa tidaknya! Lebih 300 aneka juadah yang memikat rasa ada di depan mata. Apatah lagi bagi yang sedang berpuasa.

Ramadhan di Kelantan terasa tidak lengkap tanpa merasai sendiri keunikan dan keenakan juadahnya. Antara nama-nama yang biasa dan mudah didapati dalam kategori kuih-muih adalah jala emas, buah tanjong, taik itik, akok, murtabak raja, onde-onde, puteri mandi, buah nangka, nekbat dan banyak lagi.



Jika kategori lauk-pauk pula, nama-nama seperti paceri nenas, gulai kawah, ayam percik, ikan percik, percik perut ayam, kerabu sarek dan solok lada adalah antara yang menjadi pilihan. Kalau mencari hidangan yang lebih berat, antara yang menjadi pilihan adalah nasi kerabu hitam, nasi kerabu kuning, nasi kukus dan sup kaki lembu. Ini tidak termasuk lagi juadah pelengkap setiap malam selepas terawih, seperti colek buah, colek kerang, ikan bakar, rojak buah dan sebagainya.

Wah, banyak betul tu! Itulah antara aneka juadah yang mudah didapati di seluruh bazar Ramadhan di Kelantan. Harganya pun amat berpatutan dan rasanya sedap sekali.



 **Onde-onde**



 **Murtabak**




 **Solok lada**



 **Colek buah**



 **Aneka jenis kuih**

Kemilau warna kuning emas terang menjadikan kuih jala emas memikat hati penggemarnya. Ia diperbuat daripada kuning telur. Adunan kuning telur ini akan dijurai dengan satu alat khas menjadi seumpama jala dalam air gula pekat yang mendidih. Dengan menggunakan buluh kecil, ia kemudiannya dilipat-lipat mengikut kreativiti. Sebab itulah rasa kuih tradisi ini agak manis.

Memandangkan bahan utamanya adalah kuning telur dan gula, maka tidak hairanlah kini harganya agak mahal berbanding masa dahulu. Tapi masih dikira berpatutan. Kuih ini agak unik kerana tidak ramai yang pandai membuatnya lantaran cara membuatnya yang agak susah. Lebih senang kalau anda membelinya saja di pasar.



 **Buah Tanjong**



 **Seri Itik**

Buah tanjong juga adalah kuih yang menggunakan kuning telur sebagai bahan utama. Adunannya lebih kurang sama dengan jala emas, tapi ia digentel dengan tangan. Bagi yang pakar membuatnya, saiz buah tanjong yang dihasilkan adalah *standard* dan *'cute'*.



 **Akok**

Kemudian gentelan kecil ini akan terus dimasukkan ke dalam pekatan air gula yang mendidih. Rasanya juga agak manis.

Tidak lengkap satu hidangan kuih jala emas dan buah tanjong kalau tanpa kuih taik itik, atau nama barunya 'seri itik'. Kuih trio ini biasanya digandingkan bersama dalam satu pinggan, bagi sesuatu hidangan.

Jika jala emas dan buah tanjong menggunakan telur kuning sebagai bahan utama, kuih seri itik menggunakan telur putih yang diasingkan, sebagai bahan utamanya. Itulah sebabnya jika seseorang membuat kuih jala emas dan buah tanjong, pasti akan dibuatnya juga kuih seri itik.

Adunan putih telur dan sedikit tepung gandum berserta garam dan gula, akan dikacau di atas dapur sehingga masak sebati. Aroma daun pandan yang dimasukkan sekali semasa mengacau adunan, akan membangkitkan rasa lemak dan manisnya.

Satu lagi kuih tradisi yang menjadi pilihan semasa bulan Ramadhan ialah akok. Bahan utama akok ialah telur.

Dengan adunan bersama tepung gandum, gula dan garam, ia biasanya ditambah pula dengan pelbagai perisa tambahan seperti jagung, pandan dan manisan (gula melaka). Lagi banyak telurnya maka akan lebih sedap akok itu.

Kalau anda mencari akok yang sedap, pastikan mencari akok yang rupanya berkedut-kedut. Itu tanda banyak telur dan lebih lemak. Kalau rupanya mendatar dan licin, itu tandanya banyak tepung.

Bagi orang bujang di Kelantan, juadah berbuka puasa bukanlah satu masalah besar. Nasi dimasak sendiri, lauknya boleh dipilih ikut selera hati. Antara lauk yang menjadi pilihan ialah gulai kawah.



Gulai kawah di sini merujuk kepada gulai kari daging lembu dicampur dengan umbut kelapa atau buah ara, mengikut resepi masing-masing. Ia dimasak dalam kawah (kuali besar). Walau zahirnya ia semacam kari daging biasa, namun rasanya berbeza dan memang sedap, kerana ia dicampur bersama kerisik (kelapa goreng yang ditumbuk sehingga mengeluarkan minyak), dan rempah karinya agak berbeza sedikit. Itulah istimewanya gulai kawah.



Ayam percik Kelantan pula telah lama menjadi identiti khas juadah di sini. Ia lain daripada resepi di negeri lain. Ayam percik yang sedap dihasilkan dengan penuh ketelitian. Ayam yang telah dibersihkan (biasanya ayam dipotong empat sahaja), akan dilumurkan dengan bawang merah dan bawang putih yang dikisar lumat. Kemudian ia dibakar di atas dapur arang sehingga masak.

Nasi kerabu hitam juga memang terkenal di negeri Cik Siti Wan Kembang ini. Beras yang dimasak akan dimasukkan dengan air rendaman bunga nasi kerabu. Bunga ini berwarna ungu dan akan mengeluarkan warna biru kehitaman apabila direndam.


Untuk kuahnya pula, santan pekat dicampur dengan halia merah, bawang merah, bawang besar, halia, lada kering, garam dan gula. Tumis sehingga masak, dan seterusnya dilumurkan pada ayam yang telah sedia dipanggang tadi. Rasanya sungguh lazat!

Pelengkap nasi ini memang pelbagai. Mesti ada sambal kelapa tumis, (digaul bersama kisaran bawang merah, serai dan gula), dan semestinya budu. Lauknya atas pilihan hati. Ada ikan goreng celup tepung, telur asin, bawang putih jeruk, keropok, ayam goreng, ayam panggang ataupun daging panggang. Pasti anda akan puas hati kekenyangan.

Banyak lagi juadah yang boleh dinikmati di Kelantan sempena bulan Ramadhan. Ia bagaikan syurga dunia. Macam-macam ada. Kalau nak digilirkan sepuluh menu satu hari pun, untuk sebulan Ramadhan pasti tidak keseluruhannya dapat dijamah.

Namun, menu seharian kita mestilah seimbang. Jangan kerana nafsu makan dirai, tubuh badan kita akan menderita kemudian hari. Hakikatnya, kebanyakan punca penyakit datangnya dari perut, yakni tabiat pemakanan kita seharian. Maka dalam kita merasai juadah yang pelbagai, berpada-pada dengan kuantitinya. Pasti nikmat makanan akan lebih dirasai.

Selamat menjamu selera!



# KEKAL SIKAP MESRA PELANGGAN WARISAN AYAH

Oleh: Salma Husain Foto: Ahmad Na'ime





**“Nak makan apa?” Tanya pelayan kedai Mee Kampung Pek.**

**“Nak makan mi Kampung Pek lah,” jawab pelanggan. Pelayan atau pemilik kedai hanya terse-nyum mendengarnya.**

Fenomena ini sering berlaku di antara pihak restoran Mee Kampung Pek dengan pelanggan. Bagi pelanggan, mi Kampung Pek hanyalah mi rebus atau mi berkuah. Sedangkan **Restoran Mee Kampung Pek** turut menyediakan masakan panas lain seperti mi goreng dan nasi goreng.

Mee Kampung Pek hanyalah *trademark* restoran tersebut bagi memudahkan pelanggan mengenalnya; sempena pemilik asal restoran berkenaan yang berasal dari Kampung Pek, dalam daerah Machang. Sesiapa yang melalui jalan besar dari Kuala Krai ke Kota Bharu atau dari Machang ke Kuala Krai, pasti akan dapat melihat papan tanda “Kampung Pek” di pinggir jalan itu.

QIADAH sempat menyelongkar sejarah awal restoran terbabit yang hingga kini sudah mempunyai sembilan cawangan, melibatkan beberapa jajahan di Kelantan. Anak bongsu pemilik asal restoran berkenaan, Junaidah Ramli, 34, memberitahu asalnya nama restoran Mee Kampung.Pek diberi sendiri oleh ayahnya iaitu Allahyarham Ramli Abdullah. Ia diambil sempena nama kampung tempat bermulanya restoran itu dan tempat asal keluarga mereka.

Menurut Junaidah, ayahnya membuka restoran berkenaan sekitar awal tahun 60-an. Waktu itu harga sepinggan mi hanya RM 0.50 sen. Namun kini harganya telah meningkat kepada RM 4 atau yang istimewa berharga RM 5.

Junaidah memberitahu, tiada sebarang keistimewaan yang menjadi bahan utama dalam resipi masakan di restoran mereka, selain resipi biasa yang diajar oleh Allahyarham ayahnya.

“Lauk yang kita gunakan biasa juga, ayam, udang, sotong, manakala sayurnya lobak dan kubis, kalau dulu ayah guna kangkong,” ujarnya.

Sewaktu Allahyarham ayahnya mengurus sendiri restoran tersebut, ayahnya sendiri yang memasak untuk pelanggan. Begitu juga kini setelah ia diambil alih oleh Junaidah, beliau sendiri yang memasaknya.

Menurut Junaidah lagi, sebelum ini restoran itu diurus oleh abangnya, Rosdi Ramli. Namun pada 23 September 2009 abangnya menyerahkan restoran itu kepadanya. Abangnya memberi tumpuan kepada cawangan di Tanah Merah. Sebagai adik bongsu yang menghidupkan restoran yang penuh legenda itu, abang-abangnya termasuk Rosman Jailani yang juga membuka cawangan restoran yang sama, turut membantunya.

“Walaupun mereka mempunyai restoran sendiri, mereka sentiasa memberi dorongan dan meminta saya membuat pembaharuan sekiranya perlu,” ujarnya.

Junaidah tidak berhasrat untuk menambah cawangan, kerana dia bimbang nanti masakannya tidak sama dengan apa yang ada di kedainya sekarang. Sehingga kini, **Restoran Mee Kampung Pek** mempunyai sembilan cawangan, iaitu di beberapa buah tempat di Kota Bharu, Pengkalan Chepa, Pasir Mas, dan Tanah Merah.

Bagi Junaidah, bukan hanya resipi yang perlu dikekalkan tetapi sifat mesra pelanggan seperti ayahnya juga perlu dikekalkan kerana ia dapat menarik lebih ramai tetamu.

Dan tetamu atau pelanggan tidak akan mengalami kesukaran untuk menikmati mi di kedainya, walaupun pada waktu yang pelanggan begitu ramai kerana Junaidah sentiasa menyediakan bahan yang banyak untuk digunakan dalam tempoh lima hari.

Dianggarkan sebanyak RM1,000 dibelanjakan untuk sekali pembelian peralatan memasak seperti sayur, sotong, udang, ayam dan mi. Junaidah tidak menghadapi masalah untuk mendapatkan barang keperluan tersebut memandangkan semua bahan itu dihantar oleh pembekal, dan dia tidak perlu mencarinya.

Lebih menakjubkan, mi yang digunakannya sekarang adalah mi yang sama seperti yang digunakan oleh Allahyarham ayahnya sejak awal tahun 60-an lagi. Bagi memberi kesesuaian kepada pelanggan, khususnya untuk segera mendapatkan makanan yang ditempah, Junaidah mempunyai empat pembantu termasuk adik beradiknya bersama isteri.



68 Puan Junaidah - Pemilik Restoran Cawangan Machang



9 lokasi Mee Kampung Pek di seluruh Negeri Kelantan



Dan bagi meneruskan kesinambungan perniagaannya, beliau melatih anaknya yang memang berminat untuk mengurus restoran itu pada masa hadapan. "Saya perlu melatih mereka, jika tidak, restoran peninggalan ayah akan hilang begitu saja", ujarnya

Biarpun ayahnya telah lama meninggal, namun ibunya Khadijah Mat Deris, 63, masih ada dan selalu memberi semangat dan dorongan kepadanya.

Restoran Mee Kampung Pek dibuka mulai 12.30 tengahari hingga 12.30 malam. Tetapi sempena bulan Ramadhan, restoran ini tidak beroperasi sebagai menghormati bulan yang mulia. Tumpuan diberikan lebih kepada ibadat.

Mengakhiri perbualan, Junaidah berharap beliau dapat meneruskan perniagaan yang dimulakan oleh arwah ayahnya dengan baik. "Insya-Allah, semoga nama Mee Kampung Pek akan terus memberikan khidmat kami kepada masyarakat."



## PROFESOR EMERITUS DATUK DR. NIK SAFIAH KARIM Pejuang Bahasa Melayu & Aktivis Wanita



Selasa 24 Ogos 2010, krew QIADAH bertemu dengan Profesor Emeritus Datuk Dr Nik Safiah Karim di rumahnya, di Pinggiran Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur. Qiadah diwakili oleh Dinsman dan Kassim Muhamad, serta jurugambar Ahmad Naime.

**Qiadah: Minta Prof terangkan secara ringkas latar belakang keluarga?**

**Profesor Datuk Dr Nik Safiah Karim:** Keluarga saya dari latarbelakang ulama. Datuk saya di sebelah bapa, Tok Guru Hj Abdul Malik, Sungai Pinang, Tumpat. Dia antara orang yang berpengaruh pada waktu itu. Masyhur jugalah. Di sebelah ibu pula, Hj Ismail, orang panggil Hj Cek Wei. Kedua-dua Datuk saya itu ulama. Saya ini sepatutnya jadi ustazah. Ayah saya dihantar belajar di Mekah, tetapi tak sempat selesai, kerana Perang Dunia Pertama, dia kena balik, dan dia balik ikut jalan darat. Pengalaman merantau ke luar negeri itu memberi kesan pada pemikirannya. Dia berpendapat bahawa pendidikan agama patut disertai dengan pendidikan sekular. Kerana itu dia menghantar semua anak-anak dia ke sekolah sekular, sekolah kerajaan pada waktu itu. Anak yang pertama ke sekolah Melayu, yang lain-lain ke sekolah Inggeris. Saya anak bongsu.



#### Tarikh dan tempat lahir?

17 Disember 1939, di Kampung Banggol, Kota Bharu.

#### Latar belakang pendidikan?

Saya belajar di sekolah Inggeris, Government Girls English School, GGES, (sekarang Sekolah Rendah Zainab), di Kota Bharu. Lepas itu saya dipilih pergi ke Malay Girls College (Maktab Perempuan Melayu) di Kuala Lumpur. (Sekarang jadi Kolej Tunku Khursiah, setelah dipindah ke Seremban). Lepas Tingkatan 5 (lulus Cambridge School Certificate) saya pergi ke Melaka, di St Francis Institution, Tingkatan 6 (1958). Masa itu tak ramai wanita Kelantan masuk Tingkatan 6, kerana di Kelantan, Terengganu dan Pahang waktu itu belum ada Tingkatan 6. Jadi saya kena keluar dari Kelantan, untuk belajar Tingkatan 6, dan kemudian masuk universiti.

Masa itu hanya ada Universiti Malaya. Selepas tiga tahun, dapat ijazah pertama (1963), saya terus diambil jadi tutor, sambil buat Masters. Dan sewaktu membuat Masters, tempat untuk jadi pensyarah sudah disediakan. Dapat Masters, terus jadi pensyarah di Jabatan Pengajian Melayu (1965). Waktu itu mereka kekurangan pensyarah. Yang ada masa itu Ismail Hussein, Syed Husin Ali dan Taib Osman – pensyarah tempatan.

Yang lainnya dari luar negeri, seperti Roolvink dan sebagainya.

#### Di universiti, ambil Pengajian Melayu?

Ha, ini yang peliknya. Saya berjuang untuk bahasa Melayu, tetapi seluruh pendidikan saya, daripada darjah satu, semuanya dalam bahasa Inggeris. Di Tingkatan 6 saya ambil Geografi, Ekonomi, Sejarah dan Bahasa Inggeris. Tak ambil Bahasa Melayu pun. Bila tiba di universiti entah bagaimana kuasa Tuhan, saya masuk Pengajian Melayu. Tahun satu saya ambil Ekonomi, Pengajian Melayu dan Geografi. Semua lulus dapat A, saya boleh masuk mana-mana jabatan, tapi saya tertarik dengan Linguistik.

#### Macamana boleh tertarik dengan bahasa?

Saya ni anak bongsu. Kakak semua sudah bekerja dan berkahwin, jadi saya duduk di rumah dengan dua orang abang. Abang mana nak bermain dengan adik! Saya ditinggalkan seorang diri. Jadi saya duduk baca buku dalam almari buruk bapa saya. Pendedahan kepada buku dan bahan-bahan tulisan. Jadi sebelum masuk sekolah pun saya sudah pandai Jawi. Waktu di sekolah menengah pula saya bernasib baik dapat seorang guru sastera yang amat pandai mengajar. Walaupun sastera Inggeris, tetapi sastera itu adalah bahasa. Jadi itulah maka saya tertarik dengan soal bahasa.

#### Cerita bagaimana Prof membina kerjaya di universiti?

Itu barangkali secara kebetulan saja. Apabila saya lulus B.A, saya *best student*, lalu ditawarkan jadi tutor dan diberitahu dari awal lagi supaya selesaikan Masters dalam dua tahun sebab jawatan kosong untuk jadi pensyarah sudah ada. Jadi itu sebagai pendorong. Selepas dua tahun, dapat Masters, terus jadi pensyarah di universiti, dan duduk di situ selama-lamanya sehingga bersara, kecuali setahun lebih saya dipinjamkan ke Dewan Bahasa dan Pustaka, sebagai Timbalan Ketua Pengarah. Saya tak suka jadi pentadbir. Saya dapati... tak mengajar, tak buat penyelidikan, dan mentadbir manusia di Dewan Bahasa dan Pustaka itu... paling susah.

#### Pengalaman paling menarik sebagai pensyarah universiti?


Oh banyak! Tapi saya dapati nikmat menjadi guru itu... sampai sekarang sudah bersara pun, apabila kita bertemu dengan bekas pelajar-pelajar yang berjaya, bukan jadi orang besar tapi berjaya jadi guru yang berkesan misalnya... Atau, saya tengok dulu masa jadi *student* dia gadis genit, sekarang dah tujuh orang anak, dan dia menunjukkan terima kasih. Saya banyak sekali mendapat penghargaan daripada bekas anak murid. Beberapa kali saya makan di restoran, bila tiba waktu nak bayar saya diberitahu sudah ada orang bayarkan.

Dan seronoknya menjadi guru... waktu menyampaikan kuliah itu kita kena *enjoy* mengajar, barulah kita boleh menjadi guru selama-lamanya. Saya hingga sekarang pun tak berhenti, kalau orang jemput untuk beri kursus dan sebagainya, saya pergi. Saya dapati ilmu bahasa ini menarik, dan waktu kita mengajar itu kita sedar rupa-rupanya menarik juga bahasa ini.

#### Sekarang berapa kerap balik ke Kelantan?

Waktu ibubapa saya ada dan emak suami saya ada, kami bawa cucu-cucu pulang setiap tahun apabila cuti panjang sekolah, supaya cucu-cucu dapat berkenalan dengan sepupu-sepupu dan saudara-mara mereka. Tapi apabila datuk-nenek mereka meninggal, kuranglah balik. Waktu mereka mendirikan

rumah tangga bawa balik sekali untuk perkenalkan dengan saudara-mara. Sekarang tinggal abang seorang saja di Kelantan, dan abang itu ada dua orang anak di KL, jadi dialah yang datang ke sini. Saya pun sudah bertahun tidak balik beraya di kampung. Bahkan rumah saya inilah jadi tumpuan anak-anak pula. Bila orang tanya: tak balik kampung? Saya kata rumah sayalah kampung.



Nik Safiah telah menghasilkan lebih daripada 30 buah buku karya asli dalam bidang bahasa dan budaya, dan 11 buah mengenai wanita. Beliau juga menjadi editor 14 buah buku.

### Kalau bercerita tentang Kelantan kepada kawan-kawan di KL, apa yang Prof suka ceritakan?

Pertama saya tekankan unsur wanita – wanita yang gigih berniaga, wanita yang lebih cekap daripada wanita di Pantai Barat, wanita yang membuat keputusan. Kemudian, aspek budaya, termasuk makanannya. Saya selalu bercerita dengan bangganya. Dan makanan Kelantan itu memang laku di sini, seperti martabak, akok, serunding daging dan sebagainya.

### Bila balik Kelantan, suka ke mana?

Kalau balik sehari dua, saya suka membeli-belah makanan Kelantan di Pasar Siti Khadijah. Saya suka antaranya lada hijau yang besar tu, beras lembut, tapai. Beli banyak. Lada hijau beli dua kilo. Kalau beli sambal daging saya ada tempat favorite, di Langgar, rumah Mak Nah, tak jauh dari Hotel Renaissance.

### Hobi/kegemaran?

Paling utama saya suka membaca dan menulis – kertas kerja, hasil penyelidikan dan sebagainya. Untuk relaks, saya mendengar muzik (kegemaran saya keroncong dan Melayu asli) dan menonton TV (program keagamaan dan siri-siri yang menarik). Saya juga suka mengumpul barang tembaga, kotak mancis dan pen/pensil yang ada nama institusi atau organisasi.

### Apa yang telah atau akan Prof sumbangkan untuk Kelantan?

Dengan beberapa orang wanita Kelantan di Kuala Lumpur dan Selangor, saya telah menubuhkan sebuah persatuan kecil bernama PUSPA (Persatuan Kemajuan Wanita Kelantan di Kuala Lumpur dan Selangor). Tujuan kami adalah untuk menyusun program kebajikan bagi warga Kelantan, khususnya kanak-kanak, para remaja di sekolah menengah dan IPT, dan wanita. Setakat ini, projek kami berbentuk mengambil anak angkat dan sekolah angkat, mengadakan majlis-majlis ilmu dengan pelajar sekolah dan IPT, dan mengeratkan hubungan silaturahim dengan ahli-ahli Puspanita.

### Karya-karya Penting

Nik Safiah telah menghasilkan lebih daripada 30 buah buku karya asli dalam bidang bahasa dan budaya, dan 11 buah mengenai wanita. Beliau juga menjadi editor 14 buah buku. Buku pertamanya dihasilkan tahun 1964 (bersama dua penulis lain), berjudul *Kajian Kebudayaan Melayu*, (Pustaka Aman Press).

Antara bukunya yang penting ialah *Bahasa Melayu Syntax* (1978); *Beberapa Persoalan Sosiolinguistik Bahasa Melayu* (1981); *Tatabahasa Dewan Jilid I* (bersama tiga penulis lain), (1986) dan *Tatabahasa Dewan Jilid II* (1989); *Wanita Malaysia* (1982); *Malay Grammer for Academics and Professionals* (1995); *Yang Indah Itu Bahasa* (1999); dan *Liku-liku Bahasa* (2007).

### Beberapa Fakta Penting

- 1972 - Mengikuti pengajian Ph.D di Universiti Ohio, Amerika Syarikat.
- 1976 - Timbalan Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- 1977 - Terlibat dengan penubuhan Persatuan Linguistik Malaysia.
- 1982 - Presiden Persatuan Linguistik Malaysia, dan bertugas selama 18 tahun.
  - Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- 1984 - Ketua Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- 1990 - Dilantik Profesor Kerusi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
  - Pengarah pertama Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- 1994 - Bersara wajib. Dilantik Profesor secara kontrak.
  - Memulakan Rancangan Pengajian Gender, Universiti Malaya.
- 1997 - Pengerusi NACIWID (Majlis Penasihat Wanita Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita dalam Pembangunan), penggal VII.
  - Dianugerah bintang Panglima Jasa Negara (PJN) bergelar 'Datuk'.
- 2001 - Anugerah Tokoh Ilmuan Bahasa, oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.
  - Anugerah Tokoh Wanita Kelantan, oleh Yayasan Murni.
- 2002 - Anugerah Profesor Emeritus, Universiti Malaya.
- 2006 - Naib Presiden NCWO (National Council of Women's Organization – Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita), (Zon Tengah).
  - Karyawan Tamu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- 2007 - Pengerusi Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia YADIM.

Rujukan: Nik Safiah Karim, *Meniti Dua Zaman*, oleh Nurhafilah Musa, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, 2007.



## TARBIAH MENCETUS MUAFAKAT Program Tarbiah & Amal PMBK (TAMRIN 2010)

DI KAMPUNG DAKOH, POS BALAR, GUA MUSANG  
27 SEHINGGA 29 MEI 2010

Oleh: Wan Anis Husna Faharal Azmi  
Foto: Ahmad Na'ime Hj Muhammad

**Tanggungjawab** berdakwah bukanlah menjadi tanggungjawab para da'i semata-mata. Sebagai Muslim kita sentiasa diseru untuk berdakwah dan menyampaikan risalah Allah kepada seluruh umat manusia. Sepertimana yang kita fahami dengan usaha-usaha dakwah sebeginilah maka nur Islam itu tersebar luas dan dirasai nikmatnya oleh manusia sejagat. Dalam konteks ini, di negeri Serambi Mekah ini nikmat kesempurnaan Islam itu belum dapat dirasai sepenuhnya oleh seluruh penduduk Kelantan — sana dan sini masih terdapat mereka yang tercicir.

Di Kelantan terdapat 17 (tujuh belas) buah Pos, kebanyakannya dalam Jajahan Gua Musang iaitu tempat bermastautinnya Orang-Orang Asli atau Orang-Orang Asal negeri ini. Kita ketahui

bahawa dalam kalangan mereka sudah ada yang menerima Islam sebagai pegangan hidup, namun begitu masih banyak yang perlu dan dapat dilaksanakan agar kefahaman dan amalan hidup mereka sebagai Muslim dapat ditingkatkan lagi.

Maka selari dengan semangat inilah peranan dakwah, tarbiah dan TAMRIN yang berterusan amat diperlukan. PMBK sebagai badan korporat di bawah Tuan Guru telah tampil untuk melaksanakan program TAMRIN ini sebagai salah satu daripada program CSR-nya, (Corporate Social Responsibility).

Program yang dikenali sebagai Program Tarbiah & Amal PMBK bersama masyarakat orang Asli di

Kampung Dakoh, Pos Balar, Gua Musang (TAMRIN 2010) telah dilaksanakan pada 13 sehingga 15 Jamadil Akhir 1431 bersamaan dengan 27 sehingga 29 Mei 2010. Program ini telah dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK), dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA).

### Di antara objektif utama program ialah:

Memberikan pendedahan kepada peserta selok-belok kerja-kerja amal dan kebajikan di samping menyuburkan semangat ukhwah Islamiah dalam kalangan peserta dan masyarakat Orang Asli.

Memberikan pengalaman penglibatan langsung kepada para peserta kerja-kerja dakwah dan tarbiah dengan mengalami dan merasai sendiri realiti kehidupan masyarakat Orang Asli khususnya dalam ilmu-ilmu agama.

Menjadikan program sebagai proses pemantapan kesedaran dan rasa tanggungjawab para peserta terhadap saudara seagama lebih-lebih lagi dalam kalangan masyarakat Orang Asli.

Ikuti rentetan perjalanan kami di sepanjang program tersebut yang telah memberikan kami banyak pengajaran tentang hidup...

### Hari Pertama: 27 Mei 2010

Butiran lengkap perjalanan program ialah seperti berikut:

#### 5.00 pagi

Berkumpul di perkarangan masjid Kota Darulnaim.

#### 6.00 pagi

Bersolat subuh berjemaah di masjid Kota Darulnaim.

Taklimat ringkas oleh pihak urusetia mengenai program (tentatif) dan perinciannya sebelum berangkat ke Kampung Dakoh, Pos Balar, Gua Musang.

#### 6.15 pagi

Para peserta bertolak ke Gua Musang dengan kenderaan pacuan 4 roda.



Terpaksa melalui 3 batang anak sungai dan jalan tanah merah sebelum sampai ke destinasi.

#### 8.00 pagi

Para peserta tiba di Gua Musang dan membeli-belah barang-barang keperluan.

#### 8.30 pagi

Berkumpul di masjid Gua Musang dan bersarapan pagi sebelum bertolak ke Kampung Dakoh, Pos Balar, Gua Musang.

Pihak urusetia memastikan kesemua 20 buah kenderaan pacuan 4 roda yang akan digunakan untuk ke Kampung Dakoh berada dalam keadaan selamat dan diisi minyak dengan penuh. Perjalanan kami pun bermula...

#### 10.30 pagi

Tiba di Kuala Betis, tempat berkumpul terakhir sebelum bertolak ke Pos Balar. Perjalanan sejauh 65 km (jalan tanah merah dan menyeberangi 3 batang anak sungai), dari Kuala Betis ke Pos Balar mengambil masa 4 jam.



Akhirnya kami sampai ke destinasi...

Antara doktor yang menyertai program ziarah sedang membuat pemeriksaan kesihatan terhadap Orang-Orang Asli.



kanak-kanak, wanita dan sebilangan masyarakat orang Asli Kampung Dakoh diadakan. Lebih kurang 10 orang peserta dan pihak urusetia diminta menjadi tenaga pengajar.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK dan peserta lain melakukan ziarah *mahabbah* bagi melawat masyarakat Orang Asli yang tidak keluar untuk menyertai program. Makanan dan keperluan turut diagihkan di setiap rumah yang dilawati.

Beberapa orang doktor yang menyertai program merawat dan membuat pemeriksaan kesihatan Orang-Orang Asli.

**10.00 pagi**  
Kanak-kanak dan juga orang dewasa masyarakat orang asli dibahagikan ke dalam beberapa kumpulan bagi menyertai kelas Fardhu Ain. Kelas Kursus solat dan juga motivasi keibubapaan dan pelajar juga diadakan dan diikuti dengan tayangan video.

**11.00 pagi**  
Acara sukan rakyat untuk kanak-kanak diadakan. Di antara acaranya ialah bola beracun, mencari gula-gula dalam tepung, dan tali *skipping*. Bagi acara sukan rakyat, kami mengasingkan kanak-kanak perempuan dan lelaki. Acara ini dikendalikan oleh peserta muslimat. Acara sukan rakyat berlangsung selama satu jam.

**12.00 tengahari**  
Menikmati makan tengahari bersama semua masyarakat Orang Asli Kampung Dakoh dan penduduk Kampung Pen dan Kampung Balar.



Ceramah yang disampaikan oleh Ust. Hj Saibon Ismail

**1.00 petang**  
Mengerjakan solat Jumaat bersama masyarakat Orang Asli yang beragama Islam. (Nota: Peserta tidak solat secara Jamak dan Qasar untuk mengelakkan salah faham dalam solat lima waktu).

Sementara itu peserta muslimat menyediakan hadiah-hadiah kepada pemenang sukan rakyat dan juga semua kanak-kanak akan menerima hadiah saguhati.

**4.00 petang**  
Pertandingan mewarna, merekabentuk kraftangan, menganyam daun (kraftangan) dan memarut ubi kayu diadakan. Program ialah untuk semua kanak-kanak dan juga remaja.

**6.00 petang**  
Acara penyampaian hadiah bagi program sukan rakyat, menganyam, pertandingan mewarna, dan memarut ubi kayu diadakan. Majlis penyampaian hadiah telah diwakili oleh setiap wakil dari setiap jabatan yang terlibat dalam program TAMRIN 2010. Majlis bersurai untuk solat Maghrib berjemaah.

**7.30 malam**  
Menunaikan solat Maghrib berjemaah bersama masyarakat Orang Asli disusuli dengan kuliah Maghrib yang di sampaikan oleh Ust. Ahmad Nordin dari MAIK. Setelah selesai kuliah Maghrib, kami semua menikmati makan malam. (Menu: nasi putih dan sup *gearbox*).

**8.30 malam**  
Mengerjakan solat Isyak berjemaah.

**8.40 malam**  
Ceramah bertajuk 'Membentuk Keluarga Bahagia' disampaikan oleh Ust Mahzami Mohammad dari JAHEAIK diadakan.

**9.40 malam**  
Mengadakan acara cabutan bertuah untuk penduduk Kampung Dakoh, agihan pakaian terpakai yang telah disediakan oleh PMBK Sawit diikuti dengan majlis penyampaian *hamper*. Tok Batin Kampung Dakoh turut berucap. Di samping itu, diadakan majlis penyampaian Quran Muqaddam, tikar dan *generator* untuk surau Kg Dakoh oleh Ir Hj Mustafa Salleh selaku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK.

**10.00 malam**  
Penduduk Kampung Dakoh mengadakan tarian dan nyanyian perpisahan. Sebagai tanda silaturrahim, mereka telah menghendahkan hasil kraftangan mereka.

**10.30 malam**  
Jamuan ringan sebelum bersurai untuk beristirahat.

## HARI KETIGA: 29 Mei 2010

**5.30 pagi**  
Pihak urusetia dan peserta lelaki mengadakan Qiamullail dan munajat.

**6.00 pagi**  
Menunaikan solat Subuh berjemaah dengan masyarakat Orang Asli yang diimamkan oleh Ust Hj Saibon Ismail. Ini disusuli dengan kuliah Subuh bertajuk 'Tarbiah Mencetus Muafakat'.

**7.00 pagi**  
Para peserta dan urusetia mengemas barang-barang dan bersarapan pagi.

**8.00 pagi**  
Majlis perpisahan dengan masyarakat Orang Asli diadakan. Disusuli dengan ucapan perpisahan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK. Sebelum berangkat pulang, kami semua bergambar kenangan dengan masyarakat Orang Asli.

**8.30 pagi**  
Berangkat pulang ke Kota Bharu membawa kenangan...



## Kelantan Kian Pesat Membangun

Oleh Shariah Foto Ahmad Na'ime

# MAJLIS MENANDATANGANI Perjanjian Projek BANDAR BARU TUNJONG (BBT)



Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz, Menteri Besar Kelantan yang menggalas tanggungjawab sebagai penyempurna majlis ini, menyampaikan sedikit ucapan

Satu majlis menandatangani perjanjian di antara Kerajaan Negeri Kelantan, PMBK, Tunjong Development Corporation Sdn Bhd (TDCSB) dan pelabur-pelabur telah diadakan di Dewan Konvensyen, Kelantan Trade Centre (KTC) pada 25 Jamadil Akhir 1431 bersamaan 8 Jun 2010 bagi memeterai perjanjian membangun beberapa komponen BBT.

Pelabur-pelabur yang berwibawa dari segi kewangan dan pengalaman telah dipilih untuk memajukan BBT. Sebanyak 11 buah syarikat/pelabur telah menandatangani perjanjian. Pihak TDCSB masih di dalam proses untuk mengemaskini perjanjian dengan beberapa pelabur baru lagi yang dijangka akan menyertai dalam masa terdekat.

YAB Tuan Guru Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz menerusi ucapannya berkata, "Apa yang kita akan saksikan pada hari ini ialah perjanjian di antara Kerajaan Negeri, PMBK dan TDCSB dengan para pelabur yang merupakan salah satu lagi bukti kesungguhan kerajaan di dalam menarik pelaburan seterusnya menjamin keseimbangan kemakmuran dan kemajuan Negeri Kelantan."

"Menerusi Bandar Baru Tunjong yang dirangka oleh Kerajaan Negeri untuk menampung keperluan masa hadapan Bandar Kota Bharu, ia diharapkan dapat menjadi sebuah pusat pembangunan baru di Negeri Kelantan yang merangkumi pusat pentadbiran Kerajaan Negeri dan Persekutuan, pusat pengangkutan dan perkhidmatan, pusat komersil dan urusanniaga serta kawasan kediaman yang moden".



Bertukar-ganti dokumen perjanjian. Majlis Menandatangani Perjanjian Projek Bandar Baru Tunjong yang disaksikan oleh YAB Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz

Bukti kenangan, sedikit upacara bergambar bersama-sama di antara Kerajaan Negeri Kelantan, PMBK, TDCSB dan para pelabur.

Tambah beliau lagi "Bandar Baru Tunjong adalah merupakan salah satu lambang kepada cita-cita Kerajaan Negeri Kelantan untuk mewujudkan Bandar Islam Pintar yang terancang rapi dan dilengkapi dengan infrastruktur terkini. Dengan slogan 'Membangun Bersama Islam' menjadi dasar kerajaan di dalam mentadbir Negeri Kelantan semenjak dua dekad yang lalu, tidak pernah kita meletakkan ke tepi agenda pembangunan fizikal. Bahkan dengan berteraskan tunggak inilah, Kelantan terus pesat membangun bersama-sama pembangunan rohani yang turut menjadi agenda utama Kerajaan Negeri".

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Ekonomi, Kewangan dan Kebajikan Negeri, Dato' Husam Musa berkata, "satu pusat perkhidmatan automobil yang dikenali sebagai *Auto City* akan dibuka di kawasan itu. *Auto City* akan menempatkan pusat pameran, pusat servis dan pusat jualan kenderaan. Usaha ini bagi mengurangkan kesesakan di Bandar Kota Bharu. Selain itu, Kerajaan Negeri juga bercadang untuk mewujudkan *food court* khas yang tersusun di kawasan itu dan juga membina kawasan kediaman yang moden bagi mengelakkan kawasan itu menjadi sunyi atau 'mati' pada waktu malam".



Kerajaan Negeri masih mengalu-alukan penyertaan dari mana-mana syarikat swasta untuk turut sama membangunkan BBT agar menjadi satu pusat lonjakan ekonomi seterusnya membuka peluang pekerjaan kepada rakyat di negeri ini.



# PENYERTAAN PAMERAN PMBK & ANAK-ANAK SYARIKAT DI MUKTAMAR TAHUNAN PAS KALI KE 56

Oleh Shariah Derahman Foto Ahmad Na'ime

Masyarakat dari pelbagai bangsa dan kaum dapat dilihat berhimpun di Pusat Tarbiyah Islamiyah Kelantan (PUTIK) pada 28 hingga 30 Jamadil Akhir 1431H bersamaan 11 hingga 13 Jun 2010 bersempena dengan Muktamar Tahunan PAS Kali ke 56. Muktamar pada kali ini menyaksikan sejumlah 1,500 perwakilan dengan pelbagai usul ditimbulkan untuk dibincangkan bagi kebaikan semua.

Sebenarnya, orang ramai terlebih awal membanjiri PUTIK iaitu 2 hari sebelum Majlis Persamian dilancarkan. Ini kerana Majlis Perasmian Muktamar Tahunan Dewan Ulama, Pemuda dan Muslimat telah berlangsung pada 9hb Jun 2010. Kemudian disusuli pula

oleh Muktamar Tahunan Dewan Ulamak PAS, Muktamar Tahunan Dewan Pemuda PAS dan Muktamar Tahunan Dewan Muslimat PAS pada hari berikutnya iaitu pada 10 Jun 2010.

Pada hari Jumaat, 29 Jamadil Akhir bersamaan 12 Jun 2010 yang penuh berkat barulah berlangsungnya Majlis Perasmian Muktamar Tahunan PAS Kali ke-56. **Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK)** dan anak-anak syarikat telah turut serta dalam menjayakan Muktamar pada kali ini dengan menyertai pameran yang berlangsung selama 3 hari iaitu bermula dari 11 Jun hingga 13 Jun 2010.



PMBK yang diwakili oleh Jabatan Hartanah telah membuat pameran dan jualan mengenai Bazar Tok Guru dan perumahan Wadi Iman, manakala **Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd** pula mengadakan pameran mengenai bioteknologi seperti kultur tisu. Lain-lain penyertaan ialah daripada **PMBK Sawit** yang memperkenalkan Teh Gaharu Emas Hijau, **DD Multimedia Solution** mempamerkan animasi yang terdapat di pusat mereka, **Kifaalah Sdn Bhd** pula mempamerkan skim insurans dan Takaful Kifaalah dan **Air Kelantan Sdn Bhd** pula mempamerkan proses pembersihan dan penyaluran air.

Tirai muktamar PAS ke 56 telah dilabuhkan dengan diiringi bacaan doa oleh Timbalan Mursyidul Am PAS Datuk Haron Din, setelah berlangsung selama tiga hari. Pengakhiran muktamar itu ditutup dengan ucapan penggulungan dan ucapan penangguhan oleh Presiden, Dato' Seri Abdul Hadi Awang.

Abdul Hadi Awang mengucapkan kesyukuran apabila muktamar tahunan PAS ke-56 berakhir dengan aman dan lancar. Beliau menyampaikan penghargaan kepada semua warga kerja PAS yang bertungkus-lumus menjayakan persidangan pada kali ini.



# TEKNOLOGI KULTUR TISU BAKAL DIPERLUASKAN

Oleh Shariah Derahman Foto Anas Karimi Ahmad Thani

Kesungguhan Kerajaan Kelantan untuk merealisasikan Negeri Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara 2015 dipergiatkan dengan menjalinkan hubungan dengan pelbagai syarikat yang berkaitan dengan pertanian.

Pada 16 hingga 23 Rejab 1431H bersamaan 29 Jun hingga 6 Julai 2010, satu siri lawatan ke negara China yang diketuai oleh Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Bioteknologi dan Industri Desa, Che Abdullah Mat Nawi bersama Ahli Lembaga Pengarah Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd (KBCSB) telah berjaya menandatangani satu perjanjian persefahaman dengan syarikat Europtornic Green Energy Pte Lte (EGE) di Shanghai, China disamping meninjau dan mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang Dinghan Biotechnology Co. Ltd. iaitu anak syarikat kepada EGE.

Turut hadir ialah Ahli Lembaga Pengarah Kelantan Biotech, Zulkifli Mamat, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) Ir Hj Mustafa Salleh dan Pengurus KBCSB Zamakhshari Muhamad. Rombongan lawatan kerja ini telah diatur ke tiga tempat iaitu lawatan ke Dinghan Biotechnology Co. Ltd., Shanghai, Al-Amin Biotech, Xining, dan Nanjing Agro Park, Nanjing.

Dalam siri lawatan tersebut, rombongan dibawa melawat Dinghan Biotechnology Co. Ltd. yang merupakan sebuah syarikat pengeluar kultur tisu yang terbesar di China dan juga makmal yang mempunyai keluasan melebihi 50 ekar yang merangkumi pembenihan bunga orkid. Syarikat tersebut menguasai 60 peratus pasaran di China. Ini merupakan satu peluang yang besar kepada KBCSB untuk bekerjasama dengan syarikat tersebut bagi mengembangkan lagi teknologi kultur tisu yang sedang dilaksanakan pada masa kini. Manakala Al-Amin Biotech pula merupakan syarikat Bioteknologi milik 100 peratus Muslim di China.



Wakil Kerajaan Kelantan bergambar bersama syarikat Europtornic Green Energy Pte Lte (EGE) dalam rumah hijau.



YB Hj Che Abdullah Mat Nawi mewakili Kelantan Biotech Corp. bertukar perjanjian dengan Europtornic Green Energy Pte Ltd yang mewakili Pengerusi Europtornic Group

Antara produk utama yang dikeluarkan oleh syarikat tersebut adalah kolagen yang halal, gelatin dan enzim. Lawatan seterusnya ialah di Nanjing Agro Park yang mempunyai keluasan 1,000 ekar merupakan pusat Agro Tourism. Beberapa idea baru telah dipelajari bagi menjayakan pelaksanaan Lembah Agro Biotek Kelantan.

Menurut Che Abdullah, lawatan tersebut juga adalah bagi mendapat maklumat berkaitan teknologi pembenihan tisu kultur dan menarik minat syarikat berkaitan untuk membuka makmal pembenihan tersebut di Negeri Kelantan. "Kita yakin dengan adanya jalinan antara kedua-dua syarikat ini, ia akan mempercepatkan lagi pembinaan makmal berskala komersil dan pada dasarnya mereka telah bersetuju untuk datang ke Kelantan dan bekerjasama dalam usaha tersebut", ujar beliau.



Ir Hj Mustafa menyampaikan sumbangan daripada PMBK kepada yayasan yang menguruskan pembelajaran anak-anak Islam China

Che Abdullah juga berkata, penggunaan teknologi pembenihan tisu kultur tersebut boleh dilakukan kepada pelbagai jenis tanaman dan ia boleh menyediakan anak benih secukupnya dalam sektor pertanian.

Sementara itu, menurut Timbalan Presiden Pembangunan Perniagaan Syarikat Europtornic Green Energy, Robert Liew, hubungan perdagangan di antara Kelantan dan China kini semakin kukuh dan pihaknya akan berusaha sebaik mungkin untuk melabur dalam industri tisu kultur di Negeri Kelantan.

Menurut beliau lagi kesanggupan wakil Kerajaan Kelantan yang hadir sama dalam usaha menandatangani perjanjian persefahaman tersebut menggambarkan kesungguhan dan komitmen Kerajaan Negeri Kelantan dalam usaha memajukan industri tersebut dan pihaknya akan menjadikan Kelantan sebagai tapak pengeluaran tisu kultur di Asia Tenggara.



# Rezeki dikongsi, Keredhaan dicari Majlis Berbuka Puasa **PMBK**

Oleh Shariah Derahman

Foto Ahmad Na'ime



Ramadhan ialah bulan yang penuh keberkatan. Di awalnya rahmah, di tengah-tengahnya *magfirah* dan dihujungnya kebebasan dari api neraka. Masjid dan surau akan dibanjiri oleh jemaah yang bersolat terawih. Untuk menambahkan manfaat dari perhimpunan jemaah setiap malam, ada masjid dan surau yang mengadakan majlis renungan atau ceramah pendek atau tafsir pendek. Ini merupakan satu amalan yang baik kerana ia akan menjadikan majlis solat terawih sebagai satu medan bukan sahaja untuk beribadat bahkan juga medan untuk berkongsi ilmu dan ingat memperingati.

Umat Islam juga berlumba-lumba untuk menambahkan kebaikan dan kebajikan dengan memberi makan atau berbuka puasa kepada mereka yang memerlukan seperti warga emas, anak-anak yatim, ibu tunggal dan fakir miskin. Diriwayatkan daripada Zaid bin Khalid al-Juhaniy r.a katanya: Rasulullah s.a.w bersabda:

*"Sesiapa yang menjemput orang yang berpuasa untuk berbuka, dia akan mendapat pahala sebagaimana pahala orang yang berpuasa itu tanpa mengurangkan sedikitpun pahala orang yang berpuasa tersebut."*



Oleh itu, Perbadanan Menteri Besar Kelantan mengambil peluang pada bulan mulia ini untuk beramal kebajikan dengan mengadakan majlis berbuka puasa dengan meraikan Ahli Jawatankuasa Penasihat, kakitangan PMBK dan keluarga, kakitangan Pejabat Menteri Besar Kelantan dan pengurus-pengurus anak syarikat.

Majlis ini telah diadakan pada 15 Ramadhan 1431 bersamaan 25 Ogos 2010, bertempat di Perdana Resort, Pantai Cahaya Bulan. Seramai 170 orang hadir bagi memeriahkan majlis ini disamping mengambil peluang mengeratkan lagi silaturrahim di antara kakitangan dan ahli keluarga.

Anak-anak yatim dan warga media juga tidak dilupakan. Pada 18 Ramadhan 1431 bersamaan 28 Ogos 2010 pula, satu lagi majlis berbuka puasa telah diadakan di Rumah Puteri Harapan, Taman Sabariah, Pengkalan Chepa bagi merai 172 anak-anak yatim dan warga media Negeri Kelantan.

Majlis ini telah disempurnakan oleh Tuan Guru Dato' Bentara Setia Menteri Besar Kelantan. Program ini dirangka untuk meraikan anak-anak yatim dengan pemberian sedikit sumbangan dan juga seluruh warga media yang telah sama-sama membantu menjayakan PMBK sehingga ke tahap ini.

Sedikit sumbangan daripada PMBK dihulurkan kepada anak-anak yatim bagi membuat mereka mengukir senyum tanda gembira menyambut hari lebaran yang bakal tiba.

Dengan adanya majlis seumpama ini, ia dapat mengeratkan lagi ukhwah yang sedia terjalin di antara warga PMBK dan para media serta mengalu-alukan jalinan silaturrahim bersama anak-anak yatim dengan sama-sama mengucapkan rasa syukur di atas limpah rezeki yang dikurniakan oleh Allah S.W.T.



# Time Tunnel **Terowong Masa** Pasar MPKB

Sumber dan foto ehsan PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN



## dulu...

Pasar Besar Kota Bharu 1940-an di Jalan Hilir Pasir. Kelihatan deretan beca roda tiga yang merupakan pengangkutan utama pada masa itu.

*Kota Bharu Central Market building in 1940's. The photograph feature a row of trishaw that been used as the main transportation during that time.*

## kini...


Kini dikenali dengan Pasar MPKB. Beca roda tiga jarang sekali kelihatan kerana kenderaan bermotor banyak digunakan.

*Now known as Pasar MPKB. Trishaw is rarely used because it had been replaced by modern engine generated vehicle.*



# KELANTAN ENCYCLOPEDIA

By Shariah Derahman & Nurul Dayanna Norji



## A is for Agoh

Gurgle

Refers to the act of making a baby or child smile or laugh. Usually done to wheedle the baby or child from crying. Pronounced 'are-goah'.

## B is for Boko

Tray

Refers to the tray used to carry food or something in a big quantity. It comes within various sizes depending on the usage. The bigger size can fit quite a number of things i.e glasses, cups, plates etc. It can be made from steel or plastic. The ones made from steel are usually used to carry heavier load, where as the ones made from plastic are for the opposite. Of course, steel trays are better in terms of resistance. Pronounced 'boar-koar'.



## C is for Cetong

Water Bucket

Refers to small buckets used to scoop water. This type of bucket is usually used during bath, laundry cleaning or to water plants. It is often made from plastic material but can also be made from coconut shell. Pronounced 'chair-tong'.

## D is for Dakoh

Dakoh is an aboriginal village at Pos Balar, Gua Musang. There are about 100 villagers living here with families, practicing Islam and Christianity. Journey from Kuala Betis will take around 4 hours with 65KM distance using dirt road and hills and 3 rivers. It is a cosy village with fresh air and harmonised society.

## E is for Elok

Chasing livestock towards their stockyard

Though with the same pronunciation, the meaning is not "something good" but this usage refers to the act of chasing livestock towards their stockyard. Usually this act is done by more than one person depending on the amount of livestock. Pronounced 'air-lock'.



## F is for Fiil

Elephant

Fiil in Arabic means elephant. In al Qur'an, there is a verse on Elephant (al-Fiil) which tell us a story about the elephant army led by Abrahah. They were scattered to pieces when the Ababil birds attacked them with stones from hell. This is due to the army's intention of ruining Ka'abah.


## G is for Geghey

Rack/Shelf/Rest area

Refers to the place to put stuff or a rest area, a long chair made of wood usually placed under a big tree. This can be seen especially in *kampung* area where people unwind or take their tea break.



## Dakoh



## H is for Hulu

Upstream

Refers to the district far from the beach or the interior of the state i.e Hulu Legoh in Jeli. The word also refers to the haft of a billhook.

## I is for Ita

Peek

Definitely not referring to a girls' name or a place of interest but 'ita' means peek, to look or glance quickly or furtively, especially through a small opening or from a concealed location. Pronounced 'e-ta'.

## J is for Jabbir

Plastic Bag

It's the name for plastic bag used to carry or store goods. Its synthetic or natural organic materials may be shaped when soft and then hardened. Created for various usage with various characteristics combined with its ability to adapt, its general composition and light weight assure that plastic are being used in all industries. However, the usage has been reduced to paper due to environmental-friendly purpose.

## K is for Koghok

Skull

Skull is the bony framework of the head, enclosing the brain and supporting the face. Living things has skull called craniates. Skull functions as the skeleton of the head. It supports the face structure and protects head from injury. Skull forms from two types of bones ; cranium and mandible. Pronounced 'koar-ghok'.

## L is for Lek-ik

Mash

Refers to a mashed or ground substance. Pronounced 'lack-eat'.

## M is for Molek

Good/Perfect

Refers to something good or perfect. It can be used for people, attire, food, atmosphere, behaviour etc. Something good or perfect will obviously be liked by many.

## N is for Ndor

Swing is a "structure" usually used to rock babies to sleep or for children to play at the playground. Many houses place the baby swing indoor while the swing for kids are placed outdoor. Pronounced 'en-doe'.



P

## O is for Olor

Extend (hand)

Refers to the act of extending hand to reach for or hold or give something to another person. Pronounced 'or-law'.

## P is for Pauh

Mango

Mango consists of 35 species of tropical fruit tree in the family of Anacardiaceae. It is found almost anywhere, but is thought to come from southern and southeast Asian continent including India, Pakistan, Burma, Sri Lanka and Bangladesh. Pakistan and India share the major export market of Mangoes. It is also their national fruit. Ripe Mangoes are very sweet in taste but they are bitterly sour before they ripen.

## Q is for Quran

Qur'an. Linguistically, Qur'an means 'readings'. The terminology shows that it means the words of Allah, a miracle sent to Prophet Muhammad *peace be upon him*, delivered in mutawatir (continuous mass testimony) and reading it is an ibadah (ultimate obedience and submission). The Qur'an was repeatedly revealed from Allah to Muhammad orally through the angel Jibril (Gabriel) and the first revelation was at Hira' cave on 17 Ramadhan when Muhammad was 41 years old; Surah Al Alaq, ayah 1 to 5. The last revelation was on 9 Zulhijjah 10 Hijriah; Surah Al Maidah ayah 3. Al Quran was not revealed once but during different times in different situation according to the needs.

## R is for Rok

Bush

Refers to bushes, wood or forest. Pronounced 'rock'.

## S is for Setto

Mangosteen

Colloquially known simply as "the mangosteen", is a tropical evergreen tree, believed to have originated in the Sunda Islands and the Moluccas of Indonesia. The tree grows from 7 to 25 m (20-80 ft) tall. The rind (exocarp) of the edible fruit is deep reddish purple when ripe. Known as the queen of fruits in comparison to durian as the king of fruits. Mangosteen is tropical fruit that takes time to grow. It is sensitive and can never live under the temperature of 40F or more than 100F, and the seed dies at 45F.

## T is for Tubik

A local term for "exit".

## U is for Upey

Means bait used for fishing or baiting other animals. Baits can be in the form of worms, small fish and prawns.



V

## V is for Viva

Viva

Refers to Perodua Viva - a city car manufactured by Malaysian automaker Perodua since May 10, 2007.



T



R



S

## W is for Wakaf Siku

Wakaf Siku is an important area at Jalan Sultan Yahya Petra (in front of KB Mall). Situated about 3KM from the centre of Kota Bharu, there are many facilities around this area including clinic, bank, restaurant and car service centre.

## X is for X-plore

Exploration is the act of searching or traveling for the purpose of discovery, e.g. of unknown people, including space (space exploration), for oil, gas, coal, ores, caves, water (Mineral exploration or prospecting), or information.

## Y is for "Yak boktey!"

A local expression of surprise.

## Z is for Zarah

Particles

Subatomic particles are minute particles which are composed of elementary and composite particles. The Quran has a verse describing the 'particles' is in Surah Al-Zal ayah 7 to 8:

*"Then shall anyone who has done an atom's weight of good, see it! And anyone who has done an atom's weight of evil, shall see it."*



وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ

"DAN KAMI JADIKAN TIAP-TIAP SESUATU YANG HIDUP DARI AIR"  
Ayat 30 Surah Al-Anbiyaa'



### AIR KELANTAN SDN BHD

Tingkat 5, Bangunan Perbadanan Menteri Besar Kelantan,  
Lot 2 & 257, Jalan Kuala Krai, 15050 Kota Bharu, Kelantan  
Tel : 09-743 7777 | Fax : 09-747 2030

Pusat Informasi & Talian Aduan AKSB (PINTAS) 1-300-88-2572

www.airkelantan.com.my

W

are you **CREATIVE?**

we can help you by training you to have the personality traits, attitudes, values, motivations, and interests that characterize creativity.



D.D MULTIMEDIA SOLUTIONS SDN BHD  
3rd Floor, KB Cyber Plaza, Jalan Hamzah, 15050 Kota Bharu, Kelantan

Tel: 09-747 3800  
Fax: 09-747 3801

www.daruldigital.com.my



# W is for Wakaf Siku

Wakaf Siku is an important area at Jalan Sultan Yahya Petra (in front of KB Mall). Situated about 3KM from the centre of Kota Bharu, there are many facilities around this area including clinic, bank, restaurant and car service centre.

# X is for X-plore

Exploration is the act of searching or traveling for the purpose of discovery, e.g. of unknown people, including space (space exploration), for oil, gas, coal, ores, caves, water (Mineral exploration or prospecting), or information.

# Y is for "Yak boktey!"

A local expression of surprise.

# Z is for Zarah



Particles

Subatomic particles are minute particles which are composed of elementary and composite particles. The Quran has a verse describing the 'particles' is in Surah Al-Zal ayah 7 to 8:

"Then shall anyone who has done an atom's weight of good, see it! And anyone who has done an atom's weight of evil, shall see it."



# pentadbiran ISLAM...




# MATAWANG SYARIAH DINAR & DIRHAM KELANTAN

Piawaian bagi setiap 1 keping dinar ialah 1 mithqal bersama dengan 4.25 gram emas berketulenan 22 karat (917). Piawaian menurut berat tersebut turut dikenali sebagai Piawaian Khalifah Umar Al-Khattab.

مَا بَلَغَ شَيْءٌ مِنْ عِبَادَتِي إِلَّا وَرَاءَهُ دِينَارٌ أَوْ دِرْهَمٌ



Gunakan Dinar & Dirham untuk setiap urusaniaga  
bagi penghapusan amalan riba!



Para peniaga yang ingin berdaftar sebagai  
**PENERIMA BAYARAN DENGAN  
DINAR & DIRHAM KELANTAN**

Sila Hubungi Kami  
**09 744 1901**

<http://www.dinarkel.com>

## SENARAI PENGEDAR RASMI

Permodalan Kelantan Berhad (PKB)	09-741 4343
Pejabat Koperasi Pasar Besar Siti Khadijah	09-741 9568
Nubex Sdn. Bhd.	03-7729 9640 / 03-7729 9604

## SENARAI PENERIMA URUSAN JUAL BELI

LOT KEDAI BIASA: NIE NIE COLLECTION (PAKAIAN), AL-QUDS TRAVEL AGENCY, S. MOHAMMED NATHAR CO (SUNDY SHOP), FAEZUN BIN ANWAR/PN NORIZON (RESTOREN), KAMAL TRADE (PAKAIAN), OSMAN NAZIR BN IBRAHIM, (PAKAIAN), DALURE ENTERPRISE (CONFECTIONARY), AIMAN RESTAURANT (RESTOREN), RUHAYA RESTAURANT (RESTOREN), CHE RUGAYAH RESTAURANT, PUTRI JEWEL & GALLERY, KEDAI EMAS KAK NIK DAN ANAK-ANAK, NATIKA COLD, SA GARAGE, AIZA COLLECTIONS, KEDAI BUKU M YUSUF, MASMAYA ENTERPRISE (JEWELRY), HJ AHMAD IDRIS (JEWELRY), AZIZ MAHMUD (TUDUNG), GREEN CORNER (CAFE, MEDICINE), CIK NAH RESTORAN (RESTAURANT), SYKT D.Y BROTHE (SPORTS MERCHANDISE), LAYA MIRDAM ENT (USED JEWELLERIES), PERNIAGAAN NIK ADIB B NIK MUSTAPHA (PRAYER MATS, RELIGIOUS BOOKS), SERI PINANG (PAKAIAN DAN TUDUNG), ANUM OPTOMETRIST, PERSATUAN TEKSI WAKAF BARU, WARONG KEDAI KOPI, NINA RESTAURANT, TURSAB (PAKAIAN DAN TUDUNG), SHAMISHA HOLIDAY & TRAVEL (PERKHIDMATAN BAS), ADDICA ENTERPRISE (SURAT KHABAR DAN PERALATAN SEKOLAH), P.K CORNERS RESTAURANT, KEDAI MAKAN SITI NASI KERABU, NAYEEZ TRADING (KEDAI RUNCIT), WAN MOHD SABRI B WAN OTHMAN (KEDAI KOPI), GS WORLD OF KNOWLEDGE (BUKU-BUKU SEKOLAH), USAHA DF. ENTERPRISE (PAKAIAN IBADAT), SYARIKAT S.ASHROFF (HIASAN DALAMAN), MODERN TRADING (PERAKASAN KAIN UNTUK KERETA), AN-NISA COLLECTIONS (KEDAI KAIN), SYARIKAT GUAN BEE (KEDAI KASUT DAN SELIPAR), ONE D TRADING, KX BAIDURI COLLECTIONS (KAIN SEMBAHYANG, SULAMAN TUDUNG), PESONA BATIK, EAST COMPOTECH SYSTEM SDN BHD, KEDAI FAUZIAH BT MOHD ALI (KEDAI COMPUTER), HAYAKI CAFE, MINDA AGRIMACHINERY SDN BHD (PEMBEKAL BARANGAN PERTANIAN), AZIZ MAHMUD HUDA'IY COLLECTIONS (MENJUAL TUDUNG), BUSANA ALMAWADAH (BUSANA MUSLIMAH), KEDAI KOPI AHMAD, NASI KUKUS FAMAN (RESTOREN), QISTINA RESTAURANT, POK PAR KEDAI KOPI RESTOREN SRI MUTIARA, ZANI MOTORS & SERVICE DELIGHT CAFE, ROHANI CAFE, SUPER BAKERY, GEE RESTAURANT, AN-NEESA ANTIK, KOTA BHARU COMPUTER CENTER, KEDAI COMPUTER, LIAN HONG TRADING SDN.BHD (KEDAI PERALATAN ELEKTRIK), KEDAI EMAS CHE RAHMAN & WAN HUSSIN, SYARIKAT MUDA OSMAN, KEDAI EMAS WAN HUSSIN WAN OMAR & ANAK-ANAK, E'WAN COLLECTION (PERUNCIT & PEMBORONG PAKAIAN), KEDAI KOPI WHITE HOUSE, HOTEL INDAH SDN.BHD, LEZYA COLLECTION, BBC ENTERPRISE (KEDAI JAM), KEDAI CERMIN MATA EVER BRIGHT, MIN SUN MEDICAL HALL, PERNIAGAAN AL MADANI JAYA (PEMBORONG & PERUNCIT KAIN), KEDAI EMAS YEE CHEONG, PEACE COLLECTIONS, BINTANG FASHION, PERMATA (PERTUKANGAN EMAS DAN PERMATA), NEW CENTURY TELECOMMUNICATION & TRADING, SABA ISLAMIC MEDIA KUBANG KERIAN (BUKU-ILMU), KLINIK PERGIGIAN FASHA, PERNIAGAAN AL-BARAKAH JAYA (KEDAI COMPUTER), FARMASI AL-FATHA, D'MAN BATIK, POLY PETS, AMAN HOSTEL, FAMILY RESTAURANT, GENE MARTINO (BUTIK PAKAIAN), SRI CAHAYA MOTOR, LOOOCK CELLULAR, TOTALLIFE DISTRIBUTION CENTRE, KAMI FOTOSTAT & STATIONARY, PUSAT KECANTIKAN LAMABIAN, BARUGERAI KAIN BAJU, KEDAI EMAS TRISHA, OPTOMETRIS KELUARGA, BELA COLLECTION, KAK PAH KEDAI MAKAN, KK GEMILANG TRADING (KEDAI HARDWARE), K ONE ELECTRONIC CENTRE, SIZZLING HOUSE, SWISS BAKERY & CAKE HOUSE, RESTORAN NIASI ULAM KG. KRAFTANGAN, KLINIK TMC (KLINIK SAKIT PUAN DAN KANAK-KANAK), T.H.M EVERGREEN AUTO SUPPLY, FARMASI AL-IMAN, SYARIKAT JAFFAR RAWAS (KEDAI BUKU ILMIAH DAN PAKAIAN), KETEREH JAYA SDN BHD, LORDOK CELLULAR (M) SDN.BHD.M, NUTRIMETRICS, YAP'OFFICE AUTOMATION & EQUIPMENT (KEDAI PERALATAN PEJABAT), DINNE ENTERPRISE (KEDAI RUNCIT), KEDAI EMAS CHE NASIR, HARMIDI KEDAI RUNCIT, PASAR SEGAR BUKHARI B.MOHAMED, HAZALENE ENTERPRISE (PRODUK KESIHATAN), HONG CHEONG (WATCH DEALER), WAN ALI TAYLOR, PERSATUAN TEKSI PENGKALAN CHEPA, PUSAT PERUBATAN HOMEOPATHY, PITER RIBLTAYLOR, RESTAURANT (BA) SIXTY NINE, MUHIBAH KB CAFE & SHA CK SDN.BHD, SPEED INTERNET CAFE, MADHAN SERI ANDAM, KEDAI MAKAN POHON PAUS, E-NA MARKETING (KAD JEMPUTAN), FAUZIAH BT DAUD, RAPHO & SANIAH COLLECTION (KEDAI PAKAIAN), BAWATAN KECANTIKAN AINS, CANTIK JEJITA BEUTY & COSMETIK, RAIFO RESOURCES (PENGKILANAN), SURIA BUNDLE, STC NETWORK SDN BHD, BUMI COPIER & OFFICE EQUIPMENT, PASAR SEGAK SERI PEKAN, DKKL COLLECTION (KEDAI KASUT), SINGER LUZAIWATY AGENCY (KEDAI ELEKTRONIK), MIMI KEDAI MAKAN, KEDAI RAZUKHI (KEDAI MAKAN), S.LHIN ENTERPRISE SDN BHD (GEDUNG BORONG), HUMAIRRA COLLECTION, ATIJARAH MINIMART, ROZAIMI OPTOMETRIST (TUMPAI), WAN KHAIRUL AZHAR (KEDAI RUNCIT), IDAYU KEDAI JAHIT, SITI FATIMAH (KEDAI JAHIT), NADIAN BEUTY COLLECTION, D FOTOSTET, PSD SOLUTION, HASNAH KEDAI MAKAN, CAHAYA ANGGUN BEUTY, KB KITCHEN & INTERIOR, TRR GLOBAL ENTERPRISE (PUSAT JUALAN & SERVIS PENAPIS AIR), SINARAN BUMI ENTERPRISE, DESERT FIELD MARKETING (MUNJUAL KURMA & TRADISIONAL), BAER CHEMICALS SDB, BHD (PEMBORONG PENCUCI SABUN), WZD TRADING, SATE BAUNG, NISHA KEDAI RUNCIT, THE SIGN OF WHO SALE & TRADING, ALINA COLLECTION, SABA ISLAMIC MEDIA, KMS, INGENIEUR SDN.BHD, KLINIK PERDANA, GERAKAN KOPERASI ECEP / KOPERASI INSANIAH, GLOBAL LIGHTING & ELECTRICAL, GOOH SOON SENG BAKERY & CONFECTIONERY, KEDAI MEE ISA, SMASB BROTHERS ENTERPRISE, NASI SUMATERA SERI HARMONI, SEVEN EIGHT SIX SERVICE, SYARIKAT PERDAGANGAN YEW BENG, NORJIHAN, SUKMA JAYA TRADING (KEDAI PANGANTIN), IYZA IMPIAN COLLECTION, KAK TIEY (KEDAI KAIN), ZH NIAGA ENTERPRISE, REHMAT FOOD & FROZEN SDN.BHD, SALLEH STADIUM, KEDAI RUNCIT HOUTLINK, ALAMI KREATIF (KEDAI KOMPUTER), KEDAI AZIZAH (KEDAI RUNCIT), KEDAI RUNCIT MOHD YUSOF, SHENION HOME DISCOVERY SDN.BHD, BUILDING MATERIALS, LGH KB BABY CENTER, FARMASI PHARMA UTAMA, KELANTAN TRADITIONAL CRAFTS & ANTIQUES, PERTUKANGAN EMAS HJ MOHD YASHIM, SHIFA' FURGAN (PERAK), KARTINY KEDAI EMAS, KEDAI EMAS SRI MASTARY, DINIE AMUDI ENTERPRIS, NENEE LEADHER (MENJUAL KULIT DAN ALATAN MEMBUAT KASUT), BUDGET HOTEL SIAYA WARISAN, KEDAI MAKAN PAK LAH, KB CHENG MOTOR, AL-IKHSAN, MACAZO HOME CENTRE SDN.BHD, KEDAI PERABOT MACAZO, GAYA WARISAN, SYARIKAT MENANG GLASSWARE SDN.BHD, SURIAMAS ELECTRIC, DEE CARPET, BUDGET HOTEL SIAYA WARISAN, LAZATI MESRA (KEDAI KOPI), ZULKARNALI REPAIR, TECK HING HARDWARE SDN.BHD HARDWARE, AL-ZAHRAH RESOURCES, YUT KEONG TRADING, P.L PERFUME, AE PROCOM TECH, IZZI COMMUNICATION, MUHIBAH ANEKA CAKEK, HOUSES, INAI KREATIF ENTERPRISE, SYMMETRY IT, SHELL KILAT SERVICES STATION, IMANGRAPHIC, MKE RESOURCES SDN.BHD, MONALIZAMASTURA ENTERPRISE SDN BHD, NORDIN BATIK & CRAFT SDN BHD, KAK HA SANTAN SEGERA, LILIAN SALOON, D'HALAL SHOPPE, WARUNG NASI DAGANG BISTRO, W. AB. HALIM KEDAI KOPI, LEE KOO LING (KEDAI BAKI TV), SOON TECK LEE ELECTRONIC, MUDHAKABAH TRADING, ND PLUS TRADING (KEDAI MAKAN), DOBI DR CLEAN, KEDAI BORONG AZMAN, IEL JAYA ENTERPRISE (KEDAI SANTAN) CRYSITAL TIMUR COMPUTER SDN.BHD, BAYAM JAYA TRADING, BBH JAYA ENTERPRISE, KEDAI RUNCIT HALINA, M.Z.I TRADING, FIKH TRADING, SURAYYA TRADING, KEDAI RUNCIT MYZ, SYSTRA BATIK, ABDUL COLLECTION, HANIAH RESTAURANT, KEDAI ROTI DIN, PERNIAGAAN CAHAYA KRAF, HILIRAN TIMUR ENTERPRISE (PAKAIAN MUSLIM), ZAINUL ABIDIN B. IBRAHIM, PERABOT, KERJAYA INDAH ENTERPRISE, AZLIZA MAJU TRADING, MILAN OPTICAL SDN.BHD, S.WAN KEDAI EMAS, KLINIK HOMEOPATHY KALTHOM AROMA ANGSANA SDN BHD, DIN KB COLLECTION, SWEET HING WATCH DEALERS, DEXTRO PHARMACY SDN.BHD, PUSAT CERMIN MATA JAYA, CINTA SERIBU IDEA, PUSAT PEMBORONG RIA, SUHAIBA ENTERPRISE, LOSYEN MUSTAJAB DUNIA HERBS, MAGIC & BEAUTY CARE, SPA, BUTIK PENGANTIN, PUPI FOTOSTATSANTAN SEGERA, AIMAN KIOSK, MARUZAN HOME COLLECTION, ZANA YL ENTERPRISE, KHAFAH KEDAI RUNCIT, HUSSIN HARDWARE, RIENA BEAUTY COLLECTION, SHA'S FASHION'S, ZIZIE TAYLOR, CE CHIEL TRADING, DANGWANGI ENTERPRISE, PAKATAN JAYA, RAZA DISTRIBUTORS SDN. BHD, THE SECRET DISTRIBUTIO (MINYAK PELINCIR ZBM ENTERPRISE (KEDAI FOTOSTAT), NZH YAAKUB TUKANG EMAS MELAYU, RESTORAN HAIKAL, ZUL ADVERTISING PLATE NUMBER, WAN ENIRA KRAF, ZEE MINI MARKET, KHALISH SHOP, DOCNAN (TEMPAHAN T-SHIRT), ROTI ARINA PANCHOR, D'APPLE CAFE, CHANTEQ APPAREL OUTLET, KEDAI MAKAN SAUDARA BARU, PENAWAR WARISA (BARANGAN HPA), VISTANI DOBI, YSL TOP TRADING, UNIQUE TOUCH, NORZID BOOK STORE, JASREEN TELECOMMUNICATION, NOLLY SOLUTION, TAWAKAL JAYA MOTOR, KELFOOD TRADING, ALC ARABIC LANGUIAGE & CONSULTANCY, AM TO PM TRADING, DINY ENTERPRISE (M) SDN BHD, LUCK ENTERPRISE, PENN-MART TOYS (M) SDN BHD, AS HAIR&BEAUTY SALON, TAMIS TOWN SDN. BHD, JUAL BELI JONGKONG MAS, ROHAYA BT, ABDULLAH (KEDAI MAKAN), KLINI PERDANA (CAW. ISLAM), PAK MAN CAFE, RED TAD, MYT SUTERA TRADING, PUNCAK SOLUTIONS & TRADING, FARMASI SAYANG, BABY & MOTHER HOUSE ENT, PREPAID CORNER SDN BHD, GINA ANGGUN, SRI KELANTAN JEWELLERS, RESTU IBU KEDAI EMAS, PARKWAY, DRI GEMS & JEWELLERY, TAY HONG KEE, DESERT FIELD MARKETING, SRI ENDANG ENTERPRISE, EASTERN GLOBAL ENTERPRISE, SATIS COLLECTION, SYARIKAT PITER LIBLY TAILOR, PC RADIX ENTERPRISE, LAILA RAWAS TEXTILE SDN BHD, ONE STOP TEXTILE CENTER, RESTORAN ZAKI, CITRA HAWA ENTERPRISE, MD SAID TRADING, AS OPTOMETRIS, MELOR PENGANTIN, AZIZ MAHMUD HADAYI, DWARNA ENTERPRISE (PAPAN TANDA, BANER), SURIA SALUN, FARMASI DELIMA, RESTORAN WAKAF BARU, NATURA BEBES HOME WAKAF BARU, DE FARRA BEAUTY SALOON & COLLECTION, NAF OPTIK, AB (PEMBEKAL PAMPERS), LAIDA COLLECTION, WAZA (REPAIR JEANS) JZ GEMILANG TRADING (DOBI), DSAR MINI MARKET, G-MART RESTAURANT, SYA ESAT ENTERPRISE, HJ RAHIMAH @ SALMA HJ YUNUS (SERUNDING DAGING), SA IMPIAN ENTERPRISE ALIMUDDIN ENTERPRISE (PERMAI IDANI), MUTHIARA SERVICE BIKAR KETING (FOTOSTAT PELAN), SERI MURNI FASYEN, ASTAKA ALAT TULIS BUSAINA COLLECTION, AMBANG OPTIMA SDN BHD, AKSESORI PAKAIAN SERAGAM, SELERA SERI CEMPAKA PERMATA, HJ RAH (PRODUK KESIHATAN / KOSMETIK / PUSAT TERAPI), RIZAL MURNIR, LEATHER GOODS, AA CRAFT, ZUL BATIK, KB PERMAI, SILVER HANDCRAFTS, HALIMAH BATIK, KIOSK MAI, BUTIK RANJING, MUHD LUFFI KEDAI EMAS, HJ WAN MAIMUNAH, WAN AZMI BATIK & SONGKET, KEY BEE COLLECTION, TERATAKKAD, HERRY JEWELLERY, IZ COLLECTION, IDAYU RESTAURANT, ABDULLAH TUKANG EMAS, FAREEN SILK HOUSE, ELVEE COLLECTIONS, Wafa SCARF AND SHAWL, KOLEKSI KHAIRUN, SRI-ANGGUN COLLECTION, ASNI BATEK, BUNDLE HOUSE, KOLEKSI KHAIRIN, MARY KAY, HAZZI BATIK, BATIK HUNGGA, IBM FASHION, RSB COLLECTION, KOLEKSI UMUMI BATIK, HANAFI BATIK SDN BHD, GALERI SEMASA, KEDAI BATIK, TAREEN SILK HOUSE, E-JAH BATIK, SAPIAH COLLECTION, AZNI COLLECTION, NIBIE BATEK, S-WAN BATIK, D&B FASHION HOUSE, PURNAMA D CRAFT, ABU BAKAR TAILOR & TRADING, WAN AZIZ BATIK, ZARWANI YAA'QUB, RUIZMAS, AKADEMI KRAFTANGAN KLTN, SERI ANDAMAN PENGANTIN, DORA LEATHER SHDES, D-BEL SALON & BEUTY, MAHZAN SERI PENGANTIN, ZIBI RESTOURANT, AA KRAF, CITRA AYU, ASIAH HUSSIN COLLECTION, WAFSA SCRAF & SHAWL, BAHAGIA RESTAURANT, MUSNIE BATEK, ASNI BATEK, MZ (BATIK SUTERA), NEA BERKAT, SHAM BATIK, D'ROSE BUTIK, SELAYANG BATIK, MILON TRADING CO., ASIAH @ HUSSIN COLLECTION, S. ALI (MPKB), RAZIAH COLLECTION, AZMI COLLECTION, FARIDAH COLLECTION, SURI BATIK, KIARA BATIK, IMA-MAN TEXTILES, DONE COLLECTION, RAIHANNA DOLLAH COLLECTION, MEX BATIK, SHA COLLECTION, ASARI STORE SDN BHD, RESTOREN SRI NARA, WAN CITY WORLD (M) SDN.BHD, KOTA EMAS (KEDAI PAKAIAN), SUPURA BATIK, AZERA NASI AYAM, KEDAI MAKAN WAN FAUZIAH, KEDAI MAKAN APAL, MIRA RESTOREN, KAK YAH MINI POPIA, HAMIESYA ENTERPRISE, HALIMAH BATIK, HUSRI TRADING SDN.BHD, ABG TRADING, AIDA ROHAYU, ARIEF CONNER, ZA SUP PERUT, AIDA & ALONG ENTERPRISE, KAK NA & ANAK-ANAK (MAKANAN RINGAN), NORISH ENTERPRISE, RUSIDAH & KASSIM, HJ.ABD SAMAD TEMBAGA, KOPERASI PENIAGA PASAR BESAR KHADIJAH, KEDAI REMPAH RATUS, KAK YAM JUALAN BORONG DAN RUNCIT, TIE YIE BATIK, ROHANI BATIK, WZ, MAWAR TRADING SDN.BHD, ASNI BATIK, ROHANA BT, AZIZ, RAFI BATIK SILK HOUSE, KAK MA BATIK, UMI BATIK, NORHAYATI BATIK, HALIMAH BATIK, LINDA & MADEE BATIK, HUSRI TRADING SDN.BHD, SELAYANG BATIK, ETERNAL BATIK, AZUHAN BATIK, MEY BATIK, SH MANIS, IRAMA KEMBANGAN, AIMAN BATEK, AIMAN BATEK, CT BATIK, KAK NIE BATEK, KAK YAH GOLOK, SARASU BATIK, RAHIMAH FESYEN, LAGENDA BATIK, NUR ALYA BATIK, AZDAL ENTERPRISE, BATIK HOUSE, KAK MAH / ABANG ZAN, MERANTI MURNI ENTERPRISE, NIK DEWI BATIK, KAK LAH ABE PIN, FORMULA TERBILANG SILK HOUSE, TIE & NIEBATIK, HAZIZI B. MUHAMMAD, MOHD SHAMSURIZAL, KEDAI EMAS WAKAF CHE YEH, PERNIAGAAN AL-BARAKAH JAYA KEDAI COMPUTER.

- Pembayaran Gaji
- Pembayaran Zakat
- Mas Kahwin
- Perniagaan

**KELANTAN GOLDEN TRADE SDN BHD**  
LOT 3-14, TINGKAT 3 KB BAZAR, JALAN HAMZAH, 15050 KOTA BHARU, KELANTAN  
Tel: +609 744 1901 +609 747 4082 Faks: +609 744 1902 +609 747 7815

